

Bil. 46

**Khamis
13 Julai 2006**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEBELAS
PENGKAL KETIGA
MESYUARAT KEDUA**

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman	1)
USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH P.M 18(1):		
■ Masalah Pemberhentian Kerja oleh Syarikat APM Industries Holding Berhad (APIM)		
- <i>Y.B. Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat)</i>	(Halaman	23)
RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT	(Halaman	24)
RANG UNDANG-UNDANG:		
Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2006	(Halaman	25)
Rang Undang-undang Tatacara Jenayah (Pindaan) 2006	(Halaman	25)
USUL-USUL:		
Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri Yang Mencadangkan Laporan Jawatankuasa Pilihan Khas Diperkenankan	(Halaman	25)
Menangguhkan Mesyuarat Di Bawah P.M. 16(3)	(Halaman	73)
UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN:		
Kegagalan Jangka (Meter) Tenaga Nasional Berhad		
- <i>Y.B. Tuan Lim Hock Seng [Bagan]</i>	(Halaman	73)
Kegagalan Permohonan Memecah Bahagi Bangunan atas Hak Milik GM 930 1796 Bandar Kuala Lumpur oleh Pemaju		
- <i>Y.B. Tuan Tan Kok Wai [Cheras]</i>	(Halaman	75)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib, PSM., SPCM., AMN., JP. (Pasir Salak) - UMNO
2. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, PJN., PIS. (Kulai) - MCA
3. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Yusof bin Yacob, PGDK., ADK. (Sipitang) - UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) - UMNO
2. " Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) - UMNO
3. Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, S.P.M.P., D.P.M.P. (Tanjong Piai) - MCA
4. " Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput) - MIC
5. " Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beruas) - GERAKAN
6. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Ranau) – UPKO
7. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd. Effendi bin Norwawi - Senator
8. " Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz, S.P.M.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) - UMNO
9. " Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) - UMNO
10. " Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) - UMNO
11. " Menteri Penerangan, Datuk Zainuddin bin Maidin (Merbok) - UMNO
12. " Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn, D.C.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) - MCA
13. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) - UMNO
14. " Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad (Kangar) – UMNO
15. " Menteri Pelajaran, Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembrong) - UMNO

16. Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu) - UMNO
17. “ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato’ Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.G.P.N., D.I.M.P. (Lembah Pantai) - UMNO
18. “ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato’ Dr. Haji Jamaludin bin Dato’ Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) - UMNO
19. “ Menteri Pengangkutan, Dato’ Sri Chan Kong Choy, S.S.A.P., D.S.A.P., D.P.M.S., (Selayang) – MCA.
20. “ Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop - Senator
21. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Dato’ Zulhasnan Rafique, D.I.M.P., A.M.N., (Setiawangsa) - UMNO
22. “ Menteri Pelancongan, Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor (Putrajaya) - UMNO
23. “ Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) – SUPP
24. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) - UMNO
25. “ Menteri Pengajian Tinggi, Dato’ Mustapa Mohamed (Jeli) - UMNO
26. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato’ Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S., D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M.,D.P.M.P., D.S.D.K. (Shah Alam) - UMNO
27. “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato’ Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasir Gudang) - UMNO
28. “ Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato’ Seri Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) - UMNO
29. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) - PBS
30. “ Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Chua Soi Lek (Labis) - MCA
31. “ Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina binti Othman Said (Pengerang) - UMNO
32. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Prof. Dato’ Dr. Abdullah bin Md. Zin (Besut) - UMNO

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mah Siew Keong (Telok Intan) - GERAKAN
2. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Douglas Uggah Embas (Betong) - PBB
3. “ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak) - MCA
4. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor) - MIC

5. Yang Berhormat Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato' Liow Tiong Lai (Bentong) - MCA
6. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor) – UMNO
7. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai) - UMNO
8. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) - UMNO
9. “ Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Anifah bin Haji Aman (Kimanis) - UMNO
10. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading) - SPDP
11. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P. (Raub) - MCA
12. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing) - UMNO
13. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Hon Choon Kim (Seremban) - MCA
14. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M. Kayveas, P.J.N. (Taiping) - PPP
15. “ Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO
16. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) - MCA
17. “ Timbalan Menteri Penerangan, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera) - GERAKAN
18. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Fu Ah Kiow (Kuantan) - MCA
19. “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Lenggong) – UMNO
20. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Mohd. Johari bin Baharum (Kubang Pasu) - UMNO
21. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' S. G. Sothinathan (Telok Kemang) - MIC
22. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P., A.M.N. (Tengah) - MIC
23. “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Dato' Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru) - MCA
24. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) - UMNO
25. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) - UMNO

26. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelancongan, Dato' Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan) - MCA
27. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S. (Sibu) - SUPP
28. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato' Joseph Salang Gandum (Julau) - PBDS
29. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Kong Cho Ha (Lumut) - MCA
30. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ng Lip Yong (Batu) - GERAKAN
31. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Sepang) – UMNO
32. “ Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin) – UMNO
33. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Wira Abu Seman Yusop (Masjid Tanah) - UMNO
34. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Azizah binti Mohd. Dun (Beaufort) – UMNO
35. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Marang) - UMNO
36. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Zainal Abidin bin Osman (Nibong Tebal) - UMNO
37. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) - PBDS
38. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin (Bachok) – UMNO
39. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman – Senator

SETIAUSAHA PARLIMEN

1. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim (Baling) - UMNO
2. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya (Balik Pulau) - UMNO
3. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dr S. Subramaniam (Segamat) - MIC
4. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Dato' Yong Khoon Seng (Stampin) - SUPP
5. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew (Klang) – MCA
6. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, Tuan Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) - UMNO
7. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim (Batang Lupar) - PBB

8. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Puan Noriah binti Kasnon (Sungai Besar) - UMNO
9. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato’ Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim (Pokok Sena) - UMNO
10. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran, Puan Komala Devi (Kapar) – MIC
11. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datin Paduka Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara) - MCA
12. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani (Bukit Katil) – UMNO
13. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Hoo Seong Chang (Kluang) - MCA
14. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, Tuan Yew Teong Look (Wangsa Maju) - MCA
15. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Senator Dato’ Dr. S. Vijayarantnam - Senator
16. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Adham bin Baba (Tenggara) - UMNO
17. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman (Silam) - UMNO
18. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tuan Sazmi bin Miah (Machang) - UMNO
19. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato’ Lee Kah Choon (Jelutong) - GERAKAN
20. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Tuan Sa. Vigneswaran (Kota Raja) - MIC

AHLI-AHLI

1. Yang Berhormat Tuan Aaron Ago Dagang (Kanowit) - PBDS
2. “ Brig. Jen. (B) Dato’ Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin (Parit Buntar) - UMNO
3. “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron (Rantau Panjang) - PAS
4. “ Datuk Abdul Ghapur bin Salleh (Kalabakan) - UMNO
5. “ Dato’ Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman (Pengkalan Chepa) – PAS
6. “ Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir (Kulim Bandar Baharu) - UMNO
7. “ Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) - UMNO
8. “ Dato’ Abdul Rahman bin Ariffin (Jerlun) - UMNO
9. “ Datuk Patinggi Tan Sri Abdul Taib bin Mahmud (Kota Samarahan) - PBB
10. “ Dato’ Abu Bakar bin Taib (Langkawi) - UMNO
11. “ Dato’ Seri Adenan bin Satem (Batang Sadong) - PBB

12. Yang Berhormat Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) - PBB
13. “ Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz (Titiwangsa) - UMNO
14. “ Dato’ Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin (Jerai) - UMNO
15. “ Tuan Baharum bin Mohamed (Sekijang) - UMNO
16. “ Tuan Bernard S. Maraat @ Ben (Pensiangan) - PBRs
17. “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) - PBDS
18. “ Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) - UMNO
19. “ Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman (Kuala Nerus) – UMNO
20. “ Dato Haji Che Min bin Che Ahmad (Pasir Puteh) - UMNO
21. “ Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching) - DAP
22. “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam) - DAP
23. “ Tuan Chong Hon Min (Sandakan) - BEBAS
24. “ Dato’ Chor Chee Heung (Alor Star) - MCA
25. “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong) - DAP
26. “ Dato’ Chua Jui Meng (Bakri) – MCA
27. “ Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy (Cameron Highlands) - MIC
28. “ Tuan Donald Peter Mojuntin (Penampang) – UPKO
29. “ Ir. Edmund Chong Ket Wah (Batu Sapi) - PBS
30. “ Tuan Eric Enchin Majimbun (Sepanggar) - SAPP
31. “ Tuan Haji Fadillah bin Yusof (Petra Jaya) - PBB
32. “ Dato’ Firdaus bin Harun (Rembau) - UMNO
33. “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang) - DAP
34. “ Cik Fong Po Kuan (Batu Gajah) - DAP
35. “ Dato’ Ghazali bin Ibrahim (Padang Terap) - UMNO
36. “ Dato’ Goh Siow Huat (Rasah) - MCA
37. “ Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) - UMNO
38. “ Datuk Haji Hasan bin Malek (Kuala Pilah) - UMNO
39. “ Tuan Hashim bin Jahaya (Kuala Kedah) - UMNO
40. “ Ir. Hasni bin Haji Mohammad (Pontian) - UMNO
41. “ Tuan Henry Sum Agong (Bukit Mas) - PBB
42. “ Tan Sri Dato’ Hew See Tong (Kampar) - MCA
43. “ Tuan Huan Cheng Guan (Batu Kawan) - GERAKAN
44. “ Datuk Haji Idris bin Haji Haron (Tangga Batu) - UMNO
45. “ Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib (Maran) - UMNO
46. “ Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said (Kuala Krau) - UMNO
47. “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas) - PAS
48. “ Datuk Ismail Sabri bin Yaakob (Bera) - UMNO
49. “ Dato’ Jacob Dungau Sagan (Baram) - SPDP

50. Yang Berhormat Dr. James Dawos Mamit (Mambong) - PBB
51. “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu) - PBDS
52. “ Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) - SPDP
53. “ Tuan Jimmy Donald (Sri Aman) - PBDS
54. “ Datu Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) - PBS
55. “ Dr. Junaidy bin Abdul Wahab (Batu Pahat) - UMNO
56. “ Datuk Juslie Ajirol (Libaran) - UMNO
57. “ Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar (Subang) - MIC
58. “ Dato' Kamarudin bin Jaffar (Tumpat) - PAS
59. “ Tuan R. Karpal Singh (Bukit Gelugor) – DAP
60. “ Dato' Seri Kerk Choo Ting (Simpang Renggam) - GERAKAN
61. “ Tuan Lau Yeng Peng (Puchong) - GERAKAN
62. “ Tan Sri Law Hieng Ding (Sarikei) – SUPP
63. “ Datuk Dr. Leo Michael Toyad (Mukah) - PBB
64. “ Dato' Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Padang Serai) - MCA
65. “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan) - DAP
66. “ Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timor) - DAP
67. “ Tuan Loh Seng Kok (Kelana Jaya) - MCA
68. “ Dato' Loke Yuen Yow (Tanjong Malim) – MCA
69. “ Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani) - UMNO
70. “ Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat) - DAP
71. “ Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh (Putatan) - UPKO
72. “ Tuan Markiman bin Kobiran (Hulu Langat) - UMNO
73. “ Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan (Sabak Bernam) – UMNO
74. “ Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad (Ketereh) – UMNO
75. “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) - UMNO
76. “ Tuan Mohamad Shahrum bin Osman (Lipis) - UMNO
77. “ Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat, J. P. (Kuala Krai) - UMNO
78. “ Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim (Kota Bharu) - UMNO
79. “ Tuan Mohd. Daud bin Tarihep (Kuala Selangor) - UMNO
80. “ Dr. Mohd. Hayati bin Othman (Pendang) - PAS
81. “ Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof (Jasin) - UMNO
82. “ Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh) - UMNO
83. “ Tuan Mohd. Yusop bin Majid (Setiu) - UMNO
84. “ Tuan Nasaruddin bin Hashim (Parit) - UMNO
85. “ Datuk Nur Jazlan bin Mohamed (Pulai) - UMNO
86. “ Datuk Dr. Rahman bin Ismail (Gombak) - UMNO

87. Yang Berhormat Tuan Raimi Unggi (Tenom) – UMNO
88. “ Dato’ Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut) - UMNO
89. “ Tan Sri Dato’ Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib (Pasin Salak) - UMNO
90. “ Tuan Razali bin Ibrahim (Muar) - UMNO
91. “ Dato’ Razali bin Ismail (Kuala Terengganu) – UMNO
92. “ Datuk Richard Riot anak Jaem (Serian) - SUPP
93. “ Datuk Ronald Kiandee (Beluran) – UMNO
94. “ Datuk Rosli bin Mat Hassan (Dungun) - UMNO
95. “ Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin (Papar) – UMNO
96. “ Dr. Rozaidah binti Talib (Ampang) - UMNO
97. “ Tuan Salahuddin bin Ayub (Kubang Kerian) - PAS
98. “ Datuk Salleh bin Tun Said (Kota Belud) – UMNO
99. “ Ir. Shaari bin Hassan (Tanah Merah) – UMNO
100. “ Dato’ Shahrir Abdul Samad (Johor Bahru) – UMNO
101. “ Datuk Seri Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S, S.S.A., K.M.N, S.S.A.P, (Kuala Langat) - UMNO
102. “ Tuan Shim Paw Fatt (Tawau) - SAPP
103. “ Datuk Seri Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman (Paya Besar) – UMNO
104. “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman (Labuan) – UMNO
105. “ Tuan Syed Hood bin Syed Edros (Parit Sulong) – UMNO
106. “ Dato’ Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail (Arau) – UMNO
107. “ Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) - MCA
108. “ Dato’ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut) - GERAKAN
109. “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras) - DAP
110. “ Cik Tan Lian Hoe (Bukit Gantang) - GERAKAN
111. “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong) – DAP
112. “ Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) - MCA
113. “ Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang (Hulu Terengganu) - UMNO
114. “ Tengku Razaleigh bin Tangku Hamzah, (Gua Musang) – UMNO
115. “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh) – DAP
116. “ Tan Sri Dato’ Seri Dr. Ting Chew Peh (Gopeng) - MCA
117. “ Dato’ Seri Tiong King Sing (Bintulu) - SPDP
118. “ Tuan Tiong Thai King (Lanang) - SUPP
119. “ Datuk Wahab bin Haji Dollah (Kuala Rajang) - PBB
120. “ Dato’ Wan Adnan bin Wan Mamat (Indera Mahkota) - UMNO
121. “ Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail (Permatang Pauh) - KEADILAN

-
122. Yang Berhormat Dato' Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin (Sik) – UMNO
123. “ Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh (Gerik) – UMNO
124. “ Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Santubong) - PBB
125. “ Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam) - MCA
126. “ Tuan Wilfred Madius Tangau (Tuaran) - UPKO
127. “ Tuan Wong Nai Chee (Kota Melaka) - MCA
128. “ Dato' Yap Pian Hon (Serdang) - MCA
129. “ Datuk Dr. Yee Moh Chai (Kota Kinabalu) - PBS

DEWAN RAKYAT**Ketua Pentadbir Parlimen**

Haji Kamaruddin Mohamed Baria

Setiausaha Dewan Rakyat

Dato' Abdullah bin Abdul Wahab

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)

Hajah Roosme binti Hamzah

PETUGAS-PETUGAS**PENERBITAN PENYATA RASMI (HANSARD)**

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd Hassan

Hajah Supiah binti Dewak

Hajah Kamisah binti Sayuti

Abd. Talip bin Hasim

Hadzirah binti Ibrahim

Saadiah binti Jamaludin

Jamilah Intan binti Haji Bohari

Hairan bin Mohtar

Nurziana binti Ismail

Suriyani binti Mohd. Noh

Marzila binti Muslim

Habibunisah binti Mohd. Azir

Aisyah binti Razki

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Nurul Asma binti Zulkepli

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Nur Azilah binti Ahmad Ibrahim

Norasmawati binti Mohamed Nor

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Zaida Zuriani binti Mohd Zamli

Azmir bin Mohd Salleh

Azanariah binti Mohd Yunan

Norhasani binti Yaacob

MALAYSIA**DEWAN RAKYAT****Khamis, 13 Julai 2006****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA**

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob)

mempengerusikan Mesyuarat]**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat 20 dan saya merujuk kepada berita-berita dalam beberapa surat khabar....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya. Mengenai semacam *Utusan Malaysia*, "*Dewan Rakyat Dibolosi Risalah Tajuddin Ramli*". Isu pembelian saham syarikat-syarikat, sesuatu yang tidak sepatutnya dibawa masuk.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat....

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya. Peraturan Mesyuarat 20 ialah mengenai pembentangan....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat....

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya, benarkan saya teruskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sekarang kita ada urusan soal jawab.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tidak, Peraturan Mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya, bila-bila saya boleh berdiri. Sesiapa boleh berdiri atas Peraturan Mesyuarat, mengikut Peraturan Mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Dan mengikut Peraturan Mesyuarat 20 yang menggariskan kaedah di mana mengenai pembentangan risalah-risalah. Inilah satu perkara yang sama ada untuk diedarkan oleh semua Ahli-ahli Parlimen, tetapi Ahli-ahli Parlimen pembangkang kita tidak dapat risalah-risalah semacam "*The Tajuddin Ramli Bombshell: Who Is the Real Culprit?*", "*Tuntutan Balas Tajuddin Ramli Terhadap Danaharta, Mengapa Dia Berbuat Begitu?*" dan....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah. Saya faham, saya faham.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: "*Tajuddin Ramli Counter Claim Against Danaharta, Why Did He Do It?*" Isu ini saya cuba untuk menengguhkan Dewan yang mulia ini untuk membahaskan isu yang begitu penting, tetapi nampaknya adalah risalah-risalah yang diedarkan tidak diberi kepada kita di pihak Ahli-ahli Parlimen Pembangkang. Apa sebenarnya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah. Cukuplah Yang Berhormat. Kadang-kadang ada isu tersebut dari kalangan Ahli Parlimen sesama mereka. Jadi ini tidak melalui kita. Jadi Yang Berhormat boleh bahas dalam masa tertentu kalau Yang Berhormat ada masa. Jadi saya tidak membenarkan isu itu sekarang.

1. Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai] minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan mengenai tahap pencapaian atlet-atlet Malaysia dalam sukan SUKMA. Apakah inisiatif yang telah dan akan diambil oleh kementerian untuk melahirkan lebih ramai atlet berwibawa yang mampu menjulang nama Malaysia di peringkat antarabangsa.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Dato' Liow Tiong Lai]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Krai. Objektif utama Sukan Malaysia dikelolakan ialah bertujuan untuk mencungkil serta mengenal pasti bakat-bakat muda dalam bidang sukan di seluruh negara.

Pada keseluruhannya, wawasan Sukan Malaysia telah dapat dicapai memandangkan setiap kali Sukan Malaysia diadakan, kita telah dapat melahirkan jaguh-jaguh sukan remaja di peringkat kebangsaan. Di samping itu, setiap kali Sukan Malaysia diadakan juga, banyak rekod baru telah dicipta dan ini membuktikan bahawa mutu pertandingan sukan di Sukan Malaysia sentiasa meningkat dari masa ke semasa. Sebagai contoh, Sukan Malaysia kesembilan di Sabah 2002 telah mencipta tujuh rekod kebangsaan dan 62 rekod kejohanan.

Sukan Malaysia Negeri Sembilan yang kesepuluh 2004, mencipta sembilan rekod kebangsaan dan 49 rekod kejohanan serta pada tahun ini, Sukan Malaysia yang kesebelas di Kedah, dua rekod kebangsaan dan 38 rekod kejohanan yang telah dicipta. Pada keseluruhannya, Sukan Malaysia telah berjaya menggerakkan pembangunan sukan khususnya di negeri-negeri. Didapati pada masa kini, setiap negeri mempunyai program pembangunan sukan masing-masing secara tersusun dan sistematik sama ada program jangka pendek atau jangka panjang.

Kerajaan negeri juga menyediakan peruntukan tahunan kepada Majlis Sukan Negeri bagi membiayai program-program berkenaan termasuk pengelolaan, serta langkah-langkah untuk menyediakan kontinjen masing-masing di Sukan Malaysia. Sebagai contoh, di negeri Selangor mengelolakan SUKSAS, negeri Kedah mengelolakan SUPDA, negeri Perak mengelolakan SUPER, manakala di negeri Pahang mengelolakan SUPA setiap dua tahun sekali berselang dengan Sukan Malaysia.

Bagi melahirkan lebih ramai atlet-atlet negara, Jawatankuasa Kabinet Pembangunan Sukan dan Kementerian Belia dan Sukan telah mengambil beberapa langkah termasuk mewujudkan lebih banyak lagi sukan sekolah, mengadakan program *Cari Champion* dan meningkatkan kerjasama Kementerian Pelajaran dan Kementerian Belia dan Sukan untuk mengenal pasti bakat-bakat yang terpendam dalam pelajar-pelajar kita di peringkat sekolah lagi.

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya memang minat dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri ini. Kalau ada pertandingan di mana-mana, saya tengok muka dia sebab muka dia *handsome*.... [Ketawa]

Beberapa Ahli: [Bersorak]

Seorang Ahli: Ooi! Dapat stadiumkah?

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Tetapi yang kena mengenanya ini Tuan Syed, mengenai dengan prestasi sukan. Kita tahniahlah kerana beliau naik pangkat. Dahulu bersekali dengan kita. Sekarang ini jarang-jarang kita boleh tengok. Dia kerja kuat ke arah sukan. Tapi walaupun sukan Malaysia meningkat, prestasinya amat jauh bila kita bandingkan dengan negara-negara jiran umpamanya, sedarkah pihak kementerian prestasi sukan ini gedungnya bermula dari peringkat sekolah. Kerana di sekolah rendah dan sekolah menengahlah bermulanya sukan ini. Tahukah pihak kementerian kita masih ketinggalan jauh. Umpamanya dari segi latihan sukan itu sendiri.

Padang-padang sekolah tidak ada terutamanya di luar bandar. Bagaimanakah perkara ini tidak diambil tahu oleh pihak kementerian sedangkan kita sudah merdeka 50, 60 tahun dan prestasi sukan begitu jauh ketinggalan daripada negara-negara jiran.

Saya hendak tahu adakah pihak kementerian sedar bahawa prestasi sekolah-sekolah ini, jikalau ada, adakah usaha untuk memusatkan pelajar-pelajar yang prestasinya meningkat dari segi sukan di tempatkan di satu kawasan, di sekolah umpamanya di dalam bandar dan diadakan latihan-latihan tertentu untuk meningkatkan pencapaian yang lebih baik. Tidakkah untuk prestasi dalam negeri sahaja tetapi kita ukur dari prestasi kebangsaan. Itu maksud saya. Sila beri penjelasan. Terima kasih.

Dato' Liow Tiong Lai: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Krai. Saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini, bahawa kementerian memang mengambil tindakan-tindakan dan inisiatif untuk meningkatkan lagi sukan dalam negara kita. Jawatankuasa Kabinet Pembangunan Sukan juga telah pun mengambil beberapa langkah termasuk seperti mana yang telah saya nyatakan tadi untuk memastikan kerjasama di antara Kementerian Belia dan Sukan dan Kementerian Pelajaran dapat ditingkatkan.

Oleh itu pada Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Pembangunan Sukan yang lalu, kita telah pun memastikan bahawa satu program, *Talent ID Program, Talent Identification*, mengenal pasti bakat yang terpendam dalam murid-murid kita dapat dijalankan di semua negeri, di semua sekolah. Program ini akan kita laksanakan dalam tahun ini bersama dengan Program Mencari Juara. Dengan adanya program-program ini, maka apabila kita mengenal pasti bakat-bakat ini kita akan mengambil mereka ke sekolah-sekolah sukan yang telah diwujudkan di Bukit Jalil. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Kota Melaka.

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kita telah mewujudkan satu jawatan Pesuruhjaya Sukan. Saya ingin tahu daripada kementerian, apakah yang telah dilakukan oleh Pesuruhjaya Sukan ini dan setakat manakah Pesuruhjaya Sukan itu berkesan dalam meningkatkan prestasi atlet-atlet dalam negara kita.

Ekoran jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi mengenai rekod-rekod dalam negara kita, saya ingin tahu sejauh manakah rekod-rekod dalam negara kita itu yang dikatakan telah pun dicapai dalam SUKMA sebenarnya adalah setanding dengan rekod-rekod oleh atlet-atlet di negara-negara luar, kerana apa yang kita perlukan bukan setakat jaguh kampung sahaja, tetapi jaguh dunia yang kita idamkan. Terima kasih.

Dato' Liow Tiong Lai: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Kota Melaka. Memang kementerian telah pun mewujudkan satu Suruhanjaya Sukan untuk mendaftar pertubuhan-pertubuhan sukan. Apabila Suruhanjaya Sukan ini diwujudkan, maka semua persatuan sukan akan didaftar di bawah Pesuruhjaya Sukan dan Pesuruhjaya Sukan akan menyelaraskan aktiviti-aktiviti ataupun membantu memastikan bahawa semua aktiviti yang dijalankan oleh persatuan itu adalah di dalam keadaan yang baik. Setakat ini memang banyak persatuan sukan yang memohon untuk mendaftar di bawah Suruhanjaya Sukan. Saya tidak ada bilangan yang terperinci dan saya akan berikan secara notis.

Berhubung dengan pencapaian rekod atlet kita di peringkat kebangsaan, untuk makluman Dewan yang mulia ini rekod kebangsaan kita memang setanding dengan rekod-rekod yang dicapai di peringkat Asean. Oleh itu dalam Sukan SEA kita lihat memang kita mencapai tahap yang baik dan di Sukan Asia di Doha nanti kita juga berharap akan mencapai kecemerlangan yang kita cita-citakan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Larut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak buat soalan tambahan. Semalam kita baca, kita hendak membelanjakan kira-kira hampir RM500 juta untuk tujuan menjadikan kota London sebagai kompleks sukan bagi menempatkan para atlet kita. Kalau wang ini kita ambil kira untuk

mewujudkan sebuah universiti sudah tentu kita dapat wujudkan sebuah universiti di kawasan kita, barangkali di Larut, barangkali di Sri Gading dan tempat-tempat yang lain.

Tetapi masalahnya apakah pihak kementerian melihat kalau boleh wang yang sebesar ini kita gunakan untuk menghantar atlet kita ke negara-negara yang sudah berjaya dalam sukan Olimpik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, jangan bagi ucapan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Soalan tambahan. Soalan tambahan saya, apakah pihak kementerian lebih melihat kita menghantar atlet kita ke negara-negara yang telah mencapai kejayaan. Saya mengambil contoh, Perdana Menteri kita sudah sampai ke Jamaica. Kita tahu Jamaica ini handal dalam olahraga wanita....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sudah cukuplah, Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Jadi, apakah pihak Majlis Sukan Negara ingin merombak semula segala program perancangan sedangkan kita tahu Sukan Asia sudah ada bayangan daripada Menteri bahawa ia lembap, untuk kita menghadapi Sukan Doha yang telah pun ditukar nama daripada Sukan Komanwel Asia kepada Sukan Doha. Apa pandangan Yang Berhormat. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Liow Tiong Lai: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Larut. Pusat sukan yang dicadangkan dibina di London ini adalah satu cadangan dan adalah memang untuk kecemerlangan sukan di negara kita. Ia dicadangkan di atas sekeping tanah yang diperolehi oleh kerajaan semenjak dari tahun 1949 di atas tanah seluas 44 ekar. Tanah untuk pusat sukan tersebut sekarang ini digunakan untuk penyelidikan oleh RRI dan memang luas lagi kawasan yang belum dibangunkan. Cadangan ini apabila dicadangkan adalah untuk transit atlet-atlet kita agar mereka dapat peluang untuk berinteraksi ataupun mengambil *exposure* di peringkat antarabangsa...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat, saya minta kerajaan....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, tidak boleh Yang Berhormat. Menteri tengah menjawab. Cukuplah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kerajaan kena berhati-hati. Matlamat salah. Tujuan pun salah. Perbelanjaan ini besar. Duit rakyat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Lebih baik duit itu untuk memajukan sukan dalam negeri.... [*Tepuk*] Esok perbelanjaan tambahannya boleh jadi satu bilion. Tidak berfaedah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup. Cukup, Yang Berhormat bagi Sri Gading. Sila duduk.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kemajuan pun tidak akan tercapai. Ini kerajaan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, ini masa soalan ...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya sayang kerajaan, Tuan Yang di-Pertua, supaya kerajaan tidak dikecam oleh rakyat. Kena berhati-hatilah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah. Cukuplah. Yang Berhormat boleh bahas dalam ruangan yang lain bukan masa soal jawab.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Biarlah rakyat ini, yang kita wakili...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, sila duduk.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ya, saya akan duduk, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, teruskan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ini bukan hendak kritik atau pun apa. Ini pandangan rakyat, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Liow Tiong Lai: Terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Gading. Yang RM490 juta itu adalah tidak tepat. Seperti yang jelaskan semalam, memang ini satu cadangan. Belum lagi apa-apa cadangan berhubung dengan kos langsung. Kos itu belum timbul lagi.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ini bukan masa berbahas, Yang Berhormat. Yang Berhormat, cukuplah. Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah selesai?

Dato' Liow Tiong Lai: Ya.

2. Tuan Syed Hood bin Syed Edros [Parit Sulung] minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan, apakah rasionalnya ditubuhkan Kelab Sahabat KEMAS serta pengisian yang akan diterapkan kepada masyarakat luar bandar serta apakah dengan tertubuhnya kelab ini dapat mengurangkan kadar kemiskinan masyarakat luar bandar.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Dato' Zainal Abidin bin Osman]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Parit Sulong kerana membawa soalan ini. KEMAS sebagai agensi di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah perlu lebih aktif dan responsif terhadap pembangunan manusia ke arah melahirkan masyarakat yang cemerlang dan berbudaya saing. Rasional penubuhan Kelab Sahabat KEMAS adalah untuk menggerakkan masyarakat dengan peranan untuk mempercepatkan, menggalak, merealisasi dan memperhebatkan usaha-usaha pembangunan manusia di luar bandar agar dapat dilakukan dengan lebih tersusun dan berkesan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, antara objektif kelab adalah untuk membantu meningkatkan pembangunan ekonomi masyarakat luar bandar melalui aktiviti-aktiviti KEMAS dan pengisian kelab ini adalah dengan melaksanakan tiga program utama iaitu:

- (i) bina insan;
- (ii) pendidikan masyarakat; dan
- (iii) gerakan masyarakat yang menasarkan golongan remaja, dewasa, pemimpin-pemimpin dan ibu bapa.

Program-program ini antara lain bertujuan membentuk individu dan masyarakat yang bermoral, berakhlak tinggi, berdikari dan bertanggungjawab. Selain itu, ianya memberi latihan kemahiran kepada masyarakat luar bandar dalam bidang-bidang tertentu seperti jahitan, masakan, kraf tangan agar boleh menghasilkan pendapatan ekonomi keluarga dan melahirkan usahawan kecil dan sederhana di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, penubuhan kelab ini mampu menjadi ejen kepada pengurangan dan seterusnya pembasmian kemiskinan masyarakat luar bandar dan melalui

kelab ini juga akan wujud rangkaian hubungan antara kerajaan dengan masyarakat serta jalinan kerjasama dengan pemimpin-pemimpin dan agensi-agensi kerajaan yang lain.

Akhir kata, melalui rangkaian hubungan ini setiap maklumat atau kempen-kempen kerajaan akan dapat disalurkan kepada seluruh masyarakat. Selain itu maklum balas masyarakat di atas kelemahan yang wujud serta masalah rakyat terutama masalah kemiskinan boleh disampaikan melalui kelab ini kepada pihak pemimpin dan kerajaan bagi memastikan usaha kerajaan akan dapat dinikmati oleh setiap lapisan masyarakat. Terima kasih.

Tuan Syed Hood bin Syed Edros Alhaj [Parit Sulong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terlebih dahulu izinkan saya untuk mengucapkan tahniah kepada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah ini yang begitu banyak memperkenalkan perkara-perkara baru dan yang terkini ini adalah Kelab Sahabat KEMAS.

Soalan saya, apakah rancangan kementerian dalam membasmi kemiskinan dan juga memulihkan dan mempertingkatkan modal insan dalam perspektif KEMAS? Adakah KEMAS ini akan dirombak untuk diperincikan lagi? Ini kerana saya nampak KEMAS sekarang ini...*[Disampuk]* Tidak kemas....*[Disorak]* Tadikanya berterabur. Saya pun hendak tahu berapa peruntukan yang diperuntukkan, mungkin perbezaan daripada Rancangan Malaysia Ketujuh, Rancangan Malaysia Kelapan, Rancangan Malaysia Kesembilan..., tidak payah banyak sangatlah, kot? Lapan, Sembilan itu, umpamanya.

Saya harap dari sudut pendidikan, jumlah mereka yang mengikuti tadika ini dapat dipertingkatkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, teruskan kepada soalan, Yang Berhormat.

Tuan Syed Hood bin Syed Edros Alhaj [Parit Sulong]: Sudah soallah itu, dia faham. Tuan Yang di-Pertua, tidak dapat soalan? Dia dapat. Terima kasih, ya.....
[Ketawa]

Dato' Zainal Abidin bin Osman: Terima kasih Yang Berhormat bagi Parit Sulong. Ingin saya nyatakan bahawa KEMAS yang ada di bawah kementerian kita, sentiasa kita perkemaskan dari semasa ke semasa dan mahu tidak mahu kita tidak dapat menafikan bahawa KEMAS adalah satu agensi yang merupakan akar umbi di seluruh kampung-kampung dan desa. Ia merupakan pemangkin kepada banyak kegiatan-kegiatan masyarakat di kawasan-kawasan luar bandar.

Sebagai menjawab soalan Yang Berhormat, dalam Rancangan Malaysia Ketujuh kita telah membelanjakan RM107.591 juta. Kemudian, dalam Rancangan Malaysia Kelapan, angka ini meningkat empat kali ganda kepada RM479.123 juta. *Alhamdulillah*, untuk Rancangan Malaysia Kesembilan ini ia meningkat lagi dua kali ganda kepada RM744 juta. Semua aktivitiinya adalah di bawah KEMAS.

Seperti Yang Berhormat cakap tadi tentang ada tadika-tadika yang masih daif keadaannya, dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini kita bercadang untuk membina 1,300 lebih tadika baru dan 1,800 lebih bangunan tabika yang kita akan perbaiki. Percayalah Yang Berhormat, kementerian ini akan melakukan apa sahaja untuk mempertingkatkan kualiti mendirikan prasekolah dan masyarakat keseluruhannya di peringkat akar umbi, di desa-desa dan kampung pendalaman. Terima kasih.

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh [Gerik]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Parit Sulung tentang peruntukan tahunan. Jadi, saya ingin tahu lebih spesifik bila ditubuhkan Kelab Sahabat KEMAS ini, berapa banyak peruntukan tahunan. Ini kerana kita tidak mahu kelab seperti ini nanti menjadi beban kepada Ahli Parlimen, Wakil Rakyat... *[Disampuk]* Dan, memang banyak! Bila kita hendak adakan program dengan KEMAS, dia minta peruntukan daripada kita malah diminta pakaian seragam pun. Kenapa kita hendak beri pakaian seragam? Kan, lebih baik kita beri peruntukkan untuk membaiki parit, surau atau jalan di luar bandar. Jadi, peruntukan itu bagaimana untuk kelab ini?

Dato' Zainal Abidin bin Osman: Terima kasih Yang Berhormat bagi Gerik. Tidak ada satu peruntukan yang khusus untuk Kelab Sahabat KEMAS ini. Walau bagaimanapun, Kelab Sahabat akan bergantung sepenuhnya menumpang kepada aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh KEMAS itu sendiri. Tetapi bagi menjawab soalan Yang Berhormat ada juga baiknya kepada mereka yang berjasa menolong kita di kawasan-kawasan luar bandar untuk kita salurkan juga peruntukan Parlimen sedikit kepada mereka, mudah-mudahan ini akan memberi mereka lebih semangat.

Ini kerana keseluruhannya, untuk makluman Dewan yang mulia ini, dalam Rancangan Malaysia Ketujuh sahaja terdapat 2.599 juta orang yang terlibat dalam aktiviti KEMAS secara langsung. Angka ini meningkat keseluruhannya kepada 2.784 juta untuk Rancangan Malaysia Kelapan dan anggaran kita untuk Rancangan Malaysia Kesembilan ini adalah 3.268 juta orang yang akan terlibat, sama ada kanak-kanak atau masyarakat dalam keseluruhan aktiviti KEMAS yang kita harap dapat menjadi pemangkin kepada pembangunan masyarakat luar bandar. Terima kasih.

3. Tuan Lau Yeng Peng [Puchong] minta Menteri Kerja Raya menyatakan, adakah kerajaan mempunyai program khas untuk membina jejantas pejalan kaki sebagai langkah menangani kemalangan jalan raya yang melibatkan pelajar sekolah dan orang awam. Sekiranya ada, berapakah bilangan lokasi serta jumlah kos yang diluluskan di bawah RMK-9.

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Puchong, kerajaan telah pun mengambil perhatian serius terhadap keselamatan murid-murid sekolah yang melintas jalan, sama ada di hadapan sekolah mereka atau di mana-mana sekalipun. Perkara ini telah dibangkitkan dalam mesyuarat Jemaah Menteri di mana pihak kerajaan telah bersetuju untuk membina 590 jambatan pejalan kaki di beberapa buah negeri yang menelan belanja sebanyak RM354 juta.

Tempat-tempat yang dianggap sebagai berbahaya telah dikaji oleh Jabatan Kerja Raya. Terdapat dua jenis lintasan pejalan kaki iaitu jambatan pejalan kaki dan lintasan pejalan kaki. Ini selaras untuk kawasan yang berhampiran dengan sekolah, Jabatan Kerja Raya mencadangkan pembinaan jejantas. Jumlah yang akan dibina berserta kos mengikut negeri adalah seperti berikut:

Negeri	Bilangan Jejantas	Kos Terbabit (RM/Juta)
Johor	85	51
Kedah	40	24
Kelantan	51	30.6
Melaka	29	17.4
Negeri Sembilan	51	30.6
Pulau Pinang	20	12
Pahang	91	54.6
Perak	57	34.2
Perlis	8	4.8
Sabah	37	22.2
Sarawak	8	4.8
Selangor	59	35.4
Terengganu	50	30
Wilayah Persekutuan Labuan	4	2.4

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam Rancangan Malaysia Kelapan sebanyak 19 buah jejantas dan siap dibina. Buat masa ini terdapat lima buah jejantas yang sedang dalam pembinaan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Puchong.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri yang rajin datang ke Parlimen untuk memberi jawapan....
[Tepuk]

Seorang Ahli: Saya ucap tahniahlah.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Saya berasa lega selepas saya dengar jawapan daripada Yang Berhormat Menteri bahawa kerajaan kita akan membina lebih kurang 600 buah jejantas di seluruh negara.

Tetapi sedarkah Yang Berhormat selain daripada peruntukan daripada Kerajaan dan juga pusat, ada juga konsesi ataupun kontraktor yang melebarkan jalan dan sentiasa dalam kontrak itu ada membina jejantas yang sepatutnya dibina oleh mereka dalam lokasi yang strategik. Tetapi kadang-kadang sebagai contoh di kawasan saya, kontraktor untuk membina Jalan Puchong dari Batu 12 hingga ke Batu 14, jejantas yang mereka bina ini tidak strategik dan ini akan membebankan rakyat lagi dan wang kita telah dibelanjakan tetapi di dalam lokasi yang tidak strategik.

Adakah Yang Berhormat melalui kementerian membuat satu peraturan di mana semua kontraktor di negara ini kalau mereka dipaksa membina jejantas yang baik untuk menyelamatkan nyawa pelajar-pelajar kita dan harta benda kita, supaya ini dapat dipertingkatkan lagi untuk membantu Kerajaan Pusat supaya jejantas tersebut dapat dibina secara lebih cepat lagi, lebih berkesan lagi. Apakah penjelasan daripada Yang Berhormat?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Pusat boleh membina jejantas ini di kawasan-kawasan dan juga jalan-jalan di bawah kuasa Kerajaan Pusat jikalau jalan-jalan itu di bawah kuasa Kerajaan negeri walau pun di bawah kuasa Kerajaan negeri, kadangkala kita ada juga membina atas permintaan Kerajaan negeri. Jalan-jalan barunya ini sudah jadi sebahagian dalam rancangan untuk membina di mana kita melebarkan jalan atau mana juga projek-projek baru berhampiran kawasan-kawasan dengan perumahan dan lain-lain, kita meminta pemaju untuk membuat. Kalau pemaju tidak membuat, kita kena mohon kepada Kerajaan untuk membuat sendiri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ipoh Barat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan, Yang Berhormat Menteri, saya telah memaklumkan beberapa bulan dahulu bahawa keperluan satu jejantas di jalan Kuala Kangsar untuk ke sekolah Yok Choi di mana Yang Berhormat Menteri selalu pergi ke Sungai Siput melalui jalan tersebut. Jadi, saya hendak tahu bilakah dia akan dilaksanakan memandangkan lebih RM50 juta telah diagihkan untuk negeri Perak. Hal ini di mana beberapa jejantas tidak dibina oleh kerajaan negeri atau Majlis Tempatan oleh kerana kekurangan kewangan.

Dalam hal ini apakah dasar kerajaan untuk memastikan mereka akan membina supaya *security* pejalan kaki itu dapat di *guarantee* kan....

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tempat mana Yang Berhormat?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat] *Yok Choi School* di Jalan Kuala Kangsar.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Hah?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Jalan Kuala Kangsar.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Jalan Kuala Kangsar?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Jalan Kuala Kangsar – Ipoh ke Sungai Siput.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Di Sungai Siput kah atau luar Sungai Siput?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Di Ipoh, di Ipoh, di Ipoh – Federal Road.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Sungai Siput semua sudah jaga.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:[Ketawa] [Dewan riuh] Saya tahu Yang Berhormat Menteri mesti jaga tempat macam

Dato' Seri S. Samy Vellu: Kawasan yang dikenal pasti oleh Ahli Yang Berhormat jikalau bagi saya tahu di manakah lokasi itu, saya dengan serta merta boleh juga meminta Jabatan Kerja Raya untuk membina satu dengan serta-merta.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Batu Pahat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Soalan yang saya tanya mengenai dasar Kerajaan mengenai projek-projek jejantas.

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat. Cukuplah Yang Berhormat. Yang Berhormat tanya?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Dasar Kerajaan iaitu Kerajaan sudah menerima kita mesti mengadakan jejantas di beberapa tempat di mana kita namakan sebagai kawasan terbahaya. Semuanya sudah diluluskan seperti apa yang telah saya jawab tadi, sejumlah RM354 juta telah diluluskan oleh Kerajaan. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, ada juga beberapa yang sudah dibina siap sekarang. Ini Bangunan Hock Lee Enterprise di Petaling Jaya, sudah siap satu baru dan juga di hadapan Sekolah Menengah Methodist Sungai Siput baru sudah selesai pembinaan dan juga satu di Sekolah Kebangsaan Guar Cempedak dari Yan sudah diselesaikan pembinaan...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih.

Dato' Seri S. Samy Vellu:Dan jejantas laluan persekutuan 57 di hadapan Sekolah Mahir, Daerah Kota Bharu, Kelantan sudah siap dan membina satunya di laluan Persekutuan 57 depan Sekolah Maahad Kota Bharu pun sudah siap. Jadi ada juga lagi 16 dalam pembinaan sekarang.

4. Dr. Junaidy bin Abd. Wahab [Batu Pahat] minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan potensi dan hasil yang telah diperolehi usahawan bumiputera daripada peluang-peluang yang diperolehi dari para pelabur dari kawasan Timur Tengah.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah]: Tuan Yang di-Pertua, bagi tempoh 1980 hingga Mei 2006, sebanyak 45 projek perkilangan dengan penyertaan dari negara kawasan Timur Tengah telah diluluskan dengan jumlah modal pelaburan bernilai RM5.6 bilion.

Sumber utama pelaburan asing dari negara Timur Tengah bagi tempoh 1980 hingga Mei 2006 adalah UAE (Emiriah Arab Bersatu) 11 projek dan nilai pelaburan RM4.3 bilion. Iran 8 dengan nilai pelaburan RM1 bilion, Arab Saudi 9 dengan nilai pelaburan RM200 juta.

Antara projek-projek yang diluluskan ialah bagi keluaran-keluaran yang berasaskan petroleum dan gas, barangan asas logam dan bukan logam, barangan elektronik dan *electrical*, keluaran *textile*, keluaran plastik dan getah, barangan kimia, barangan kayu dan keluaran makan dan minuman.

Kerajaan sentiasa menggalakkan pengusaha dan usahawan bumiputera supaya berusahasiswa dengan pelabur-pelabur asing termasuk juga pelabur dari Timur Tengah. Adalah dipercayai usahawan-usahawan bumiputera juga telah mendapat manfaat daripada projek-projek ini melalui antara lain usaha sama pemindahan teknologi dan pembangunan insan. Bagi memfasilitasikan perdagangan dan pelaburan dengan negara-negara Timur

Tengah, kerajaan mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Bersama Perdagangan dengan izin, *Joint Trade Committee* misalnya dengan Iran, Perjanjian Keutamaan Perjanjian D8 yang juga dianggotai oleh negara-negara Timur Tengah seperti Mesir dan Iran dan perjanjian-perjanjian lain seperti Perjanjian Perlindungan Pelaburan, *Bilateral Frame Arrangement* dan *Double Taxation Agreements* dengan izin.

Di samping itu dalam usaha untuk menggalakkan lebih banyak kerjasama antara usahawan bumiputera dan pelabur negara Timur Tengah, pelbagai program juga telah dianjurkan seperti misi-misi penggalakkan perdagangan dengan pelaburan keluar negara termasuk ke negara-negara Timur Tengah seperti Emiriah Arab Bersatu, Arab Saudi dan Qatar, Seminar-seminar pelaburan dan perdagangan dan bengkel-bengkel teknikal serta taklimat dan ceramah bersama anjuran agensi luar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Batu Pahat.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]: Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih atas jawapan yang diberikan. Kita dapati bahawa kita telah menandatangani perjanjian perdagangan bebas dengan Jepun, dengan Australia dan kita juga dalam perbincangan dengan USA, tetapi daripada jawapan dan kita juga dapati bahawa kita tidak pernah dengar bahawa adanya perjanjian perdagangan bebas dengan negara-negara Timur Tengah.

Jadi, soalan saya, apakah wujud perjanjian perdagangan bebas dengan negara-negara Timur Tengah dan apakah masalah-masalahnya yang kita hadapi sehingga kita tidak dapat membuat perjanjian-perjanjian tersebut sedangkan kita dalam usaha untuk menjadikan negara kita sebuah negara halal hab. Terima kasih.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, sehingga ini kita belum ada FTA dengan mana-mana negara Arab. Apa yang sedang kita buat ialah kita telah menulis surat kepada Arab Saudi untuk mengadakan perundingan FTA dengan negara-negara teluk yang terdiri daripada beberapa negara di kawasan tersebut.

Apa yang wujud sekarang ini kita ada *Joint Economic Council* dengan beberapa buah negara dan di samping itu di kalangan negara-negara OIC, kita ada *Trade Referential System* OIC melibatkan sebahagian besar negara-negara Arab dan negara-negara Islam di mana sebahagian daripada produk-produk diletakkan di bawah tarif yang begitu kurang.

Di samping itu kita ada D8 sebagaimana yang saya nyatakan tadi telah pun ditandatangani dan perkara ini sedang berlaku dan kita harap dengan adanya perjanjian tersebut proses perdagangan antara negara-negara OIC akan bertambah. Antara masalah yang kita hadapi secara realitinya negara-negara OIC dari segi saiz ekonomi, penglibatan saiz ekonomi dunia begitu rendah, GDP negara-negara OIC hanya 5% daripada keseluruhan GDP dunia.

Negara-negara Islam ataupun OIC sebahagian besarnya adalah negara penerima. Mereka bukan negara pencipta. Oleh itu kita dapati pelaburan tidak dalam bentuk pengeluaran. Kita tahu selepas 9 November berlaku pemindahan modal daripada negara Amerika ke negara-negara lain. Tetapi ini lebih banyak berbentuk dalam pelaburan portfolio dan simpanan kewangan, tidak dalam bentuk pelaburan pengeluaran...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri yang rajin ke Parlimen menggantikan Menteri. Saya hendak tanya sedikit, tadi Yang Berhormat ada mengatakan tentang makanan. Jadi makanan ini saya nampak banyak industri ataupun usahawan-usahawan bumiputera dalam industri makanan. Jadi saya hendak tahu sejauh manakah dan sebesar manakah makanan-makanan halal ini kita berupaya untuk eksport dan menembusi pasaran di negara-negara Arab dan juga negara-negara Islam.

Kerana kita lihat Nestle telah menggunakan Malaysia sebagai *based halal hub* untuk mengeksport makanan-makanan ini ke Timur Tengah dan juga ke negara-negara Islam. Jadi apakah peranan kerajaan untuk membantu kerana saya lihat Menteri Pertanian pun sudah pergi ke Benua Arab, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri sudah pergi banyak kali dan banyak menteri sudah pergi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tetapi apa yang ikut selepas depa pergi ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sudah tiga, empat soalan itu, Yang Berhormat, cukuplah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya, ini ekonomi dunia, Tuan Yang di-Pertua. Ekonomi dunia kita kena bincang, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup, Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Jadi apakah pandangan Yang Berhormat? Bolehkah kita dapat sedikit fakta-fakta ini supaya kita memastikan kerajaan sekarang ini hendak mempertingkatkan industri makanan melalui konsep ke pertanian ini dapat memasarkan barang-barang keluaran halal daripada Malaysia ke negara-negara Islam. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, sehingga kini eksport produk halal tidak begitu besar. Masalah kita antara lain adalah dari segi kapasiti pengeluaran. Kapasiti kita tidak begitu besar. Apa yang dilakukan oleh kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, pelbagai peruntukan diadakan supaya lebih banyak terutama kaum bumiputera yang terlibat dalam industri tersebut. Di samping itu kita mengadakan pelbagai bengkel untuk kaum bumiputera untuk mereka mengenali sistem-sistem yang terlibat dari segi *framework* untuk pengeluaran halal dan juga dari segi sijil halal dan sebagainya.

Apa yang Yang Berhormat sentuh tadi mengenai dengan makanan, sebenarnya penglibatan bumiputera dalam bidang makanan ini tidak berdasarkan semata-mata dalam bidang makanan. Ini merupakan satu isu yang lebih besar. Bumiputera keseluruhannya terlibat dalam ekonomi adalah begitu kecil. Jadi yang kita perlu lihat adalah dari segi keseluruhan bumiputera itu, bukan semata-mata dalam industri halal.

Apa yang kita cuba buat di MITI seperti mana saya nyatakan kita mengadakan misi perdagangan dan pelaburan. Tahun lalu kita ada dua misi perdagangan ke negara-negara Arab. Misi-misi tersebut merupakan antara misi yang amat berjaya kerana dari segi jualan dan juga potensi jualan yang begitu besar. Contohnya, pergi ke Turki, Kuwait dan Oman, *immediate sale* dan *potential sale* berjumlah RM1 bilion lebih. MITI di bawah MATRADE, *Malaysian External Trade Development Corporation*, kita mengadakan satu program yang dipanggil M-TOP di mana kita mengenal pasti bumiputera untuk menjadi pengeksport. Sehingga kini mempunyai 36 pengeksport bumiputera dalam bidang-bidang makanan sejuk beku, kosmetik, elektrik dan komputer.

Pada tahun lalu dari segi jualan langsung dan jualan yang perlu perundingan telah mencecah sebanyak RM15 juta. Ini pada saya walaupun jumlahnya tidak begitu besar dibandingkan dengan entiti daripada kaum lain tetapi ini satu permulaan. Maknanya kita sudah ada 36 *exporter* bumiputera yang terlibat dalam pasaran antarabangsa.

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Dapat satu lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, Yang Berhormat, cukuplah. Yang Berhormat bagi Alor Setar.

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kalau sukan boleh tiga, ini antarabangsa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, Yang Berhormat.

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tidak boleh, Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak boleh.

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Rayuan saya..... [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Lain kalilah.

5. **Dato' Chor Chee Heung [Alor Star]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

- (a) Langkah kerajaan untuk memastikan pertikaian di antara Jabatan Kerja Raya dan pihak berkuasa tempatan, contohnya pembinaan jambatan untuk pejalan kaki di Seksyen 10 Petaling Jaya baru-baru ini, tidak akan berlaku lagi; dan
- (b) Apakah kerajaan akan mengkaji semula peraturan dan undang-undang berhubung dengan kuasa dan peranan Jabatan Kerja Raya dan pihak berkuasa tempatan.

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Bagi mengatasi masalah pertindihan kuasa antara JKR dan pihak berkuasa tempatan, JKR akan memastikan kerjasama yang lebih erat dibina dan mengadakan perbincangan sewajarnya apabila sesuatu isu itu timbul. Selain daripada itu, Kementerian Kerja Raya akan mengkaji sejauh mana pertindihan kuasa ini dapat dikenal pasti dan diasingkan untuk kebaikan bersama.

Jawapan untuk soalan,

- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya telah mengenal pasti beberapa akta dan undang-undang yang seakan-akan bertindih berkaitan peranan serta tanggungjawab JKR dan pihak berkuasa tempatan seperti Akta Pengangkutan Jalan, Akta Perwakilan Kuasa, Akta Perancang Bandar, Akta Pengangkutan Bandar, Undang-undang Kecil Bangunan dan sebagainya.

Pada masa ini pihak Kementerian Kerja Raya sedang mengkaji peruntukan sedia ada yang bersangkutan supaya peraturan dan undang-undang yang berkaitan dapat diperjelaskan untuk mengatasi sebarang perselisihan faham. Terima kasih.

Dato' Chor Chee Heung [Alor Star]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, masalah 'ketidakkordinasi' di antara Kerajaan Pusat dan kerajaan tempatan sentiasa berlaku. Ini bukan sahaja dengan kementerian Yang Berhormat Menteri sendiri bahkan dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan juga berlaku sebab Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan adalah bertanggungjawab untuk mengubal dasar dan fungsi PBT di negara ini tetapi itu pun terdapat begitu banyak masalah yang 'ketidakkordinasi'.

Maka saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah Yang Berhormat Menteri ingin membawa isu seumpama ini ke Kabinet supaya satu keputusan dibuat di mana apabila terdapat percanggahan di antara Kerajaan Pusat dan kerajaan tempatan, keputusan Kerajaan Pusat akan *prevail* ataupun diutamakan.

Sekian, terima kasih.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, saya telah memberi kelulusan untuk projek seperti ini iaitu jejantas di beberapa jalan persekutuan. Setakat ini kita tidak mempunyai apa-apa masalah. Inilah kali yang pertama kita menghadapi masalah iaitu oleh kerana pihak berkuasa tempatan minta kita menghantar pelan-pelan kepada mereka untuk mendapat kelulusan, selepas itu kita akan membina.

Pihak-pihak berkuasa suka juga meminta semua projek mesti diluluskan oleh mereka. Jikalau kita menghantar projek-projek untuk mendapat kelulusan daripada pihak

berkuasa, saya percaya Rancangan Malaysia Kesembilan tidak boleh dapat diselesaikan oleh kerana ini akan mengambil banyak masa. Jadi perkara berkenaan dengan jejantas ini sudah dibincangkan. Kami telah minta pegawai undang-undang saya untuk berhubung dengan Peguam Negara untuk mendapat tahu macam manakah kita boleh mengadakan satu perhubungan yang rapat di antara kedua-dua pihak dalam pembinaan jejantas dan lain-lain.

Dato' Chor Chee Heung [Alor Star]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri belum menjawab soalan saya. Adakah Yang Berhormat Menteri bercadang untuk membawa ini ke Kabinet?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, bukanlah tiap-tiap perkara kita bawah kepada Kabinet. Kalau tiap-tiap perkara kita bawa kepada Kabinet, mengapa mahu ada Menteri lagi? Pegawai-pegawai juga boleh dihantar. Ini mana satu yang penting, mana satu yang kita mahu keputusan, mana satu yang kita mahu pindaan, itu sahajalah kita akan membawa kepada Jemaah Menteri. Bukannya semua perkara kita boleh sampai kepada Jemaah Menteri oleh kerana menteri berkuasa. Kuasa itu telah disoalkan oleh satu pihak berkuasa tempatan. Jadi saya akan bincang dengan pihak-pihak yang mempunyai kuasa dalam undang-undang itu untuk mendapat penyelesaian kepada perkara ini.

Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Menteri. Tetapi dari sudut jejantas sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri, kita kena lihat dari segi reka bentuk di mana jejantas yang dibina oleh JKR ini bentuknya nampak konvensional sedikit di mana menggunakan 'RC', di mana kos yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, 50 buah jejantas bernilai RM30 juta. Ini bererti lebih daripada 500,000 setiap satu jejantas. Saya semalam melalui Jalan Kewajipan di Subang Jaya, saya dapati jejantas yang direka bentuk menggunakan besi lebih menarik dan lebih *simple*, yang mana saya dapati harganya kurang daripada RM200,000. Apakah JKR akan mengkaji balik reka bentuk supaya harganya lebih baik, murah dan pembinaan jejantas ini dapat dibina lebih daripada yang dirancang mengikut keperluan yang diperlukan di dalam negara kita untuk pelajar-pelajar sekolah dan sebagainya. Terima kasih.

Beberapa Ahli: Hah, hebat, hebat, hebat!

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, kadangkala kita nampak jambatan itu lebih menarik juga tetapi jatuh. Di Klang ada juga lebih menarik, jatuh atas lori, jatuh atas kenderaan dan lain-lain... [*Dewan riuh*]

Kami bukan sahaja menjaga berkenaan dengan adakah jambatan itu menarik atau tidak, tetapi adakah kekuatan untuk memuatkan berapa banyak orang di atas jambatan atau tidak. Jejantas ini semuanya sudah direka bentuk oleh jurutera-jurutera seperti Ahli Yang Berhormat pun satu masa yang lalu jadi jurutera di JKR, terima kasih. Jadi jurutera-jurutera akan menjalankan kerja-kerja mereka untuk menetapkan inilah reka bentuk yang mesti diguna untuk jalan dan berapakah lebar jalan itu? Dengan lebar jalan itu 40 kaki, reka bentuknya lain, lebar itu 60 kaki, reka bentuknya lain tanpa mengadakan apa-apa tiang di tengah-tengahnya. Jikalau kita mengadakan tiang di tengah-tengahnya itu pun bahaya juga kadangkala, ada juga orang pergi langgar dengan tiang itu, jadi jejantas jatuh atas kenderaan dan orang yang menggunakan jambatan itu ada juga masalah.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kalau jejantas itu jatuh, strukturnya tidak selamat, kita rasa boleh menghukum CMS Engineer itu bukan masalahnya, kos itu yang kita hendak kurangkan. Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, di Malaysia kita ada 4 kategori jalan. Yang satunya lebuhraya di bawah LLM, Jalan Persekutuan, jalan negeri di bawah JKR dan Pihak Berkuasa Tempatan untuk jalan-jalan dalam kawasannya. Satu lagi jalan di bawah pejabat daerah yang tidak di dalam kawasan PBT.

Saya hendak tanya adakah cadangan Yang Berhormat untuk kita menyeragamkan kerana ada 4 agensi yang bertanggungjawab, apabila jalan rosak di tengah-tengah sempadan itu saya rasa tidak tahu siapa yang bertanggungjawab. Adakah sebagai jangka panjang Yang Berhormat Menteri bercadang kepada kerajaan buat penyeragaman,

penyelarasan supaya tidak ada masalah dan tidak wujudnya koordinasi antara agensi minta pandangan dan penjelasan. Terima kasih.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menjelaskan kuasa-kuasa yang sedia ada kepada beberapa banyak pihak berkuasa iaitu Jalan Persekutuan di bawah kuasa Kerajaan Pusat, jalan negeri di bawah kuasa negeri tetapi satu masalah jalan negeri dan Jalan Persekutuan di sempadan Pihak Berkuasa Tempatan. Siapa yang akan menyelenggarakan jalan itu?

Ini kuasa, tetapi saya telah minta beberapa pihak berkuasa bagilah balik jalan itu kepada kita dan kita boleh juga memperbaiki jalan, "Oh, tidak boleh. Kita punya! Ini punya...." Tidak peduli apa yang berlaku kepada jalan, mereka mahu juga menjaga sempadan mereka, mereka tidak peduli berkenaan dengan apa keadaan jalan. Jadi saya sudah menimbulkan perkara ini kepada beberapa pihak. Kita boleh juga merancang jalan-jalan baru, melebarkan jalan yang sedia ada dan tiap-tiap tahun kita boleh juga menyelenggarakan jalan itu tetapi mereka tidak bersetuju. Terima kasih.

6. Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail [Arau] minta Menteri Pelajaran menyatakan, adakah sekolah-sekolah dilengkapi dengan peralatan sukan yang sesuai dan mencukupi untuk kita mencapai tahap kegemilangan sukan di masa hadapan demi untuk merealisasikan agenda sukan negara di dalam jangka masa panjang.

Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa berusaha melengkapkan kemudahan dan peralatan sukan di semua sekolah. Sehingga kini sebanyak 85 peratus sekolah rendah dan 75 peratus sekolah menengah daripada jumlah sekolah di seluruh negara telah mempunyai padang dan gelanggang untuk pelbagai jenis permainan seperti bola sepak, bola jaring, hoki dan juga olahraga.

KPM menasaskan menjelang tahun 2010, semua sekolah akan mempunyai kemudahan asas sukan yang mencukupi. Untuk itu dalam Rancangan Malaysia Kesembilan kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM160.1 juta untuk meningkatkan prasarana dan peralatan sukan di sekolah terutama di pusat-pusat sukan daerah dan negeri, menaik taraf kedua-dua sekolah sukan di Malaysia serta memperluas dan meningkatkan program dan aktiviti sukan di sekolah.

Dalam melaksanakan Program Pembangunan Sukan menerusi sekolah-sekolah, pada tahun 2005 Jawatankuasa Kabinet Pembangunan Sukan telah meluluskan sebanyak RM10 juta kepada KPM untuk menaik taraf kemudahan sukan di sekolah-sekolah meliputi pembelian alatan sukan dan menambah baik pulih kemudahan sukan. Peruntukan tersebut telah diserahkan kepada 15 pusat sukan negeri, sekolah-sekolah berasrama penuh dan sekolah-sekolah *premier* di seluruh negara. Dalam usaha untuk kita mencapai kegemilangan sukan di masa hadapan, KPM akan memastikan Program Pembangunan Sekolah, tidak hanya berdasarkan kepada kegiatan riadah tetapi turut memberi fokus kepada usaha melahirkan murid sebagai atlet yang mampu bersaing di peringkat antarabangsa. Terima kasih.

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail [Arau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Timbalan Menteri. Saya masih rasa sekolah-sekolah memang tidak cukup dengan padang-padang, itu memang kita tidak boleh lari. Tetapi walau bagaimanapun saya percaya kementerian akan memperbaiki keadaan itu, dan saya rasa kecemerlangan pelajar-pelajar dari segi sukan juga memerlukan guru-guru sukan yang betul-betul minat dan bukanlah kita hantar dia jaga sukan walaupun kaki bangku....

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: [Ketawa]

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail [Arau]: Pasal apa Kepong gelak pula? Kalau saya Menteri, saya tidak akan pilih Yang Berhormat bagi Kepong sebagai guru sukan.[Dewan riuh] [Ketawa]

Jadi kita hendak memperbaiki keadaan ini, saya minta bila dan cara manakah kementerian boleh betul-betul hantar guru yang minat sukan, jaga sukan di sekolah-sekolah untuk meningkatkan prestasi sukan di dalam sekolah-sekolah. Terima kasih.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat bagi Arau memberi pandangan mengenai sukan, telah saya mengatakan tadi memang kita ada 75 peratus sahaja sekolah yang ada sukan. Kemudian kita dapati ada sekolah-sekolah yang lama dahulunya memang ada padang tetapi oleh kerana pembangunan sekolah itu diperlukan, maka ada bangunan dibuat di atas padang, walaupun dasarnya hari ini ialah kita tidak akan membenarkan bahawa sebarang bangunan dibuat di atas padang, tetapi oleh kerana sebab-sebab tertentu kalau tidak buat bangunan di atas padang sekolah itu tidak dapat dibesarkan.

Untuk itu dalam pembinaan sekolah-sekolah yang baru ini, kita telah pun meletakkan syarat bahawa setiap sekolah wajib ada padang. Mana-mana sekolah yang tidak ada padang, kita galakan mereka berkongsi padang dengan sekolah-sekolah yang berhampiran ataupun mereka boleh menyewa padang-padang awam dan ini peruntukan kita ada sediakan.

Yang Berhormat nyatakan tadi mengenai latihan guru, kita telah pun membuat keputusan melalui Jawatankuasa Kabinet Sukan, di mana Skim Pekerja Jurulatih Kebangsaan Kementerian Pelajaran akan diwujudkan, ertinya sekarang kalau jurulatih sukan, guru ini kita akan diberi elaun. Jadi sudah tentu kita akan memilih guru yang ada berkelayakan dan syarat untuk diberikan elaun ini dia mesti mempunyai sijil-sijil jurulatih tertentu yang dikeluarkan oleh pihak Majlis Sukan Negara. Untuk kita memberikan lagi kemudahan kepada jurulatih-jurulatih sukan, pada tahun ini kita memperuntukkan sebanyak RM22 juta ini kita peruntukkan untuk pembangunan sukan sahaja. Yang mana in termasuklah aktiviti-aktiviti sukan juga elaun-elaun kepada guru-guru juga pelajar-pelajar yang mengambil sukan dan duit ini juga digunakan untuk membuat karnival-karnival sukan di setiap peringkat juga kita mengadakan duit ini juga digunakan untuk membuat latihan kem-kem bakat dan ini pertama kali kita peruntukkan duit sebegini untuk pembangunan sukan sahaja. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Arau bahawa memang terdapat kekurangan peralatan sukan dan kemudahan sukan di sekolah-sekolah. Saya juga terpanggil dengan penjelasan Yang Berhormat begitu berkeyakinan walaupun harapan dia terlalu tipis Yang Berhormat. Terus terang dengan pengumuman berjuta-juta. Untuk makluman, soalan tambahan saya, memang jelas bahawa kita betul-betul kekurangan bukan 75 peratus yang ada, mungkin 75 peratus yang tidak ada prasarana ini khususnya di kawasan luar bandar.

Sudahlah padang sekolah tidak ada, yang ada padang pun tidak dibersihkan sebab kerajaan tidak membekal alat pembersih seperti mesin rumput, jersi pun diminta dengan wakil rakyat, piala di minta dengan wakil rakyat. Segala-galanya, mesin rumput. Jadi kalau ini masalah dia, masalah yang kita hadapi, peruntukkan wakil rakyat tidak boleh disalurkan di sekolah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, terus soalan Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Itu persoalan dia. Jadi apakah kementerian in bekerjasama dengan Kementerian Belia dan Sukan? Pertama, kalau boleh mewujudkan Sekolah Sukan di setiap satu daerah atau pun pedalaman. Ini akan dapat menilai dan mengambil pelajar-pelajar yang berwibawa ini untuk diterapkan dalam sukan kebangsaan. Sebab sukan apabila cakup sukan, negara kita begitu hinalah di mata dunia...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ya, sudah. Cukup, cukup.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Bola sepaknya, ragbi pun kita kalah....

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Soalan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Jadi bagaimana peruntukkan RM160 juta ini diguna pakai jangan hanya macam tempias sahaja. Mesti direalisasikan. Terima kasih.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Mengenai pandangan Yang Berhormat, memang kita sedar ahli-ahli Parlimen selalu didatangi oleh pihak sekolah. Tetapi sebagai peruntukkan oleh Parlimen boleh kalau hendak beri sekolah Yang Berhormat. Mengenai beberapa persoalan yang dibangkit itu, mengenai peralatan sukan dan juga prasarana. Saya hendak maklumkan bahawa jumlah yang saya sebut, RM160.1 juta ini ialah peruntukkan yang baru. Sebelum ini tiada peruntukkan ini. Jadi hanya dalam Rancangan Malaysia Kesembilan inilah baru peruntukkan ini kita perolehi dan di dalam perancangan peruntukkan yang ada, kita telah pun menentukan bahawa untuk prasarana sukan, dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ada 452 projek akan dibina,

Dan untuk peralatan sukan pula, kita telah pun menentukan 770 peralatan sukan untuk diberikan kepada 22 jenis permainan. Kita harap dengan adanya peruntukkan yang baru ini, RM160.1 juta ini akan dapat menyelesaikan banyak masalah dan juga seperti yang saya nyatakan tadi, selain daripada RM160.1 juta tadi, kita juga telah memperuntukkan RM22.1 juta hanya untuk lain daripada prasarana, lain daripada peralatan sukan tetapi untuk pembangunan sukan sahaja.

Mengenai sekolah sukan, sekarang ini kita ada 2 buah sekolah sukan dan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, kita akan membina dua buah lagi sekolah sukan. Di samping sekolah sukan, kita juga ada mewujudkan dipanggil pusat sukan negeri. Di pusat sukan negeri sekarang ini, kita pilih beberapa buah sekolah, sekarang ini ada di seluruh negara ada 15 buah sekolah. Seperti di Sabah kita telah memilih Sekolah Menengah Datuk Peter Mojuntin, Penampang.

Jadi, dengan adanya peruntukkan dan juga kerjasama seperti Yang Berhormat nyatakan tadi, memang telah pun diputuskan bahawa Kementerian Belia dan Sukan melalui Majlis Sukan Negara dengan Kementerian Pelajaran Malaysia telah pun bersetuju untuk kita meningkatkan lagi kerjasama dalam kita membangunkan program-program latihan atlet di sekolah-sekolah Malaysia. Dalam masa yang sama, kita juga akan mengadakan kerjasama dengan peruntukkan yang sedia ada untuk kita mengadakan program khusus cari bakat sukan bersama dengan Majlis Sukan Negara.

Saya yakin kalau peruntukkan sebegini banyak, pelaksanaannya dibuat seperti yang dirancang, insya-Allah segala beberapa masalah ini dapat kita atasi dan kita harap dengan peruntukkan-peruntukkan yang baru ini kita akan dapat meningkatkan lagi mutu sukan di negara kita. Terima kasih.

7. Datin Seri Dr. Wan Aziah Binti Wan Ismail [Permatang Pauh] minta Perdana Menteri menyatakan faedah yang diperolehi rakyat hasil dari projek-projek penswastaan (kenyataannya rakyat dibebani dengan peningkatan kos barangan dan perkhidmatan terbabit).

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman]: Tuan Yang di-Pertua, sejak dasar penswastaan dilaksanakan pada tahun 1983, sebanyak 490 projek telah diswastakan. Bilangan projek mengikut sektor adalah seperti berikut; saya maklumkan kepada dewan ini mengikut sektor.

Sektor pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi, bilangan projek 59. Sektor pertanian dan perhutanan 32. Sektor elektrik, gas dan air 41. Sektor perniagaan borong dan runcit, hotel dan restoran 56. Sektor kewangan, hartanah dan perkhidmatan perniagaan 55. Sektor perkhidmatan kerajaan 37. Sektor perkilangan bilangan projek 70. Sektor pembinaan bilangan projek 75. Sektor perlombongan dan kuari 20, dan sektor perkhidmatan lain 45. Jumlah semua 490.

Banyak faedah yang diperolehi oleh rakyat sama ada secara langsung atau tidak langsung hasil dari pelaksanaan dasar penswastaan. Pembinaan lebuhraya bertol umpamanya telah memberikan keselesaan dan keselamatan yang lebih terjamin kepada

pengguna jalan raya. Selain daripada itu, ianya memendekkan jarak perjalanan dan menjimatkan masa untuk sampai ke destinasi yang dituju.

Penswastan projek pengangkutan rel terutamanya bagi kawasan bandar seperti LRT, Putra, Star dan ERL pula menyediakan alternatif kepada pengguna yang ingin mengelakkan diri dari kesesakan trafik di jalan raya dan membolehkan pengguna merancang masa perjalanan dengan lebih tepat serta mengelakkan dari terlewat sampai ke destinasi. Sungguhpun pengguna perlu membayar sejumlah wang untuk perkhidmatan tersebut, namun pengguna perlu juga membandingkan bayaran yang dikenakan dengan nikmat kemudahan dan keselesaan yang diperoleh serta kos dari segi kerugian masa sekiranya perkhidmatan tersebut tidak disediakan.

Anggaplah bayaran yang dikenakan bagi perkhidmatan yang dinikmati sebagai *value for money* Tuan Yang di-Pertua, dengan izin yang bukan sahaja bernilai dari segi kuantiti, tetapi juga dari segi kualiti perkhidmatan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Permatang Pauh.

Datin Seri Dr. Wan Aziah Binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menjawab. Saya hendak tanya kerana apa yang Timbalan Menteri telah mengatakan bahawa nikmat yang didapati daripada penswastan itu boleh dikatakan sebagai setimpal dengan bayaran yang kita berikan. Tapi kalau kita ambil penswastan air, di mana kita lihat, jangkakan dan kita harapkan bahawa air yang itu satu kemudahan asas yang sepatutnya didapati dengan berkualiti tidak didapati dan juga bagaimana pengguna-pengguna terpaksa membayar dan kerajaan juga terpaksa membayar pampasan kepada syarikat yang sepatutnya mengambil peduli tentang kesejahteraan rakyat mendapatkan air.

Ini adalah satu contoh sahaja. Kalau kita ambil TNB juga, dan kalau diambil contoh perjalanan atau jalan bertol tidak termasuk kepada kemudahan ini, termasuk kepada penduduk-penduduk Sabah Sarawak kerana kalau jalan raya di Sabah Sarawak itu memang daif dibandingkan dengan kalau pengeluaran minyak yang dihasilkan, yang dibawa, yang ditumpukan kepada hasil mahsul negara.

Saya harap, saya dapat 'menjelaskan' apa yang saya maksudkan, kerana penswastan ini....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bukan jawab, Yang Berhormat kena tanya.

Datin Seri Dr. Wan Aziah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Tanyalah, sebab penswastan ini tidak membawa manfaat yang dirasakan. Sebab inilah soalan saya ini, apakah yang selama ini, penswastan yang begitu banyak, 490 projek ini dan bagaimana manfaat yang didapati kalau dibandingkan dengan kesusahan ataupun bebanan yang ditanggung oleh rakyat? Terima kasih.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana kita maklum, bahawa penswastan ini bermula sejak tahun 1985. Pada ketika itu, kita lihat bahawa suasana, keadaan ekonomi negara pada ketika itu dan sebab itulah di antaranya, yang kita lakukan untuk menswastakan projek-projek ini berdasarkan kepada suasana, keadaan, kajian yang telah dibuat dengan teliti oleh pihak-pihak yang ingin menswastakan sesuatu projek.

Dalam hal ini, kita memang ada jawatankuasa untuk memastikan bahawa projek yang hendak diswastakan itu, mesti *viable* dan *win-win situation* ataupun menang-menang di pihak kerajaan, di pihak syarikat dan juga di pihak rakyat. Tetapi kita kena faham, pada keseluruhannya, projek penswastan ini adalah menandatangani manfaat kepada rakyat. Contohnya kita lihat dari segi umpamanya perbelanjaan, ia dapat dikurangkan. Kemudian bila ada penswastan, dari segi kecekapan dapat kita kawal. Tetapi perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Permatang Pauh tadi, ini kita kena lihat senario seluruh dunia. Ia berlaku bukan kerana kita ini satu negara yang terpencil.

Walau bagaimanapun, kalau kita lihat di pasaran, bahawa apa yang kita tawarkan kepada rakyat adalah masih lebih murah daripada negara-negara lain. Dalam penswastan

ini, sudah tentu Yang Berhormat, bukan semua, daripada 460 ini, barangkali sebahagian kecil sahaja yang mana sewaktu kita menilai, ia boleh memberi keuntungan kepada semua pihak tetapi dalam perjalanan itu mungkin berlaku masalah-masalah dalaman seperti beberapa syarikat yang tertentu. Ini adalah perkara yang sentiasa berlaku dalam sesuatu perniagaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Pendang.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebagaimana yang dijawab oleh Yang Berhormat tadi, penswastaan sepatutnya lebih menyenangkan rakyat dan menguntungkan kerajaan. Tetapi kalau kita lihat, ada beberapa penswastaan yang memeritkan rakyat. Saya nak bawa contoh tentang Pos Malaysia, misalnya. Kalau dahulu, surat-surat 30 sen, walaupun sekeping surat yang nipis, 30 sen kita boleh sampai ke destinasi. Tetapi sekarang banyak saya hantar surat-surat, patah balik dia suruh tambah jadi 50 sen. Apakah kerajaan memikirkan supaya syarikat-syarikat yang sebegini yang membebankan rakyat ini difikir semula supaya diambil alih oleh kerajaan macam mana yang dibuat terhadap MAS? Terima kasih.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, dalam semua kaedah yang kita pakai untuk projek penswastaan, dia ada perjanjian dan klausa-klausa tertentu dalam perjanjian dan ia tertakluk kepada perjanjian yang tersebut yang mana ia tidak akan merugikan kedua-dua pihak. Tetapi dalam konteks Yang Berhormat ini satu andaian daripada Yang Berhormat. Tetapi ini sebenarnya perkara yang masih lagi di dalam kawalan dan ia tidak terkeluar daripada matlamat yang kita kehendaki.

[Soalan No.8 – Y.B. Dr. James Dawos Mamit (Mambong) tidak hadir]

9. Datuk Suhaili Bin Abdul Rahman [Labuan] minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan apakah perancangan Kerajaan ke arah memesatkan lagi kemajuan Universiti Terbuka atau *Open University* yang ternyata berjaya dalam memperkenalkan konsep pendidikan sepanjang hayat supaya lebih ramai rakyat Malaysia mendapat manfaat dan faedahnya.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi [Datuk Ong Tee Keat]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Universiti Terbuka yang telah ditubuhkan pada 10 Ogos tahun 2000, telah berjaya melaksanakan konsep pengajian sepanjang hayat, di mana antara syarat kemasukannya adalah berdasarkan kepada pengalaman kerja, selain daripada berumur sekurang-kurangnya 21 tahun dan berkelayakan PMR untuk program sarjana muda dan berumur sekurang-kurangnya 35 tahun dan berkelayakan STPM atau setaraf untuk program sarjana.

Kini, Universiti Terbuka menawarkan 47 program di pelbagai peringkat dalam bidang-bidang seperti teknologi maklumat, perniagaan, kemanusiaan dan sains sosial, pelancongan, kejuruteraan dan sebagainya. Enrolmentnya sehingga Jun tahun ini adalah seramai 45,686 orang. Selain daripada OUM ataupun Open University Malaysia, terdapat 2 buah lagi IPTS yang melaksanakan program pengajian secara terbuka ini iaitu UNITAR dan Kolej Universiti Wawasan. Bagi mempertingkatkan lagi pelaksanaan pengajian sepanjang hayat melalui konsep Universiti Terbuka ini, maka di antara perancangan dan cadangan yang telah pun dibuat oleh kerajaan adalah seperti berikut:-

- (i) mewujudkan pusat pengajian sepanjang hayat di IPTA dan IPTS dan sebuah Majlis Pendidikan Sepanjang Hayat telah pun ditubuhkan;
- (ii) menjadikan Kolej Komuniti sebagai hub pengajian sepanjang hayat di peringkat komuniti setempat;
- (iii) membangunkan sistem bank kredit akademik untuk membolehkan pengumpulan, pemindahan dan pengecualian kredit bagi tujuan pengiktirafan serta mempermudah lagi proses pensijilan; dan

- (iv) pemberian diskaun yuran pengajian untuk warga emas yang mengikuti pengajian sepanjang hayat.

Program ini dijangka akan meningkatkan peluang aksesibiliti rakyat kita dalam bidang pengajian tinggi ke arah menghasilkan warga yang berpengetahuan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Kuala Terengganu.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri tentang Open University ini kerana kaedah yang digunakan adalah kaedah yang bersifat virtual ataupun yang bersifat maya ini. Saya hendak tahu keberkesanan kaedah yang digunakan. Sebab ia kurang kepada bersemuka. Sebab ini menggunakan kaedah-kaedah sesekali bertemu, dan kebanyakannya menggunakan modul-modul yang dibuat, direka khas untuk ini. Sejauh manakah keberkesanan pendekatan dari segi *method* yang digunakan ini?

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat atas soalan tadi. Sebenarnya, kaedah pembelajaran OUM ini tidak terhad sahaja kepada cara ataupun kaedah maya, ataupun *virtual*. Sesungguhnya, ia melibatkan, ia menggunakan kaedah pembelajaran pedagogi teradun. Yang menggabungkan pertemuan bersemuka, pembelajaran sendiri dan pembelajaran secara *online*. Maksudnya, cara *online* ataupun cara maya itu punya sebahagian daripada kaedah yang dimaksudkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Lipis.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah, sejauh manakah pengiktirafan kepada kursus-kursus yang ditawarkan oleh Universiti Terbuka ini memandangkan sekarang orang masih lagi melihat di universiti ini, sebagai satu tempat yang cara konvensional? Terima kasih.

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Yang di-Pertua, soal pengiktirafan ini sebenarnya bukanlah satu-satunya yang mengganggu-gugat sistem pembelajaran dan pengajaran melalui sistem terbuka ini. Sebab setiap program pengajian sebelum ditawarkan oleh OUM ataupun universiti yang sejenis dengannya adalah terlebih dahulu diakreditasi oleh pihak LAN ataupun Lembaga Akreditasi Negara. Dan seterusnya ianya juga tertakluk kepada pemantauan dan jaminan kualiti secara rapi oleh pihak universiti.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Padang Terap.

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: Tuan Yang di-Pertua, sebelum menjawab soalan saya, saya hendak membetulkan sedikit soalan ini Tuan Yang di-Pertua. Maksudnya mengembalikan kuasa pemantauan ke atas televisyen swasta kepada Kementerian Penerangan dan mewujudkan semula Akta Penyiaran. Itu maksud yang sebenar Tuan Yang di-Pertua dan soalan Nombor 10.

10. Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap] minta Perdana Menteri menyatakan adakah kerajaan bercadang untuk mengembalikan kuasa 'perantaraan' ke atas televisyen 'elektronik' kepada Kementerian Penerangan dan mewujudkan semula Akta 'Perjanjian' yang telah dimansuhkan di bawah bidang kuasa Kementerian Penerangan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 telah diwujudkan bagi mengawal selia bahan kandungan penyiaran terutamanya dengan kewujudan teknologi-teknologi media bersepadu ataupun dengan izin, *media convergences technology* yang baru seperti televisyen, radio, *internet*, telefon dan telefon bimbit.

Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 tersebut berada di bawah bidang kuasa pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia yang berada di bawah penyeliaan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi. Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 merupakan akta menyeluruh bagi mengawal penyiaran, bahan kandungan bagi semua saluran penyiaran atau komunikasi sedia ada dan baru yang sebelum ini tidak diliputi oleh Akta

Penyiaran. Maka dengan itu, Akta Penyiaran telah dimansuhkan dan diganti dengan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 yang lebih luas, terperinci dan komprehensif dan kerajaan tidak berhasrat untuk kembali kepada Akta Penyiaran.

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih menteri yang menjawab. Sebenarnya kita maklum mengatakan ini kandungan siaran televisyen swasta lebih banyak mengandungi unsur-unsur hiburan yang berasaskan keuntungan sahaja yang menggalakkan budaya kurang sihat di kalangan anak-anak muda dan remaja kita.

Kita tahu ada sebuah jawatankuasa kabinet yang dibentuk untuk memantau kandungan siaran televisyen swasta ini. Jadi bagaimanakah cara pemantauan dibuat dan setakat manakah kuasa Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi ke atas media elektronik swasta ini dan adakah kita bercadang atau mengkaji semula supaya memberi semula kuasa pemantauan ini kepada Kementerian Penerangan.

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, kita tidak berhasrat untuk mengembalikan balik kuasa memantau tentang kandungan yang keluar dalam televisyen dan radio itu kepada Kementerian Penerangan. Betul macam mana Yang Berhormat sebutkan tadi kita sudah pun mempunyai satu Jawatankuasa Kabinet yang terdiri daripada Menteri Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi (KTAK) sebagai pengurusinya dan ianya terdiri juga daripada menteri-menteri daripada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan dan juga Menteri Penerangan duduk bersama untuk melihat dan mengkaji tentang perkara-perkara tertentu yang boleh dianggap sebagai tidak sepatutnya dikeluarkan akan dihentikan.

Kemudian juga dengan stesen-stesen televisyen swasta mereka juga mempunyai apa yang dikatakan perjanjian dengan pihak kerajaan tentang pemberian permit untuk menyiarkan. Jadi kalau sekiranya ada perkara-perkara yang ditayang dan dianggap sebagai tidak sesuai untuk diberi tontonan kepada orang ramai maka sudah tentu pihak kementerian boleh mengambil tindakan termasuklah untuk sama ada hendak tarik balik ataupun untuk suspens permit yang telah diberikan.

11. Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh [Temerloh] minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan sejauh manakah telah dan akan dipastikan bahawa kolej-kolej universiti yang berasaskan kemahiran iaitu Kolej Universiti Kejuruteraan dan Teknologi Malaysia (KUKTEM), Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM) dan Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) benar-benar mempunyai kurikulum, tenaga pengajar dan kaedah pengajaran yang menepati orientasi kemahiran supaya selaras dengan Sistem Latihan Dual Nasional.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi [Datuk Ong Tee Keat]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kolej-kolej universiti yang berasaskan teknikal ditubuhkan bagi melahirkan ahli profesional yang berkemahiran tinggi untuk memenuhi keperluan sumber tenaga manusia dalam bidang teknikal. Kaedah pengajaran dan pembelajaran yang diguna pakai di kolej universiti teknikal ini adalah berorientasikan aplikasi dan amalan di mana kurikulumnya mengandungi 40% teori dalam bentuk kuliah dan 60% aplikasi dan amali dalam makmal, bengkel, industri dan kilang pembelajaran ataupun *teaching factory* dengan izin.

Khusus yang ditawarkan oleh kolej ini adalah khusus ataupun *specialist* dengan izin, dan dibangunkan bersama dengan pihak industri bagi memenuhi keperluan dan kehendak pasaran kerja dalam sektor yang berkenaan. Untuk makluman Dewan yang mulai ini, kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia, Kolej Universiti Kejuruteraan dan Teknologi Malaysia dan Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia sememangnya mempunyai kurikulum serta kaedah pengajaran yang berorientasikan kemahiran di mana kaedah pengajaran dan pembelajaran adalah berlandaskan kes dan masalah, pengalaman, tugasan, uji kaji dan amali, simulasi, pendedahan kepada industri dan penghasilan kerja projek. Kerjasama erat di antara kolej universiti teknikal dengan pihak industri sesungguhnya bukan sahaja terbatas kepada pembangunan kurikulum dan kursus malahan

ianya juga meliputi pengambilan tenaga pengajar dari pihak industri, pendedahan pelajar kepada latihan di industri, penyelidikan dan perundingan serta pemindahan teknologi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha untuk memastikan program yang ditawarkan oleh kolej-kolej universiti teknikal ini adalah selaras dengan dasar pembangunan sumber tenaga manusia negara. Kementerian ini telah dan akan mengadakan lawatan pemantauan dari semasa ke semasa untuk menjenguk perkembangan di institusi yang berkenaan. Dari pemantauan yang telah dijalankan setakat ini, kementerian mendapati bahawa kolej-kolej ini telah berjaya melahirkan siswazah yang mempunyai nilai pasaran yang tinggi dan berupaya untuk menyesuaikan diri dalam waktu yang singkat dalam sektor industri.

Oleh yang demikian, kementerian ini yakin bahawa kolej universiti teknikal akan menjadi pelengkap kepada sistem dan latihan dual nasional yang dibangunkan oleh Kementerian Sumber Manusia dengan menyediakan pekerja-pekerja mahir yang profesional di sektor industri.

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh [Temerloh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya melihat penubuhan kolej-kolej universiti berasaskan teknikal ini untuk mengeluarkan tenaga mahir negara. Ini penting sekali dalam kita menyediakan sumber tenaga manusia untuk negara ini dan kita ambil model ini daripada Jerman di mana universiti berkait rapat dengan pihak industri. Ada dua isu utama Tuan Yang di-Pertua yang saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Pertama, saya difahamkan tenaga pengajar kolej-kolej ini datangnya daripada universiti-universiti tempatan seperti Universiti Malaya, UiTM dan sebagainya yang tidak mempunyai kemahiran. Itu satu. Yang kedua, saya difahamkan kolej-kolej ini pula sudah menyediakan *post graduate study* pula. Saya ingat ini bukan 'forte' kepada penubuhan kolej ini. Bukan *core-business* kolej ini. *Core-business* kolej ini mengeluarkan tenaga mahir untuk negara itu sahaja. Terima kasih.

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang saya jawab tadi sesungguhnya tenaga pengajar untuk kolej-kolej universiti teknikal yang dimaksudkan itu bukannya bulat-bulat kita ambil dari pihak IPTA sahaja malahan ada juga kita ambil dari sektor industri sebab apa yang kita hargai itu adalah pengalaman ataupun kemahiran mereka dalam bidang-bidang yang tertentu yang kita kira akan dapat membawa manfaat kepada pelajar-pelajar kita.

Sedangkan soalan yang Yang Berhormat bangkitkan tadi itu adalah bagi pengajian lanjutan. Pengajian lanjutan itu pun saya kira ini tak bercanggah dengan matlamat asal kita menubuhkan kolej-kolej universiti teknikal ini. Walaupun seperti mana yang Yang Berhormat sebut tadi, matlamat asal adalah semata-mata untuk melahirkan siswazah yang mahir, yang mahir dalam bidang teknikal tetapi dengan adanya penubuhan program-program fakulti ataupun program-program pengajian lanjutan itu, ianya hanya akan membolehkan pelajar-pelajar kita khususnya lepasan kolej universiti yang berkenaan melanjutkan lagi pengajian mereka ke tahap yang lebih tinggi. Dan ianya tidak sekali-kali menidakkan matlamat asal kita.

12. Datuk Mohd Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu] minta Menteri Pengangkutan menyatakan :-

- (a) kenapakah MAS tidak diberi masa secukupnya untuk menstrukturkan semula syarikat berkenaan; dan
- (b) kenapakah kerajaan tergesa-gesa menyerahkan hak laluan MAS kepada syarikat penerbangan AirAsia.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Douglas Uggah Embas]: Tuan Yang di-Pertua, jawapan untuk (a) dan (b). Tuan Yang di-Pertua, pada 27 Februari 2006 MAS telah mengumumkan pelan pemulihan perniagaan, *Business Turn Around Plan* dengan izin yang menggariskan rancangan untuk merasionalisasikan operasi domestik MAS. Kerugian yang ditanggung oleh Penerbangan Malaysia Berhad selaku pemilik perkhidmatan domestik serta MAS untuk operasi tahun 2005 adalah sebanyak RM281 juta. Pada masa

yang sama, AirAsia juga telah menunjukkan minat untuk turut menyertai dan meningkatkan perkhidmatan ke laluan-laluan domestik MAS.

Maka untuk makluman Yang Berhormat, penyerahan laluan dari MAS kepada AirAsia adalah selari dengan proses rasionalisasi tersebut. Proses rasionalisasi ini akan berkuat kuasa sepenuhnya pada 1 Ogos 2006. Kerajaan berpendapat bahawa proses rasionalisasi harus dilaksanakan secepat mungkin demi kepentingan kedua-dua syarikat dan pengguna. Maka setelah perkhidmatan domestik dirasionalisasikan, MAS akan menumpukan usaha kepada perkhidmatan antarabangsa dan menyediakan perkhidmatan premium kepada 22 *trunk route* domestik. Manakala AirAsia pula akan menyediakan perkhidmatan udara kos rendah bagi *trunk route* dan *non trunk route*, dengan izin.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kota Bharu.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]: Tuan Yang di-Pertua, memanglah kita tahu bahawa pada awalnya MAS perlu mengambil suatu tindakan yang pintar, yang cergas untuk mengatasi permasalahan kewangan. Sebab itulah kita pilih ketua CEOnya, kita cari orang yang terbaik, kita lantik Idris Jala, dan dia pun ada perancangan. Dia telah menyerahkan perancangannya itu pada kerajaan, dari laporan akhbar, saya difahamkan dia memerlukan masa kerana tidak ada siapa yang boleh *turn around* syarikat seperti MAS ini dengan masa yang singkat. Persoalan saya ialah sudah tentunya AirAsia menaruh minat, sudah tentunya AirAsia ingin menyertai rasionalisasi ini, *whatever that means*, dengan izin. Yang pentingnya, yang boleh jaga rakyat ialah kerajaan bukannya swasta. Jadi dalam soal ini, soalan saya ialah mengapakah masa yang secukupnya itu tidak diberikan kepada Idris Jala? Mengapa perlunya kita hari ini, perlu mempertimbangkan kepentingan Tony Fernandez, itu persoalannya.

Datuk Douglas Uggah Embas: Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Kota Bharu atas soalan tadi. Yang pertama, masa untuk MAS kita fikir telah cukup kerana isu-isu yang berhadapan dengan MAS adalah begitu besar sekali. Oleh yang demikian, maka mereka telah pun membuat satu program untuk menstrukturkan atau membuat *Business Turn Around Plan* dia. Di antara *Business Turn Around Plan* adalah mengenai isu domestik sektor. Jadi telah berbincang dengan kerajaan, berbincang dengan beberapa pihak, difikirkan bahawa arah tuju yang telah diputuskan oleh kerajaan itu adalah tindakan yang lebih baik. Dan tindakan ini bukanlah menjaga kepentingan sesuatu syarikat ataupun seseorang, kerana kalau kita lihat kerajaan sentiasa memantau untuk menentukan apa keputusan mengenai *rationalization* ini, harus dan sentiasa mengambil kira kepentingan pengguna.

Contohnya baru-baru ini, kerajaan telah memutuskan bahawa '*floor price*' tidak perlu digunakan kerana kita nak memberi ruang kepada MAS untuk bersama-sama bersaing dengan AirAsia. Dan juga dapat memberi perkhidmatan-perkhidmatan kepada beberapa pihak yang tertentu, pengguna-pengguna yang telah diberi keistimewaan. Jadi inilah bukti bahawa kerajaan memang menjaga kepentingan rakyat. Begitu juga ada rayuan mengenai beberapa sektor yang perlu ditambah sebagai *trunk route*, itu juga telah ditambah dari 19 kepada 22 dengan tambah 3 *trunk route*, itu adalah keputusan kerajaan. Jadi apa tuduhan bagi kita yang menjaga kepentingan sesuatu pihak adalah tidak tepat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, masa untuk Pertanyaan Jawab Lisan telah habis.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi jawab Lisan telah tamat]

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH
PERATURAN MESYUARAT 18(1)

MASALAH PEMBERHENTIAN KERJA OLEH SYARIKAT
APM INDUSTRIES HOLDING BERHAD (APMI)

11.35 pagi.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya M. Kula Segaran Ahli Parlimen kawasan Ipoh Barat di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) dengan ini mencadangkan supaya ditangguhkan Majlis Mesyuarat dengan hendak merundingkan perkara tertentu; berkenaan kepentingan orang ramai; yang berkehendak disegerakan. Teks usul seperti berikut.

Tindakan segera perlu diambil untuk mengatasi masalah pemberhentian kerja dengan serta-merta oleh majikan. Pada 7 Julai 2006, seramai 350 orang pekerja Syarikat APM Industries Holding Berhad (APMI) Ipoh, telah diberhentikan kerja dengan serta-merta oleh majikan mereka. Ramai pekerja ini telah bekerja dengan syarikat itu selama 20 tahun dan lebih.

Pemberhentian kerja secara mendadak tanpa sebarang pampasan telah menyebabkan pekerja-pekerja ini menghadapi krisis kewangan. Sumbangan KWSP (EPF) yang dipotong dari gaji pekerja belum dimasukkan ke dalam akaun pekerja sejak bulan Mei 2005. Kesan ketidakpastian tersebut yang menimpa pekerja-pekerja yang berusia dalam lingkungan lewat 40-an dan awal 50-an dan mempunyai ramai ahli keluarga yang perlu disara adalah jauh lebih hebat lagi. Adalah sukar bagi mereka untuk mendapatkan pekerjaan lain dalam usia yang tua setelah diberhentikan kerja. Sejak diberhentikan kerja, pekerja-pekerja ini telah mengadakan bantahan harian di luar bangunan kilang. Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) menyatakan sekurang-kurangnya 10 ribu orang pekerja diberhentikan kerja setiap bulan oleh majikan-majikan yang dapat mengelakkan daripada membayar faedah-faedah pemberhentian kerja, dan bayaran sampingan yang berkaitan kerana Undang-undang Buruh adalah tidak berkesan, dan Kementerian Sumber Manusia jarang memeriksa dan menguatkuasakannya.

Kementerian tersebut harus melibatkan diri lebih awal untuk membantu pekerja-pekerja tetapi ini tidak dilakukan. Kerajaan juga jarang mengambil langkah untuk mengelakkan penutupan kilang-kilang ini. Sebenarnya kerajaan sedang mengambil langkah-langkah yang sebaliknya dengan menggalakkan penggunaan sumber tenaga kerja luar dan membenarkan pengambilan pekerja asing yang mudah di kilang-kilang. Kitaran kejatuhan mendadak yang kerap kali sukar dijangka dalam hal ehwal ekonomi telah membawa kesukaran kepada pekerja-pekerja untuk merancang kerjaya mereka. Masa depan keluarga mereka adalah tidak menentu kerana mereka tidak tahu bilakah mereka akan mengalami kesulitan dalam kehidupan mereka. Kini undang-undang menyatakan bahawa sebarang upah lebih masa, bonus premium, insurans, penjagaan kesihatan dan faedah pemberhentian kerja dianggap sebagai "si potong tanpa cagaran", *unsecured creditors*.

Oleh itu apabila syarikat-syarikat ditutup atau berada dalam kuasa penerima atau *receivers*, bayaran-bayaran ini tidak akan diberi keutamaan dan dibayar kepada pekerja-pekerja. Ramai majikan sedang mengurangkan tenaga kerja mereka di seluruh negara dan memberi keutamaan untuk mengupah pekerja-pekerja asing. Pekerja-pekerja asing adalah lebih murah dan mudah diuruskan. Oleh yang demikian, tibalah masanya kerajaan mengambil tindakan seperti:

- (a) mengaji semula semua Undang-undang Buruh seperti Peraturan Pekerjaan iaitu Faedah Pemberhentian Kerja dan Pemberhentian Kerja Sementara tahun 1980 yang ketinggalan zaman dan tidak berguna lagi; dan
- (b) menubuhkan Tabung Perkhidmatan Pemberhentian Kerja Kebangsaan untuk membantu pekerja-pekerja yang diberhentikan kerja dari segi kewangannya.

Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu Pemberitahu Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Ahli Yang Berhormat bagi kawasan Ipoh Barat pada hari Rabu, 12 Julai 2006. Teks Usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebentar tadi.

Bagi membolehkan perkara ini dipertimbangkan oleh Majlis Mesyuarat pada hari ini, saya sebagai Tuan Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat:

- (i) bahawa perkara itu tertentu;
- (ii) ia bagi kepentingan orang ramai; dan
- (iii) ia berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa perkara ini adalah perkara yang tertentu dan ini adalah juga bagi kepentingan orang ramai. Berkehendak disegerakan, saya berpendapat bahawa perkara ini tidak perlu disegerakan. Saya difahamkan bahawa tindakan sedang diambil oleh pihak Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Tenaga Kerja Perak untuk membantu pekerja yang terlibat. Oleh yang demikian saya menolak Usul ini di bawah Peraturan Mesyuarat 18(2).

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG KASTAM (PINDAAN) 2006

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Kastam 1997; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG
KANUN KESEKSAAN (PINDAAN) 2004****&****RANG UNDANG-UNDANG
KANUN TATACARA JENAYAH (PINDAAN) 2004****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****DAN****USUL****USUL MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI YANG MENCADANGKAN LAPORAN
JAWATANKUASA PILIHAN KHAS DIPERKENANKAN**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbincangan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang" dan "Bahawa Usul Laporan Jawatankuasa Pilihan Khas yang dilantik oleh Majlis ini pada 20 Julai 2004 untuk mengkaji Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2004 dan Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2004 yang dibentangkan dalam Majlis ini sebagai Kertas Bilangan DR 1 Tahun 2006 diperkenankan" **[12 Julai 2006]**

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Minta Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri sila sambung ucapan.

11.43 pg.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri [Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, semalam dengan masa yang terhad saya berjaya mengemukakan Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2004 dan pada hari ini izinkan saya untuk beralih kepada Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah Pindaan (2004) pula.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Jawatankuasa juga turut menerima banyak maklum balas daripada orang ramai berhubung dengan pindaan kepada beberapa peruntukan dalam Kanun Tatacara Jenayah. Jawatankuasa telah mempertimbangkan secara terperinci semua maklum balas dan pandangan orang ramai serta Laporan Suruhanjaya Diraja, pembaikan, perjalanan dan pengurusan Polis Diraja Malaysia selepas ini dirujuk sebagai Laporan Suruhanjaya Polis Diraja Malaysia dan perundangan berkaitan di beberapa buah negara seperti Australia, New Zealand dan Singapura.

Jawatankuasa mencadangkan beberapa pindaan kepada Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2004 yang asal. Pindaan tersebut adalah sebagaimana dalam Lampiran 7 kepada laporan Jawatankuasa.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini terdiri daripada 34 Fasal dan izinkan saya untuk menjelaskan mengenai fasal-fasal penting seperti berikut.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 7 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 28A berhubung hak-hak seseorang yang ditangkap. Jawatankuasa telah mempertimbangkan secara terperinci semua maklum balas dan pandangan orang ramai serta laporan

Suruhanjaya PDRM dan telah membuat perbandingan tatacara tangkapan dan reman di beberapa buah negara seperti Australia, New Zealand dan Singapura. Jawatankuasa juga telah mempertimbangkan syor Suruhanjaya PDRM untuk meminda seksyen 117 Kanun Tatacara Jenayah. Seksyen 28 dan seksyen 117 Kanun Tatacara Jenayah yang dibaca secara bersama membenarkan penangkapan tanpa waran dan penahanan seseorang selama tidak lebih daripada 24 jam. Tidak termasuk masa yang perlu untuk perjalanan dari tempat penangkapan polis ke Mahkamah Majistret untuk membolehkan pihak polis menyelesaikan penyiasatan.

Sekiranya penyiasatan tidak dapat diselesaikan dalam tempoh tersebut, orang yang ditangkap perlu dibawa ke hadapan majistret untuk mendapatkan perintah yang membenarkan penahanan selanjutnya bagi satu tempoh tidak melebihi 15 hari jumlahnya. Walau bagaimanapun, dari segi amalan peruntukan ini telah membawa kepada banyak penyalahgunaan kuasa oleh pihak polis yang memohon tempoh reman yang maksimum dan permohonan ini biasanya diluluskan oleh majistret. Terdapat juga laporan berlakunya penderaan fizikal dan mental terhadap suspek oleh polis sepanjang tempoh reman dan kes kematian suspek semasa reman. Suruhanjaya berpendapat bahawa amalan ini merupakan pelanggaran hak asasi manusia yang serius.

Di negara-negara seperti Hong Kong, Australia dan Singapura, tempoh tahanan reman yang dibenarkan adalah jauh lebih pendek dan perintah berantai atau seumpamanya tidak dilayani. Secara ringkas Jawatankuasa berpendapat bahawa pegawai penyiasat tidak sepatutnya mengamalkan dasar "tangkap dahulu, siasat kemudian". Prinsip ini adalah selaras dengan syor yang terdapat di dalam Laporan Suruhanjaya PDRM. Sehubungan itu Jawatankuasa mencadangkan satu seksyen yang baru iaitu Seksyen 28A yang khusus menyatakan hak-hak orang yang ditangkap iaitu *rights of person arrested*, dengan izin.

Melalui seksyen ini, Jawatankuasa mengesyorkan supaya pihak polis diwajibkan memberikan kemudahan kepada seseorang yang telah ditangkap untuk menghubungi seorang peguam dalam tempoh 24 jam dari masa dia ditangkap.

Selain itu pegawai polis yang menangkap mesti memaklumkan kepada orang kena tangkap sebab-sebab beliau ditangkap. Pindaan-pindaan ini mencerminkan hak asasi yang dijamin atas seseorang yang ditangkap sebagaimana yang terkandung di bawah Perkara 5 Perlembagaan Persekutuan. Selain itu, Jawatankuasa juga menghendaki pihak polis memberi kemudahan kepada orang kena tangkap untuk menghubungi ahli keluarga atau rakannya selepas dia ditangkap. Ini akan membolehkan mereka yang terdekat untuk mengetahui tempat beradanya orang kena tangkap. Oleh itu hak orang kena tangkap untuk menghubungi seorang peguam atau ahli keluarga atau rakannya hendaklah dipatuhi dan tidak boleh diabaikan kecuali dalam keadaan-keadaan yang tertentu sahaja.

Pengecualian hanya boleh diberi oleh seorang anggota polis yang berpangkat tidak kurang daripada Timbalan Penguasa Polis dengan izin, DSP dalam tiga keadaan, iaitu:

- (i) jika orang kena tangkap diberi kemudahan tersebut rakan jenayah orang kena tangkap itu akan mengambil langkah-langkah untuk mengelak dari ditangkap;
- (ii) menyembunyi, mereka keterangan, dengan izin *fabricate*, atau pun membinasa keterangan berkaitan kes atau mengugut saksi-saksi; dan
- (iii) dengan mengambil kira keselamatan orang lain, penyoalan atau perakaman sesuatu pernyataan adalah sangat diperlukan dan tidak boleh di tangguh, dengan izin "*having regard to the safety of other person, the questioning or recording of any statement is so urgent that it should not be delayed*".

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 17 bertujuan untuk meminda seksyen 117, melalui pindaan yang dicadangkan tempoh reman telah dibahagikan kepada dua kategori supaya lebih adil. Kategori reman ini dibahagikan berdasarkan hukuman kesalahan kes yang disiasat. Kategori pertama merangkumi kesalahan yang membawa hukuman penjara tidak melebihi 14 tahun. Bagi kategori ini, jawatankuasa berpendapat tempoh reman tidak

melebihi tujuh hari adalah munasabah. Majistret diberi kuasa untuk membenarkan reman tidak melebihi empat hari bagi permohonan pertama dan tidak melebihi tiga hari bagi permohonan kedua. Tempoh reman tujuh hari ini tidak termasuk tempoh tahanan 24 jam di bawah seksyen 28.

Manakala kategori kedua, merangkumi kesalahan yang membawa hukuman mati atau hukuman penjara 14 tahun atau lebih. Bagi kategori ini Jawatankuasa berpendapat tempoh reman tidak melebihi '14' hari adalah munasabah. Majistret diberi kuasa untuk membenarkan reman tidak melebihi tujuh hari bagi permohonan pertama dan tidak melebihi tujuh hari lagi bagi permohonan kedua. Tempoh reman 14 hari, ini tidak termasuk tempoh tahanan 24 jam di bawah seksyen 28. Untuk menangani penyalahgunaan amalan perintah tahanan berlarutan atau apa yang dikenali sebagai perintah berantai atau dengan izin *chain smoking*, seorang Pegawai Penyiasat yang memohon tahanan reman, dikehendaki mencatatkan dalam diari penyiasatannya apa-apa tahanan reman *suspect* sejeurus sebelum sesuatu permohonan itu dibuat.

Majistret diwajibkan mengambil kira tempoh tahanan yang terdahulu itu, sebelum permohonan baru dipertimbangkan tidak kira sama ada tempoh tahanan itu ada kaitan dengan permohonan baru itu atau tidak. Selepas mengambil kira semua fakta termasuk tempoh tahanan yang terdahulu, Majistret akan menentukan tempoh reman yang sepatutnya diberi yang adil, berdasarkan peruntukan pindaan Seksyen 117 yang baru. Seterusnya untuk mengukuhkan hak-hak orang kena tangkap. Orang kena tangkap diberi peluang untuk diwakili oleh seorang peguam semasa prosiding reman. Peruntukan ini bertujuan untuk memastikan bahawa orang kena tangkap tidak di reman selanjutnya tanpa alasan yang kukuh dan munasabah. Jawatankuasa berpendapat dengan adanya pindaan-pindaan ini, maka ia akan mengimbangkan hak seorang individu dengan hak pihak berkuasa dan penyiasat.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 13 dan 14 bertujuan untuk meminda seksyen 112 dan 113 masing-masing berhubung pernyataan beramaran. Isu yang dibangkit oleh orang ramai ialah berhubung dengan kuasa-kuasa siasatan polis, di bawah seksyen 112 dan 113 Kanun Tatacara Jenayah.

Buat masa ini seksyen 113 membenarkan untuk merakam pernyataan orang kena tangkap bagi tujuan menggunakan pernyataan tersebut sebagai keterangan. Pernyataan tersebut biasanya disebut sebagai "Pernyataan Beramaran" atau dengan izin "*Cautioned Statement*". Suruhanjaya PDRM telah mengesyorkan bahawa seksyen 113 dimansuhkan di atas beberapa sebab. Setelah mengkaji Laporan Suruhanjaya PDRM, mengambil kira pandangan orang ramai serta badan-badan tertentu dan Peguam Negara, Jawatankuasa berpendapat peruntukan ini haruslah dimansuhkan kerana keboleh terimaan sesuatu pernyataan beramaran di bawah seksyen 113 amatlah sukar. Mahkamah lazimnya menolak pernyataan beramaran ini sebagai keterangan dan ini telah menjejaskan imej polis.

Lagi pula, tatacara untuk mengemukakan pernyataan beramaran di bawah seksyen tersebut mengambil masa yang lama dan boleh dianggap membuang masa mahkamah dan semua pihak yang terlibat. Kerana akhirnya ia akan ditolak oleh mahkamah.

Satu lagi fakta yang diambil kira oleh Jawatankuasa untuk memansuhkan peruntukan ini adalah pihak polis sering kali menggunakannya sebagai tonggak kepada siasatan mereka dan mengabaikan keterangan lain yang ada, dan akhirnya menjejaskan pengumpulan bukti serta siasatan dalam sesuatu kes. Dengan pemansuhan seksyen 113 dan pindaan susulan kepada seksyen 112 keadaan undang-undang berkaitan dengan siasatan polis adalah sama seperti sebelum tahun 1976. Setelah mempertimbangkan semua representasi, Jawatankuasa berpendapat seksyen 113 digantikan dengan seksyen 113 yang baru. Akibat utama pindaan ini ialah pihak polis tidak boleh merakam pernyataan beramaran dari orang kena tangkap. Semua pernyataan akan dirakam di bawah seksyen 112 dan pernyataan tersebut tidak boleh digunakan sebagai keterangan di mahkamah, selain daripada keadaan-keadaan yang dinyatakan di bawah seksyen 113 baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya baca Seksyen 113 yang baru:-

- (1) *except as provided in this section, no statement made by any person to a police officer in the course of police investigation made under this Chapter shall be used in evidence.*
- (2) *when any witness is called for the prosecution or for the defence, other than the accused the court shall, on the request of the accused or the prosecutor refer to any statement made by that witness to a police officer in the course of the police investigation under this Chapter and may then, to the court thinks fit in the interest of justice, direct the accused to be furnished with the copy of it and the statement may be use to impeach the credit of the witness in the manner provided by Evidence Act 1950 [Act 56].*
- (3) *where the accused had made a statement during the course of a police investigation such statement may be admitted in evidence in support of his defence during the course of the trial.*
- (4) *nothing in this section shall be deemed to apply to any statement made in the course of an identification parade or falling within section 27 or paragraph 32(1)(a) of the Evidence Act 1950.*
- (5) *when any person is charge with any offence in the relation to:*
 - (a) *the making; or*
 - (b) *the contents.*

of any statement made by him to a police officer in the course of police investigation made under this Chapter, that statement maybe used as evidence in the prosecution's case.

Jawatankuasa sedar terdapat beberapa akta lain di negara ini yang mengandungi peraturan mengenai rakaman pernyataan beramaran. Seperti di dalam Akta Pencegahan Rasuah 1997, Akta 575 dan Akta Warisan Kebangsaan 2006. Jawatankuasa mengesyorkan supaya akta-akta tersebut dipinda supaya selaras dengan peruntukan seksyen 112 yang dipinda dan peruntukan baru seksyen 113 yang dicadangkan dalam laporan ini.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 16 bertujuan untuk memansuhkan seksyen 115. Setelah Jawatankuasa mendengar pandangan dan komen dari pihak mahkamah, Peguam Negara dan mempertimbangkan laporan Suruhanjaya PDRM mengenai tatacara rakaman pengakuan oleh seseorang Majistret, Jawatankuasa mencadangkan bahawa seksyen tersebut dimansuhkan sahaja. Ini adalah kerana Jawatankuasa berpendapat bahawa seorang Majistret bertugas untuk mendengar dan membicarakan kes dan beliau sepatutnya tidak dibebankan dengan tugas merakamkan pengakuan dari orang kena tangkap. Tambahan pula jika seorang Majistret itu kurang pengalaman untuk merakamkan suatu pengakuan dan sekiranya pengakuan yang dirakam itu dicabar di mahkamah, kredibiliti Majistret itu akan dipersoalkan oleh orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua Fasal 10 ialah Fasal untuk meminda seksyen 107. Kesukaran untuk membuat laporan polis juga merupakan satu aduan oleh orang ramai. Antara kesukaran yang dikemukakan ialah pengadu diminta untuk membuat laporan hanya di balai polis tertentu sahaja dan ada sesetengah laporan yang hendak dibuat oleh orang ramai tidak diterima atas pelbagai alasan seperti kerugian yang dialami adalah terlalu kecil dan isu yang dikemukakan hanyalah isu rumah tangga. Kesukaran ini juga turut disebabkan oleh faktor seperti kejadian yang hendak dilaporkan berlaku dalam kawasan pentadbiran polis yang berlainan atau berada di lokasi yang menyulitkan.

Selain itu, ada pihak yang mendakwa anggota polis di balai-balai polis tidak mesra terhadap pengadu, bersikap acuh tak acuh, kurang berminat dan mengambil masa yang lama untuk memberi maklum balas.

Suruhanjaya PDRM setelah mengkaji seksyen 107(1) Kanun Tatacara Jenayah berpendapat bahawa laporan polis hanya boleh dibuat di balai polis. Suruhanjaya PDRM

mengesyorikan bahawa laporan polis dibenarkan dibuat dengan cara yang paling mudah seperti melalui *e-mail*, laman web, *sms* atau telefon di mana-mana balai polis atau pondok polis atau kepada mana-mana anggota polis yang sedang meronda. Sehubungan itu Jawatankuasa bersetuju supaya subseksyen 107(1) Kanun Tatacara Jenayah dipinda untuk membolehkan mana-mana pegawai polis yang bertugas sama ada di dalam atau di luar balai polis untuk menerima sebarang laporan yang dibuat oleh sesiapa jua. Dengan pindaan ini orang awam boleh membuat laporan polis di mana-mana balai polis atau pondok polis atau kepada mana-mana anggota polis yang sedang meronda. Jawatankuasa bagaimana pun tidak dapat menerima syor Suruhanjaya PDRM supaya laporan polis dibenarkan dibuat melalui *e-mail*, laman web, *sms* dan telefon. Ini kerana pengadu diperlukan untuk menandatangani laporan tersebut. Tatacara ini bertujuan mengelakkan mana-mana orang daripada membuat laporan palsu yang merupakan satu kesalahan di bawah Kanun Keseksaan.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 4 ialah Fasal yang meminda seksyen 13. Seksyen 13 Kanun Tatacara Jenayah memperuntukkan bahawa mana-mana orang yang mengetahui berlakunya mana-mana kesalahan yang tersenarai di bawah seksyen 13 itu hendaklah melaporkan kepada pihak polis. Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2004 yang asal melalui Fasal 4 bertujuan meminda seksyen 13 dengan hanya memasukkan kesalahan di bawah seksyen 376, 377C dan 377E Kanun Keseksaan yang wajib dilaporkan.

Jawatankuasa telah mengkaji peruntukan ini dan bercadang supaya kesalahan di bawah seksyen 372, 372A, 372B, 376B dan 377CA kanun Keseksaan yang juga merupakan kesalahan seksual turut dimasukkan sebagai kesalahan yang wajib dilaporkan.

Jawatankuasa berpendapat adalah perlu untuk dimasukkan kesalahan-kesalahan seksual ini di bawah seksyen 13 Kanun Tatacara Jenayah supaya mana-mana orang yang mempunyai maklumat tentang kesalahan tersebut bertanggungjawab untuk memberi maklumat itu kepada polis. Ini akan membolehkan kesalahan seksual itu disiasat dan orang yang melakukan kesalahan itu dihadapkan ke mahkamah. Beberapa pihak telah merayu supaya kesalahan rogol di bawah seksyen 376 Kanun Keseksaan tidak dijadikan sebagai kesalahan yang wajib dilaporkan. Mereka berhujah bahawa mungkin terdapat keadaan di mana ibu bapa yang mengetahui anak mereka dirogol dan enggan membuat laporan untuk mengelakkan nama baik anaknya tercemar dan peluang perkahwinannya terjejas.

Setelah mempertimbangkan hujah-hujah pihak berkenaan, jawatankuasa berpendapat seksyen 376 hendaklah dijadikan sebagai satu kesalahan yang wajib dilaporkan demi kepentingan awam.

Tuan Yang di-Pertua, fasal 5 ialah Fasal yang memasukkan seksyen baru 20A. Pada bulan Jun tahun 2005, negara telah digemparkan rakaman video seorang tahanan wanita yang diarahkan oleh seorang anggota polis melakukan ketuk ketampi dalam keadaan berbogel bagi tujuan membuat pemeriksaan tubuh. Kejadian yang berlaku di balai polis Petaling Jaya itu telah mencetuskan ketidakpuasan hati dan kegusaran orang ramai berhubung dengan tindakan pihak polis itu serta mempersoalkan kewajaran tatacara yang dijalankan oleh pihak polis terhadap tahanan dalam lokap.

Berikutan itu kerajaan telah menubuhkan suatu suruhanjaya untuk menyiasat insiden tersebut. Suruhanjaya itu dinamakan Suruhanjaya Untuk Menyiasat Prosedur Tetap Operasi Kaedah-Kaedah atau Peraturan-Peraturan Berhubung Dengan Pengendalian Pemeriksaan Tubuh Berkenaan Dengan Penangkapan Dan Penahanan Oleh Polis.

Setelah mengambil kira cadangan dalam laporan Suruhanjaya tersebut dan pandangan-pandangan lain Jawatankuasa mencadangkan Kanun Tatacara Jenayah dipinda dengan mengadakan suatu peruntukan yang khusus mengenai pemeriksaan tubuh dan peruntukan ini akan diguna pakai oleh pihak polis dan semua agensi penguatkuasaan. Tatacara Pemeriksaan Tubuh ini akan dimasukkan sebagai Jadual kepada Kanun Tatacara Jenayah dan Jadual ini boleh dipinda oleh Menteri yang bertanggungjawab berhubung dengan hal ehwal keselamatan melalui suatu perintah. Empat jenis pemeriksaan tubuh diperkenalkan iaitu:

- (i) pemeriksaan secara menepuk (*pat down search*);

- (ii) pemeriksaan dengan menanggalkan pakaian (*strip search*);
- (iii) pemeriksaan intim (*intimate search*); dan
- (iv) pemeriksaan intrusif (*intrusive search*)

Ahli-ahli Yang Berhormat boleh merujuk kepada tatacara terperinci berhubung dengan keempat-empat jenis pemeriksaan yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga kepada Lampiran 7 Rang Undang-undang yang dibentangkan ini.

Tuan Yang di-Pertua Fasal 11 ialah Fasal yang memasukkan seksyen baru 107A. Seksyen baru 107A bertujuan untuk membenarkan mana-mana orang yang telah membuat suatu laporan polis meminta pihak polis memberikan laporan mengenai status penyiasatan berhubung dengan laporan polis yang dibuat olehnya. Pihak polis diperlukan memberi laporan kedudukan penyiasatan tersebut jika kesalahan itu adalah kesalahan lazim ditangkap (*sizeable offence*). Selepas empat minggu telah luput dari tarikh maklumat itu dilaporkan dan pemberian laporan itu juga tidak akan menjejaskan penyiasatan atau pendakwaan suatu kes. Pemberi maklumat boleh melaporkan kepada pendakwa raya jika pihak polis gagal memberikan laporan kedudukan penyiasatan itu kepadanya. Pendakwa raya hendaklah memberi arahan kepada Ketua Polis Daerah untuk mengemukakan laporan kedudukan itu kepada pemberi maklumat.

Subseksyen 107A(7) Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2004 yang asal memperuntukkan kegagalan mematuhi arahan pendakwa raya itu adalah suatu kesalahan dan jika didapati bersalah, boleh di penjara sehingga satu bulan atau didenda sehingga RM1,000 atau kedua-duanya sekali. Perkara yang sama juga diperuntukkan dalam cadangan pindaan bagi seksyen 110 di mana subseksyen 110(4) adalah berkaitan dengan hukuman yang boleh dikenakan terhadap seorang anggota polis yang ingkar mematuhi arahan pendakwa raya berkaitan dengan seksyen 110(1) dan (2) iaitu apabila gagal mengemukakan suatu laporan berkenaan dengan suatu kesalahan yang boleh ditangkap kepada pendakwa raya.

Peruntukan subseksyen 107A(7) sama-sama subseksyen 110(4) telah menerima tentangan yang hebat daripada orang ramai, persatuan polis dan bekas polis serta badan-badan yang lain seperti SUHAKAM. Ini adalah kerana kegagalan membekalkan laporan status serta kegagalan melaporkan dan membekalkan kertas siasatan kepada pendakwa raya dalam masa yang ditentukan, dijadikan suatu kesalahan.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 19 ialah fasal yang meminda seksyen 120. Cadangan pindaan kepada seksyen 120 adalah bertujuan untuk memperketatkan peruntukan yang sedia ada. Pegawai polis yang membuat siasatan diwajibkan mengemukakan suatu laporan penyiasatannya bersama dengan kertas siasatan mengenai penyiasatan itu kepada pendakwa raya dalam tempoh satu minggu selepas tamatnya tempoh tiga bulan dari tarikh penerimaan maklumat itu di bawah seksyen 107. Kegagalan berbuat demikian adalah suatu kesalahan di bawah subseksyen 120(3).

Jawatankuasa telah dibanjiri dengan bantahan terhadap peruntukan kesalahan seksyen 107A(7), 110(4) dan 120(3). Antara alasan-alasan yang mereka hujahkan ialah orang ramai tidak akan menyertai pasukan polis dengan adanya peruntukan sedemikian. Ini akan menyukarkan pengambilan anggota baru dan Kanun Tatacara Jenayah adalah suatu kanun berkenaan dengan tatacara dan tidak ada peruntukan penghukuman di dalamnya. Mereka juga berhujah mengapakah peruntukan-peruntukan sedemikian diwujudkan untuk pihak polis sahaja dan tidak untuk agensi penguatkuasaan yang lain dan kegagalan mengemukakan laporan sebagaimana yang dinyatakan dalam peruntukan-peruntukan yang dicadangkan itu, lebih bersifat perbuatan kecuai dan bukannya suatu jenayah.

Oleh itu, adalah tidak wajar untuk menjadikan sebagai satu kesalahan jenayah dan sebaliknya adalah memadai untuk pegawai yang berkenaan dikenakan tindakan tatatertib sahaja. Terdapat juga pihak yang menyokong peruntukan yang dicadangkan. Mereka yang menyokong peruntukan tersebut menyatakan bahawa apabila suatu laporan polis dibuat, amat sukar untuk mereka mendapat maklum balas tentang status siasatan yang telah dijalankan, ekoran daripada laporan polis mereka itu.

Mereka berpendapat, dengan adanya peruntukan kesalahan dalam peruntukan tersebut, pihak polis akan menjadi lebih bertanggungjawab dan perlu memberi maklum balas mengenai status siasatan yang dijalankan kepada orang ramai dengan sewajarnya. Setelah mempertimbangkan semua maklum balas termasuk pandangan Peguam Negara sendiri serta laporan Suruhanjaya PDRM, jawatankuasa bersetuju supaya peruntukan kesalahan di bawah subseksyen 107A(7), 110(4) dan 120(3) itu dimansuhkan.

Walau bagaimanapun, jawatankuasa telah mengambil kira bahawa jika seorang pegawai polis yang gagal mematuhi kehendak seksyen 107A, 110 dan 120, tindakan masih boleh diambil terhadapnya di bawah seksyen 175 Kanun Keseksaan iaitu suatu peruntukan berkenaan kegagalan seseorang untuk mengemukakan dokumen kepada penjawat awam dalam kes-kes yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 9 ialah fasal yang memperkenalkan bab baru 12A. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bab ini memperkenalkan tiga seksyen yang membincangkan tatacara jenayah berkaitan dengan kes-kes keganasan. Kesalahan-kesalahan keganasan terdapat dalam Kanun Keseksaan, manakala peruntukan mengenai tatacara tangkapan dan siasatan terdapat dalam Kanun Tatacara Jenayah. Tiga seksyen yang dicadangkan di bawah bab baru ini ialah seksyen 106A, 106B dan 106C.

Seksyen 106A mentakrifkan beberapa ungkapan tertentu termasuk ungkapan kesalahan keganasan. Seksyen 106B memberi pegawai polis kuasa untuk menangkap tanpa waran seseorang yang telah melakukan atau yang sedang melakukan atau disyaki dengan alasan munasabah untuk melakukan atau sedang melakukan kesalahan keganasan. Seksyen baru 106C memberikan kuasa kepada pendakwa raya untuk membenarkan mana-mana pegawai polis untuk memintas komunikasi tertentu jika pendakwa raya berpendapat bahawa komunikasi itu berkemungkinan mengandungi maklumat yang berhubung dengan perlakuan kesalahan keganasan. Maklumat yang diperolehi sedemikian, sama ada sebelum atau selepas orang yang berkenaan dituduh, hendaklah boleh diterima sebagai keterangan dalam perbicaraannya.

Beberapa pihak telah mengemukakan pandangan mereka berhubung dengan cadangan seksyen 106A, 106B dan 106C. Antara isu-isu yang dibangkitkan ialah tentang takrif kesalahan keganasan. Kuasa-kuasa penangkapan yang diberi kepada pihak polis, kuasa untuk memintas komunikasi dan sama ada istilah atau ungkapan dengan izin, *consider that is likely to contain* di bawah seksyen 106C adalah terlalu luas dan merupakan standard yang terlalu rendah. Mereka mencadangkan perkataan itu digantikan dengan perkataan *has reasonable grounds to suspect*.

Di samping itu, beberapa pihak telah menyuarakan bahawa tahap untuk tangkapan dilakukan di bawah seksyen 106 itu iaitu *reasonable ground for suspecting* adalah terlalu rendah. Mereka mengesyorkan bahawa tahap *reasonable ground for belief* adalah lebih adil. Setelah mempertimbangkan semua maklum balas, pendapat dan pandangan orang ramai, diputuskan bahawa peruntukan yang sedia ada adalah wajar dan selaras dengan undang-undang yang sedia ada dan undang-undang sedemikian diperlukan demi kepentingan awam.

Tahap yang ditetapkan adalah seimbang dengan undang-undang lain berkaitan dengan tatacara tangkapan. Kuasa-kuasa ini adalah perlu untuk membanteras kesalahan keganasan. Kuasa pendakwa raya sebagaimana yang dinyatakan di bawah seksyen 106C adalah wajar kerana tindakan segera perlu diambil untuk beliau memberi kuasa kepada pegawai polis bagi memintas komunikasi tertentu. Perlu ditekankan bahawa pendakwa raya di negara ini adalah bebas dan tidak terlibat dalam siasatan kes-kes jenayah. Lagipun peruntukan yang sama terdapat di dalam Akta Culik 1961 [Akta 365], Akta Pencegahan Rasuah 1997 [Akta 975], dan Akta Dadah Berbahaya 1952 [Akta 234].

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 8 ialah fasal yang memasukkan seksyen baru 51A. Beberapa pihak telah mengemukakan pandangan mereka untuk mewajibkan pihak pendakwaan membekalkan kepada pihak pembelaan mana-mana dokumen atau laporan yang akan menjadi sebahagian daripada kes pendakwaan sebelum perbicaraan dimulakan. Pemberian apa-apa dokumen atau laporan yang akan dikemukakan oleh pihak pendakwaan dalam kesnya kepada pihak pembelaan akan memberi peluang kepada pihak pembelaan untuk menyediakan kes mereka dengan lebih sempurna.

Ini akan membawa keadilan bukan sahaja kepada tertuduh tetapi juga kepada semua pihak. Selain itu ia akan menjimatkan masa mahkamah di mana pihak pembela tidak akan memohon untuk penangguhan jika dokumen-dokumen tersebut lebih awal lagi diberikan. Jawatankuasa berpendapat bahawa fakta-fakta yang menguntungkan kepada pembelaan yang diperoleh semasa siasatan hendaklah diberi kepada pihak pembelaan demi keadilan sesuatu kes.

Walau bagaimanapun, ada pengecualian. Bagi Perenggan (c) di bawah subseksyen 2 di mana pegawai pendakwa boleh tidak membekalkan fakta-fakta yang menguntungkan tertuduh atas alasan ia akan menjejaskan kepentingan awam atau dengan izin, *public interest*. Perlu diingat bahawa keputusan pegawai pendakwa untuk tidak membekalkan suatu fakta yang menguntungkan tertuduh oleh sebab kepentingan awam tidaklah muktamad. Ia adalah kerana pihak pembela boleh memohon kepada mahkamah untuk menentukan sama ada sesuatu fakta itu dilindungi oleh kepentingan awam.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 21 dan Fasal 22 ialah fasal-fasal yang meminda seksyen 173 dan seksyen 180 masing-masing. Perenggan 173(h) dan seksyen 180 adalah berhubung dengan tahap pembuktian yang diperlukan pada akhir kes pendakwaan untuk menentukan sama ada pihak pendakwa telah membuktikan kesnya untuk membolehkan pembelaan dipanggil.

Dalam tahun 1997, seksyen tersebut telah dipinda melalui Akta Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 1997 [Akta A979]. Pindaan tersebut telah dibuat untuk mengatasi penghakiman dalam kes Khoo He Chiang lawan pendakwa raya dan Arul Pragasan a/l Sandaraju lawan pendakwa raya yang diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan di mana mahkamah telah menggunakan tahap *maximum evaluation* di akhir kes pendakwaan seperti yang dijelaskan dalam huraian kepada Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 1997 dan ucapan menteri berkenaan semasa Rang Undang-undang itu di bentang di Dewan Rakyat. Hasrat Parlimen ketika membuat pindaan tersebut adalah untuk mengembalikan prinsip dalam kes Hor Tua Tau lawan *public prosecutor* 1981 2MLJ 49 yang telah menggunakan tahap *minimum evaluation* di akhir kes pendakwaan.

Walau bagaimanapun perkembangan undang-undang tidak memenuhi hasrat tersebut memandangkan ungkapan "*prima facie*" tidak ditafsirkan dalam pindaan tersebut. Ini telah mengakibatkan kes-kes seperti Lui Kow Chai lawan Pendakwa Raya dan Balachandaran lawan Pendakwa Raya, memberi tafsirannya tersendiri yang telah mengakibatkan situasi undang-undang yang tidak tertentu.

Untuk memberi penentuan kepada tahap pembuktian....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri sudah berucap panjang, perlukan air minuman?

Dato' Seri Mohd. Radzi bin Sheikh Ahmad: Tidak perlu, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, teruskan. Tidak ada, Yang Berhormat. Ini memang prihatin kepada semua Ahli Yang Berhormat di sini.

Dato' Seri Mohd. Radzi bin Sheikh Ahmad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Untuk memberi penentuan kepada tahap pembuktian pada akhir kes pendakwaan, jawatankuasa berpendapat satu tafsiran kepada ungkapan *prima facie* perlu diadakan. Sehubungan dengan itu jawatankuasa setelah mengambil kira representasi orang ramai telah meminda perenggan 173(h) dan seksyen 180 Kanun Tatacara Jenayah dengan memasukkan tafsiran ungkapan kepada *prima facie* bagi perbicaraan di Mahkamah Rendah dan Mahkamah Tinggi. Jawatankuasa berpendapat bahawa tafsiran *prima facie* adalah seperti berikut, dengan izin:

"A prima facie case is made out against the accused where the prosecution has adduce credible evidence proving each ingredient of the offence which if unreported or unexplained would warrant a conviction"

Tuan Yang di-Pertua, pindaan kepada perenggan 173(h)(a) bertujuan memperuntukkan secara khusus tiga pilihan pembelaan kepada tertuduh iaitu sama ada

beliau hendak memberi keterangan bersumpah dari kandang saksi, memberi keterangan dari kandang tertuduh atau berdiam diri. Cadangan pindaan asal juga memperuntukkan bahawa jika tertuduh memilih untuk memberi pernyataan secara tidak bersumpah dari kandang tertuduh dan pembelaannya berkaitan dengan pernyataan beramaran yang merupakan sebahagian daripada keterangan pendakwaan beliau boleh diperiksa balas oleh pendakwa.

Orang ramai membantah dengan keras cadangan pindaan yang membolehkan pendakwa menyoal balas tertuduh mengenai pemberian pernyataan secara tidak bersumpah dari kandang tertuduh jika pembelaannya menyentuh pernyataan beramarannya yang telah menjadi sebahagian daripada kes pendakwaan. Mereka menghujahkan bahawa prosedur ini adalah bertentangan dengan undang-undang yang sedia ada.

Jawatankuasa setelah mempertimbangkan maklum balas serta kedudukan undang-undang bersetuju dengan pendapat orang ramai bahawa adalah tidak adil untuk membenarkan pihak pendakwa memeriksa balas tertuduh mengenai pemberian pernyataan tidak bersumpah. Sehubungan itu jawatankuasa mencadangkan peruntukan ini dimansuhkan. Ini adalah selaras dengan pindaan seksyen 113 yang telah dijelaskan sebelum ini.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 24 ialah fasal yang memperkenalkan seksyen baru 272B. Jawatankuasa telah menerima beberapa pandangan positif daripada orang ramai berhubung dengan seksyen baru 272B yang diperkenalkan melalui Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2004. Seksyen baru ini akan membolehkan seorang saksi selain tertuduh dengan kebenaran mahkamah untuk memberikan keterangan secara langsung melalui rakaman video atau siaran televisyen dalam mana-mana perbicaraan atau siasatan demi kepentingan keadilan.

[Bentara Parlimen menghulurkan air minuman kepada YB Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sila!... *[Disorak]* Kesian sama Menteri, Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohd. Radzi bin Sheikh Ahmad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua..... *[Ketawa]*

Secara keseluruhan, seksyen baru ini mendapat sambutan yang baik daripada orang ramai kerana memberikan peluang kepada saksi untuk memberi keterangan secara bebas tanpa rasa takut atau terancam. Namun begitu, terdapat beberapa bantahan terhadap Seksyen 272B kerana pemakaian seksyen tersebut tertakluk kepada perkara-perkara yang dinyatakan dalam subseksyen (2).

Mereka berpendapat bahawa subseksyen (2) telah menyempitkan pemakaian Seksyen 272B. Dalam perenggan (a) dan (b) misalnya, jenis-jenis kesalahan yang dinyatakan adalah terhad kepada kesalahan yang melibatkan 'assault on, or an injury or a threat of injury' dan beberapa kesalahan-kesalahan seksual yang lain sahaja. Perenggan (c) bermaksud bahawa Menteri boleh menetapkan kesalahan-kesalahan lain setelah berunding dengan Ketua Hakim Negara dan Pendakwa Raya.

Dalam keadaan tersebut, subseksyen (2) itu dikatakan boleh menimbulkan masalah apabila ada keadaan kesalahan-kesalahan lain yang tidak terjatuh di bawah perenggan (a) dan (b) yang mahkamah fikirkan wajar supaya keterangan secara langsung melalui video atau televisyen diberikan oleh saksi. Meskipun perenggan (c) membolehkan kesalahan-kesalahan lain ditetapkan oleh Menteri setelah berunding dengan Ketua Hakim Negara dan Pendakwa Raya tetapi ia melibatkan beberapa proses tertentu sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan tersebut.

Proses ini akan mengambil masa yang panjang untuk sesuatu kesalahan lain itu ditetapkan sebagai kesalahan yang membolehkan keterangan secara langsung melalui video atau televisyen diberikan oleh saksi. Oleh yang demikian, jawatankuasa memutuskan untuk memotong subseksyen (2) supaya semua jenis kesalahan boleh dibicarakan dengan menggunakan keterangan secara langsung melalui video atau televisyen.

Walaupun Pendakwa Raya atau peguam tertentu boleh memohon untuk keterangan secara langsung melalui video atau televisyen diberikan oleh seorang saksi, namun kebenaran untuk mengemukakan keterangan tersebut adalah tertakluk kepada budi bicara mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 20 ialah fasal yang meminda seksyen 127A. Seksyen 127A adalah berhubung dengan liabiliti bagi kesalahan yang dilakukan di luar Malaysia atau '*extra territorial offences*'. Pindaan kepada subseksyen 127(1) bertujuan untuk meluaskan pemakaian seksyen 127A itu kepada kesalahan berkaitan dengan kesalahan keganasan di bawah Bab VI Kanun Keseksaan.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 25 ialah fasal yang meminda Seksyen 289. Di bawah Seksyen 289 seorang lelaki yang berusia lebih daripada 50 tahun tidak boleh dikenakan hukuman sebat jika disabitkan atas apa jua kesalahan. Banyak pihak telah memberi pandangan berhubung dengan hukuman sebat kepada penjenayah berumur lebih daripada 25 tahun untuk kesalahan seksual. Cadangan pindaan Seksyen 289 ini bertujuan membenarkan hukuman sebat dilaksanakan ke atas pesalah lelaki yang berumur 50 tahun atau lebih yang disabitkan bagi kesalahan di bawah Seksyen 376 – *rape*, 377C – *buggery with animal* atau 377E – *inciting a child to an act of gross indecency*, dengan izin.

Menurut pendapat ramai, faktor usia tidak seharusnya dijadikan alasan untuk mereka terlepas daripada hukuman sebat kerana kesalahan itu amatlah serius dan menjijikkan. Di sebalik pandangan yang menyokong pindaan tersebut, terdapat pula pandangan yang membantahnya. Antara alasan yang diberikan, bahawa hukuman sebat ke atas pesalah yang berusia lebih 50 tahun adalah membahayakan kerana faktor kesihatan pesalah itu perlu diambil kira.

Malah lebih baik menurut mereka, hukuman penjara yang lebih lama dikenakan kerana hukuman sebat itu tidak membawa kepada sebarang perubahan dan kesalahan tetap dilakukan oleh mereka walaupun undang-undang mengenai sebatan sudah lama diperkenalkan dalam kes-kes sedemikian.

Berdasarkan kepada semua pandangan yang diterima, jawatankuasa bersetuju untuk mengekalkan pindaan ini dan menambahkan Seksyen 377CA sebagai salah satu lagi kesalahan yang melibatkan hukuman sebat walaupun pesalah itu berumur lebih 50 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 25 ialah fasal yang meminda Seksyen 293. jawatankuasa mencadangkan supaya Perintah Khidmat Masyarakat diwujudkan sebagai suatu pilihan bagi pemulihan pesalah muda selain pemenjaraan. Pelaksanaan Perintah Khidmat Masyarakat yang dicadangkan adalah berdasarkan model dari negara Singapura.

Jawatankuasa telah mendengar maklum balas daripada Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Berdasarkan pandangan mereka, Perintah Khidmat Masyarakat boleh dikenakan ke atas pesalah muda yang berumur di antara 18 hingga 21 tahun.

Sehubungan itu, jawatankuasa mencadangkan supaya Perintah Khidmat Masyarakat diperkenalkan bagi semua jenis kesalahan bagi pesalah muda. Tempoh bagi Khidmat Masyarakat yang boleh dikenakan hendaklah tidak melebihi 240 jam pada keseluruhannya. Jawatankuasa juga memutuskan bahawa pelaksanaan Perintah Khidmat Masyarakat itu dipertanggungjawabkan kepada Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 29 merupakan fasal yang meminda Seksyen 295. Seksyen baru 295(1A) menghendaki mahkamah mengarahkan pesalah yang dihukum di bawah Seksyen 376, 377C atau 377E Kanun Keseksaan menjalani pengawasan polis bagi tempoh tidak kurang daripada satu tahun dan tidak melebihi tiga tahun selepas tamat menjalani hukuman penjara.

Seksyen 376 ialah, dengan izin, *rape*; 377C – *Committing carnal intercourse against the order of nature*; 377E – *Inciting a child to an act of gross indecency*. Jawatankuasa seterusnya memutuskan untuk menambah Seksyen 377CA bagi tujuan yang sama. 377CA ialah *Sexual connection by object*.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 30 merupakan fasal yang memperkenalkan seksyen baru 295A berhubung dengan kaunseling pemulihan. Banyak pihak telah menyuarakan tentang perlunya diperkenalkan kaunseling pemulihan kepada pesalah-pesalah seksual.

Setelah jawatankuasa mendengar representasi serta mengadakan perbincangan dengan Jabatan Penjara, jawatankuasa bersetuju untuk mengadakan suatu peruntukan yang khusus bagi membolehkan mahkamah membuat perintah kaunseling pemulihan sebagai tambahan kepada perintah di bawah subseksyen 295(1A).

Perintah ini hanya boleh dikenakan kepada pesalah yang dihukum di bawah Seksyen 376, 377C, 377CA atau 377E Kanun Keseksaan. Jawatankuasa juga memutuskan bahawa kaunseling pemulihan hendaklah dipertanggungjawabkan kepada Menteri yang bertanggungjawab bagi penjara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Perintah Khidmat Masyarakat dan kaunseling pemulihan merupakan konsep hukuman baru yang memberi penekanan kepada aspek khidmat masyarakat dan pemulihan.

Tuan Yang di-Pertua, demikianlah di antara pindaan yang telah dipertimbangkan dan dicadangkan oleh Jawatankuasa berhubung dengan Kanun Keseksaan dan Kanun Tatacara Jenayah. Sukacita dimaklumkan bahawa semua cadangan dan pindaan yang dikemukakan ini telah dipersetujui dengan sebulat suara oleh semua Ahli Jawatankuasa Pilihan Khas.

Tuan Yang di-Pertua, adalah diakui terdapat banyak isu dan maklum balas yang diterima daripada orang ramai. Jawatankuasa telah meneliti dan menimbang Laporan Suruhanjaya PDRM yang mengandungi 155 cadangan pembaikan. Perlu dinyatakan bahawa Jawatankuasa telah mempertimbangkan setiap isu dan maklum balas serta cadangan dalam Laporan Suruhanjaya PDRM secara mendalam.

Namun Jawatankuasa sedar akan bidang kuasanya dan telah memberi cadangan dan syor hanya terhadap perkara-perkara yang berada dalam bidang kuasa Jawatankuasa itu. Jawatankuasa juga sedar dan ingin menekankan bahawa pindaan susulan berterusan perlu dilakukan demi mengemaskinikan keberkesanan penguatkuasaan undang-undang yang sedia ada.

Jawatankuasa juga mencadangkan supaya pindaan susulan juga dilakukan kepada undang-undang penguatkuasaan yang lain supaya selaras dengan pindaan yang dicadangkan oleh Jawatankuasa.

Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya hasrat murni Jawatankuasa dalam proses penggubalan undang-undang ini adalah untuk memenuhi harapan rakyat yang inginkan ketelusan dan keberkesanan perundangan serta tuntutan cabaran penguatkuasaan yang dipikul oleh agensi-agensi yang terlibat. Jawatankuasa telah mengambil sikap yang terbuka dengan mengkaji sedalam-dalamnya pandangan dan maklum balas orang ramai.

Hasilnya beberapa perubahan yang ketara telah disyorkan kepada peruntukan-peruntukan Kanun Keseksaan dan Kanun Tatacara Jenayah. Penyertaan aktif semua lapisan masyarakat dan institusi-institusi yang berkaitan melambangkan kesuburan dan kematangan demokrasi berparlimen.

Jawatankuasa merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak-pihak yang terlibat kerana memberi sumbangan yang amat bererti dalam membantu Jawatankuasa dalam melaksanakan tugasnya, dan menyiapkan laporan ini iaitu pegawai-pegawai dan kakitangan Parlimen, Jabatan Peguam Negara, Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, kerajaan-kerajaan negeri dan dewan undangan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dan Polis Diraja Malaysia.

Jawatankuasa juga merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua orang ramai dan juga wakil-wakil daripada pelbagai pertubuhan dan jabatan kerajaan yang telah tampil ke hadapan menyuarakan pandangan serta cadangan-cadangan yang membina termasuklah mereka yang telah menghantar memorandum dan e-mail, mengirimi surat dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, sekian terima kasih. Saya mohon mencadangkan....

[Tepuk]

Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Zainal Abidin bin Zin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat sokong, ya?

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Sokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik. Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Kanun Keseksaan dan suatu Akta bagi meminda Kanun Tatacara Jenayah, dibacakan kali yang kedua sekarang dan Laporan Jawatankuasa Pilihan Khas Dewan Rakyat untuk mengkaji Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2004 dan Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2004 yang dibentangkan dalam Majlis ini sebagai Kertas Bilangan D.R 1 Tahun 2006 diperkenankan mengikut Peraturan Mesyuarat 60, terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima permintaan daripada Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor, nampaknya kurang sihat supaya beliau diberi keutamaan untuk berucap dan sebaliknya saya telah memohon kepada beliau supaya ucapan beliau boleh diselesaikan dalam tempoh masa satu jam. Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor, sila.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Satu jam dan tertib Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak apa Yang Berhormat. Yang Berhormat, sila.

12.45 tgh.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya memulakan ucapan saya dalam perbahasan, saya hendak memberi jaminan kepada semua Ahli Yang Berhormat, saya sihat.... [Tepuk]

Beberapa Ahli Pembangkang: [Tepuk] [Ketawa] Waras.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Walaupun begitu, saya berterima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang ini kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2004 dan Rang Undang-undang Tatacara Jenayah (Pindaan) 2004.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang perlu adalah ini. Dengan panjang lebar Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ada membentangkan kedua-dua rang undang-undang ini. Kenapa perlu mempertimbangkan sebagai *preliminary issue*, dengan izin, adalah dalam negara ini, adakah undang-undang Inggeris yang berkuat kuasa? Atau ekoran dengan apa yang dikatakan oleh pihak atasan iaitu Malaysia adalah negara Islam.

Tun Mahathir Mohamed ada Tuan Yang di-Pertua, apabila dia memerintah dengan terbuka ada menyatakan Malaysia ada suatu ..., bukan negara Islam sahaja tetapi satu *extremist* negara Islam. Kelmarin apabila saya bangkit perkara ini, Setiausaha dalam Jabatan Perdana Menteri ada menyatakan bahawa Malaysia adalah negara Islam. Ini mengelirukan saya dan juga banyak rakan-rakan saya dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, Mohamed Amin, Mohamed Razali yang dihukum mati dalam kes Al-Maunah ada mengarahkan saya untuk membuat suatu kes dalam mahkamah untuk dapat dengan tepatnya adakah negara ini negara Islam. Jika negara ini adalah negara Islam iaitu bermakna undang-undang Islam terpakai. Ketika itu dia dihukum di bawah undang-undang Inggeris. Itu bermakna, perintah yang telah dijatuhkan ke atas dia iaitu dia digantung sampai mati tidak sah.

Oleh kerana dalam Islam, dalam negara Islam, suatu perbicaraan harus diadakan bahawa Undang-undang *Hudud* atau *kisas* dan satu hukuman mati boleh dijatuhkan ke atas

seorang yang didapati bersalah selepas perbicaraan *hudud* itu adalah diselesaikan. Di negara-negara Islam khasnya di negara seperti *Saudi Arabia*, Iran, Iraq dan sebagainya, jika seorang bukan Islam pergi negara-negara ini dan melakukan kesalahan, perbicaraannya adalah di bawah undang-undang Islam dan untuk hukuman mati bukan gantung sampai mati tetapi pancung.

Saya baru dapat tahu daripada kementerian khasnya Ahli Yang Berhormat yang membentangkan rang undang-undang ini. Apa yang berkuat kuasa dalam negara ini, undang-undang Islam atau undang-undang Inggeris? Apa yang dibentangkan Tuan Yang di-Pertua adalah undang-undang Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua, Kanun Keseksaan adalah berkuat kuasa dalam negara ini semenjak tahun 1936 dan tidak ada apa-apa halangan daripada mana-mana pihak bahawa itu bukan adalah satu keadaan yang ada diterima.

Apa yang saya nyatakan tadi itu, Tuan Yang di-Pertua, itu menjadi satu *plenary issue*. Saya baru dapat tahu apabila tiba waktu Yang Berhormat Menteri memberi jawapan kepada perbahasan yang ada disuarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini. Tetapi saya pergi kepada perkara yang serius sekarang, Tuan Yang di-Pertua. Ini adalah mengenai seksyen 376 Kanun Keseksaan iaitu kesalahan rogol.

Di negara India semenjak tahun 1860, Kanun Keseksaan yang ada berkuat kuasa dalam negara itu mengadakan satu *exception* dan *exception* itu adalah seperti mana *exception* dalam Kanun Keseksaan kita, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, khasnya *exception* itu adalah dalam seksyen 375 dan bukan dalam 376.

Saya tidak mahu didapati bersalah, Tuan Yang di-Pertua, bahawa peraturan-peraturan Dewan ini iaitu Peraturan 36(12). Oleh itu saya membetulkan apa yang saya nyatakan tadi kerana ada banyak musuh dalam Dewan yang mulia ini daripada Barisan Nasional yang menunggu untuk merujuk saya kepada Jawatankuasa Hak dan Keistimewaan. Tetapi Tuan Yang di-Pertua, apa yang ada, isi kandungan 36(12), apa yang ada dalam pindaan itu, Tuan Yang di-Pertua, adalah jika seseorang "mengelirukan", bukan "memesongkan", dia boleh dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan.

Dalam Bahasa Inggeris, 36(12) berbunyi, dengan izin, "*Any member who imputes statements that mislead the House is deemed to be in contempt of the House and the member maybe referred to the Committee of Privileges for the offence.*" Tuan Yang di-Pertua, kesalahan itu dalam peraturan ini adalah jika seseorang *mislead*. Tafsiran *mislead* yang diberi dalam Bahasa Malaysia bukan mengelirukan tetapi memesongkan. So ada satu kesilapan yang serius dalam Peraturan 36(12). Bolehkah saya dapat daripada Tuan Yang di-Pertua sekarang?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Bolehkah saya dapat tahu apa yang berkuat kuasa iaitu 36(12) seperti mana ada dalam peraturan sekarang selepas pindaan iaitu perkataan mengelirukan ada digunakan dan mengelirukan dalam Bahasa Inggeris adalah *confuse the House*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Memesongkan.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Memesongkan. Bolehkah saya dapat tahu sekarang apa yang berkuat kuasa, Tuan Yang di-Pertua dan adakah Tuan Yang di-Pertua ada hak untuk membetulkan perkara itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya akan cari rujukan untuk memastikan ini adalah perkataan yang tepat.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Yalah, tetapi saya mahu dapat tahu, Tuan Yang di-Pertua, kerana jika saya didapati bersalah oleh Jawatankuasa Hak dan Kebebasan ini dahulu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat akan diberitahu nanti selepas ini.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Saya hendak tahu satu perkara yang mudah iaitu apa yang saya menyatakan adalah apabila pergi untuk *take the oath of office* ada diwajibkan untuk mengangkat tangan dan saya dibuang dari Dewan ini untuk enam bulan. Tetapi itulah satu perkara yang serius yang harus Tuan Yang di-Pertua meneliti dengan mendalam. Tuan Yang di-Pertua ada menyatakan tadi apa yang betul adalah memesongkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tadi saya telah maklumkan Yang Berhormat akan dimaklumkan selepas tengah hari ini sebelah petang.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya kembali kepada *exception* yang ada dikekalkan dalam undang-undang kita dalam seksyen ini yang berbunyi dalam Bahasa Inggeris, "*sexual intercourse by a man with his own wife by marriage which is valid under the law for the time being in forced or its recognized in the federation as valid is not rape.*"

Tuan Yang di-Pertua, beberapa NGO ada memberi pandangannya iaitu *exception* ini harus dibatalkan. Nampaknya sebab yang diberi untuk mengekalkan *exception* dalam undang-undang ini iaitu seksyen 375 adalah kerana jika *exception* ini dibatalkan, dilarang dengan undang-undang syariah dan *other religions*, dengan izin. Adakah ini dilarang dengan undang-undang syariah? Adakah sesuatu dalam Quran yang membolehkan seorang beragama Islam untuk rogol isterinya? Dalam fikiran saya, tidak ada kerana Quran adalah satu....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa cukup. Boleh Yang Berhormat sambung pada petang ini?

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Baik, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan Dewan yang mulia ini sehingga pukul 2.30 petang ini.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan bersidang semula. Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor sila sambung ucapan.

2.33 ptg.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya ada di peringkat di mana saya ada menyebut dengan izin *exception* kepada seksyen 375, Kanun Keseksaan. Seksyen 375 memperuntukkan keadaan-keadaan di mana ada unsur-unsur untuk satu kes rogol dibuktikan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Al-Quran, saya ada mengatakan tadi. tidak adakah apa-apa peruntukan di mana seorang suami boleh memukul, ugut isteri untuk mengadakan hubungan sulit dengannya? Sebab yang diberi oleh Jawatankuasa *Select Committee* ini adalah *exceptioning* ini tidak boleh dimansuhkan kerana ditentang dengan syariat dan agama-agama lain.

Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya tahu daripada rakan saya Yang Berhormat dari Barisan Nasional, walaupun tidak berapa ramai dalam Dewan sekarang, adakah peruntukan, peruntukan dalam Al-Quran? Barangkali Yang Berhormat bagi Kota Bharu boleh memberi penjelasan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat tidak payahlah Yang Berhormat. Nanti Menteri boleh beri jawapan.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Bolehkah itu dianggap sebagai..., tidakkah ada apa-apa peruntukan dalam Al-Quran yang membolehkan seorang suami untuk memukul dan mengugut isterinya untuk mengadakan hubungan sulit dengannya. Dalam Bible Kristian pun tidak ada apa-apa peruntukan. Tidak ada peruntukan oleh kerana tidak boleh ada peruntukan seperti itu. Dalam Bible Orang Sikh, Sri Guru Granth Sahib tidak ada apa-apa peruntukan seperti itu dan tidak ada dalam mana-mana agama wujud satu syarat seperti itu?

Tuan Yang di-Pertua, kami dalam DAP menyokong, menyokong NGO, menyokong dengan sepenuhnya NGOs yang mengadakan dan mencadangkan kepada *Select Committee* ini untuk memansuhkan *exception* ini dalam Seksyen 375. Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada seksyen yang lain iaitu seksyen 375(f)... *[Menunggu Yang Berhormat bagi Bagan menyerahkan dokumen untuk dibaca]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, teruskan Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tadi Yang Berhormat bagi Gelugor kata, dia sihat Tuan Yang di-Pertua, sekarang dia perlu bantuan....

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: *Free* lah!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak Yang Berhormat itu bantuan, dia bukan cakap dia sihat atau tidak sihat....

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Jangan kacaulah, dia kacau tentu ada Masalah. Saya sekarang beralih kepada seksyen 375(f)....*[Berbincang dengan Yang Berhormat bagi Bagan]* Dan ini dia ada seksyen baru Tuan Yang di-Pertua, subseksyen baru kepada seksyen 375,....

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: *Next page*

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: ...Yang berbunyi, "*When the concern is obtain by using the position of the authority over her or because of the professional relationship or the relationship of trust in relation to her*" Ini ada disokong oleh beberapa NGO dan ini sangat dialu-alukan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berada di sini sebagai wakil kepada barang kali lebih daripada 12,000 peguam-peguam dalam negara ini....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, di sini Wakil Rakyat. Yang Berhormat Ahli Parlimen bagi Bukit Gelugor.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Lain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, saya adalah seorang peguam dan kerana seksyen ini Tuan Yang di-Pertua adalah seksyen yang boleh di *abused*. Wajarlah untuk kami meneliti dengan baik, adakah seksyen ini satu seksyen yang membolehkan seseorang wanita untuk di *blackmail*, sesiapa yang ada dalam *position of authority or professional relationship or other relationship of trust*. Majlis Peguam Tuan Yang di-Pertua, khasnya Dato' V.Sindabaram yang menjadi Doktor baru-baru ini, dia menjadi Pengerusi kepada Jawatankuasa Jenayah, kes-kes jenayah. Dia ada menyatakan dalam surat khabar iaitu, dengan izin, "*An innocent man maybe accused of threat*". Apa yang dia nyatakan oleh dia Tuan Yang di-Pertua, berasas kerana dalam kes seperti ini apa yang ada, adalah dua orang.

Seorang yang dikatakan ada dirogol, rogol dengan kerelaan. Dan apa yang kerelaan itu Tuan Yang di-Pertua dengan izin adalah *the position of the relationship, the abused of it*. Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya menyatakan tadi jika seksyen ini ada ditujukan kepada bomoh-bomoh dan dengan izin medium. Barangkali subseksyen ini boleh diterima.

Lebih baik, lebih baik jika subseksyen ini boleh dipinda dengan perkataan-perkataan lain dan terpulanglah kepada Yang Berhormat Menteri untuk mempertimbangkan apa yang saya menyatakan tadi. *Abuse of this section is ada in heal*. Tuan Yang di-Pertua,

dalam kes Datuk Seri Anwar Ibrahim, Azizan Abu Bakar dia ada membuat tuduhan bahawa dia ada diliwat oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Apa yang dikatakan Tuan Yang di-Pertua, orang yang menyokong subseksyen ini adalah ini, seorang wanita tidak akan membuat tuduhan ke atas sesiapa kerana nama dia pun terjejas. Tetapi ada wanita-wanita yang boleh membuat tuduhan-tuduhan seperti itu. Azizan Abu Bakar membuat tuduhan itu walaupun Tuan Yang di-Pertua, nama dia terjejas. Tetapi nampaknya selepas kes Anwar Ibrahim, dahulu dia jadi *driver* kepada Datuk Seri Anwar Ibrahim, pemandu.

Sekarang dia jadi Tuan Yang di-Pertua, *director* dalam beberapa syarikat. Dia bukan pemandu sekarang, dia duduk belakang kereta mewah, dia 'dimemandukan'. So, ini adalah Tuan Yang di-Pertua, satu seksyen yang harus dipertimbangkan semula oleh kerajaan untuk menentukan *there is no abuse of this section*. Dan jika kerajaan akan meneruskan dengan apa yang ada dalam subseksyen (f) Tuan Yang di-Pertua, lebih baik mengadakan satu perbicaraan dengan juri.

Dan dalam kes seperti ini adalah *the word of the victim or alleged victim and the word of the* dengan izin, *perpetrator*. Siapa harus dipercayai di antara dua ini. Dalam negara kita Tuan Yang di-Pertua, seorang hakim sendiri mengendalikan satu kes di mana dia diwajibkan untuk menulis apa yang dikatakan oleh saksi-saksi. Jadi tidak ada peluang untuk di *access* dengan izin *the credibility*, saksi-saksi 'Deemena'. Dan dalam kes seperti 'Deemena' ini adalah satu unsur yang utama Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini, Peguam Negara ada mencadangkan bahawa lebih baik untuk kembalikan juri dalam tahun 1995, Kanun Acara Jenayah ada dipinda dengan peruntukan-peruntukan juri dan *preliminary inquiry* dimansuhkan. Dan adakah Tuan Yang di-Pertua, kerajaan mempertimbangkan cadangan itu? Seorang Peguam Negara Tuan Yang di-Pertua, adalah penasihat kepada kerajaan. Tetapi jika pandangan dia adalah seperti mana saya sebutkan tadi, tidakkah wajib kerajaan untuk mempertimbangkan cadangan itu?

Cadangan itu Tuan Yang di-Pertua, dalam pandangan saya tidak ada dipertimbangkan. Kerana apabila ada perbahasan mengenai *the Legal Profession Act* dengan izin, Menteri Yang Berhormat bagi Padang Rengas ada menyatakan kerajaan tidak akan menimbang untuk juri perbicaraan *trial by* juri dikembalikan. Ini satu perkara yang serius kerana jika Tuan Yang di-Pertua semenjak 1807, kes pertama perbicaraan dengan juri diadakan dalam Pulau Pinang dalam tahun itu 1807. Dan sehingga 1995 dengan izin, dan tidak ada apa-apa. Tidak ada apa-apa yang harus diambil kira untuk memansuhkan juri. Kerajaan ada memberi sebab-sebab dan sebab-sebab itu tidak berasas. Sebab-sebab itu adalah ini Tuan Yang di-Pertua, satu perbicaraan dengan juri *is cumbersome. He delay his trials and there is a likelihood of corruptions among the juries*.

Hendak bagi *corruption* Tuan Yang di-Pertua, mengenai rasuah. Dan semenjak 1807 sehingga 1995, tidak ada satu kes di mana, di mana seorang ahli juri ada didakwa dalam mahkamah mengenai kes rasuah apabila dia jadi ahli panel juri. Itu menunjukkan Tuan Yang di-Pertua, perbicaraan dengan juri adalah baik. Lebih baik dengan perbicaraan oleh seorang hakim sendiri. Sukar untuk beri rasuah kepada tujuh orang, lebih mudah untuk memberi rasuah kepada seorang iaitu seorang hakim.

Dan itu Tuan Yang di-Pertua, boleh jadi. Kerana dalam negara ini, jika dibandingkan dengan negara Singapura, gaji hakim-hakim dalam negara ini rendah. Dan Singapura Tuan Yang di-Pertua, Ketua Hakim Singapura mendapat RM1 juta, bukan sebulan. RM1 juta dalam satu tahun.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ini Malaysia, bukan Singapura Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Singapura, di Singapura. Di sini saya ingat tidak lebih daripada setengah juta. So, ada apa yang dikatakan Tuan Yang di-Pertua *the risk of* dengan izin *judges being pride*. Dan beberapa hakim-hakim Tuan Yang di-Pertua, yang ada bukan satu isteri tetapi lebih daripada itu. Dan jika seorang hakim ada dua, itu sudah berbahaya. Jika ada tiga atau empat lagi teruk.

Dan itu boleh jadi. Kerana ada hakim-hakim yang saya mengetahui ada dua isteri. *Problem* adalah ini. Bolehkah seseorang yang ada tiga isteri atau empat isteri, dengan gaji yang rendah tidak boleh *fall to the temptation of corruption*. Tetapi apa yang Tuan Yang di-Pertua,... [Disampuk] Apa ini, apa ganggu kerana apa?... [Ketawa] Dalam negara ini, apa yang saya ..., Tuan Yang di-Pertua mengetahui, seorang Islam boleh mengadakan empat isteri. Adakah itu satu perbuatan yang baik? Bukan seperti mana dalam zaman Nabi Muhammad. Apa yang dia mengarahkan adalah untuk menolong balu-balu. Tetapi sekarang dalam negara ini Tuan Yang di-Pertua, orang-orang atasan bukan buat seperti itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sekarang saya atas juga Yang Berhormat, tetapi baru satu.... [Ketawa]

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: *What he said?* [Disampuk] Ya, itu baik, itu baik. Satu teladan yang baik, tapi ada dalam Dewan ini yang ada dua isteri, yang ada diakui oleh Sri Gading. Dia ada dua. Lebih baik Tuan Yang di-Pertua, mengadakan satu undang-undang seperti *The Law Reform Act*. Untuk wajibkan seorang Islam pun mengadakan satu isteri sahaja. Apakah bantahan ke atas itu? Orang-orang yang bukan Islam Tuan Yang di-Pertua, sebelum *The Law Reform Act*, dalam tahun 1982.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, sekarang kita bincang Kanun Keseksaan, bukan bincang berapa isteri?

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Ya. Apabila akta itu diluluskan seorang Cina atau India diwajibkan untuk ada seorang isteri sahaja. Lebih daripada itu, dia boleh didakwa di mahkamah. Sebelum undang-undang itu, seorang Cina atau India boleh ada lebih daripada empat. Kira-kira, tetapi apa bantahan oleh orang-orang Islam untuk bantah apa yang saya cadangkan tadi? Tetapi itu Tuan Yang di-Pertua, adalah satu aspek yang berkaitan dengan apa yang ada di hadapan kami dalam perbahasan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pembuktian dalam mahkamah setakat kes pendakwa. Sebelum tahun 1957, keadaan adalah seperti ini dan rakan saya, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, dia peguam. Peguam yang terkenal di masa itu. Dia mengetahui undang-undang adalah, *prima facie* adalah satu kes yang harus membuktikan *beyond reasonable doubt* dan dalam tahun 1997, keadaan berubah. Kes Khoo Hi Chiang, saya rujuk kepada Tuan Yang di-Pertua, kes Khoo Hi Chiang. Dalam kes itu, apa yang diputuskan adalah diputuskan oleh lima hakim. Sebulat suara memutuskan bahawa di peringkat kes pendakwaan, apa yang harus dibuat oleh seorang hakim atau majistret atau Hakim Mahkamah Sesyen, adalah untuk *apply the maximum evaluation test*. Bukan apa yang wujud sebelum itu Tuan Yang di-Pertua, iaitu apa yang diputuskan dalam kes 'Wong Hong Toy'. Dalam kes itu, apa yang harus diadakan adalah satu kes yang ada mempertimbangkan dengan *the minimum evaluation test*. Kes, 'Wong Hong Toy' Tuan Yang di-Pertua, adalah satu kes yang telah diputuskan oleh Majlis Privy dan kes itu adalah dari Singapura, dan di negara Britain Tuan Yang di-Pertua, adalah bagi kes-kes di mana ada hukuman berat. Apa yang diadakan adalah *trial by jury*. Selepas 'Wong Hong Toy' ada diputuskan di Majlis Privy Tuan Yang di-Pertua, dalam negara kita, kes Ragunathan, mengikut apa yang ada dalam kes 'Wong Hong Toy' bagi *the standard approve*.

Dan baru-baru ini Tuan Yang di-Pertua, dalam kes Looi Kow Chai dan kes Balachandran lawan pendakwaraya, apa yang diputuskan adalah dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, adalah diikuti dalam apa yang dicadangkan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, jika kami meneliti apa yang dicadang, bagi pindaan kepada Seksyen 173(f) dan 180 adalah ini:

"For the purpose of this section of prima facie case is made out against the accused where the prosecution has adduced credible evidence proving each ingredient of the offence which if unrebutted or unexplained would warrant a conviction."

Tuan Yang di-Pertua, saya ada meneliti kes Balachandran dan Looi Kow Chai. Tidakkah ada mana-mana dalam kes itu, di mana ada diputuskan seperti mana ada dalam apa yang dicadangkan Tuan Yang di-Pertua? Jika kami meneliti apa yang ada dalam apa yang dicadangkan, saya baca sekali lagi Tuan Yang di-Pertua.

“For the purpose of this section of prima facie case is made out against the accused where the prosecution has adduced credible evidence proving each ingredient of the offence which if unrebutted or unexplained would warrant a conviction.”

Perkataan-perkataan yang penting adalah ini, *“has adduced credible evidence”, “proving each ingredient of the offence”*.

Clause yang kedua, di sana. *“Adduced credible evidence”* Dengan izin, *measured* dengan izin, *by what standard? Prove of each ingredient of the offence by what standard,* Tuan Yang di-Pertua?

Boleh saya bercakap dalam bahasa Inggeris? *It is an important for us to know what the minister has in mind, what Parliament would have in mind because Parliament is going to pass this law. When (h) - the prosecution set to has adduced enough of credible evidence proving each in the offence. The (h) to be a standard by which credible evidence and the proven of each ingredients of the offence is to be measured. Now is it to be measured by....*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, bagi kod sahaja Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada pilihan lain kerana ini teknikal kerana pindaan semua ini adalah dalam bahasa Inggeris, tidak ada dalam bahasa Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, dalam peruntukan Peraturan-peraturan Mesyuarat di mana Tuan Yang di-Pertua boleh mengizinkan saya....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, teruskan Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]:Bercakap dalam bahasa Inggeris. *So, I want to know now, what is the standard of prove?*

Tuan Yang di-Pertua, apabila Khoo Hee Chiang ada memutuskan *in 1993 in fact Khoo Hee Chiang on 24th December, a five men bench made it very clear that he has to be, in maximum evaluations of the evidence given by each of the prosecution witnesses before the case is made out another proved beyond reasonable doubt. The prosecutions Tuan Yang di-Pertua, was not satisfied with five men. They wanted a seven men bench and this decision was given in Arulpragasam. Arulpragasam was a Public Prosecutor. A seven men bench which infect endorsed Khoo Hee Chiang and five men bench, although of course with a....*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Itu bukan pindaan Yang Berhormat. Itu....

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]:Majority. A 43 majority. Tidak ada jalan lain kerana ini dalam bahasa Inggeris. *Then government* selepas Arulpragasam Tuan Yang di-Pertua, membawa dalam Dewan ini pindaan kepada seksyen 173 dan 180. Masa itu apa yang diperuntukkan adalah untuk mengadakan *prima facie* kes. Dan selepas itu Tuan Yang di-Pertua, apabila hakim-hakim memutuskan itu juga menjadi satu kes *beyond reasonable doubt* kerana dalam negara ini Tuan Yang di-Pertua ada tiga pilihan kepada seorang yang ada didakwa iaitu apabila pembela dipanggil, dia ada hak untuk memberi keterangan bersumpah dari kandang atau keterangan yang tidak bersumpah daripada tempat di mana dia ada, *from the dock* dan ini penting Tuan Yang di-Pertua, *he has right to remain silent*. Dia boleh senyap.

Tidak banyak bercakap apa-apa dan Tuan Yang di-Pertua dengan apa yang ada sekarang ini, apa yang harus diteliti adalah beban ke atas pendakwaan untuk mengadakan satu kes *beyond reasonable doubt at the end of the case even for the defence*. Dan jika ada satu *prima facie* kes terhadap seorang yang dituduh memilih untuk mendinginkan diri, bolehkah seorang itu disabitkan, jika dia disabitkan ke atas satu kes *prima facie* sahaja? Tetapi itu bukan mencukupi kerana beban atas pendakwaan adalah untuk *to prove, it isn't a case beyond reasonable doubt at the end of this case of the prosecution itself*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Panjang lagi Yang Berhormat? Panjang lagikah? Minta gulung Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Gulung?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Ada banyak Tuan Yang di-Pertua yang saya akan bangkitkan kerana Tuan Yang di-Pertua, apa yang ada diperuntukkan dalam pindaan-pindaan yang dicadangkan adalah yang ada implikasi yang serius. Dan bagi Tuan Yang di-Pertua apa yang dicadangkan untuk mengadakan *supervision* ke atas orang yang disabit bawah satu tuduhan rogol dan apa yang dikatakan *rehabilitative* kaunseling dan lebih baik untuk mengadakan satu sistem di mana seorang boleh dilepaskan. Barangkali jika ada dihukum untuk dipenjarakan untuk sepuluh tahun. Selepas lima tahun mengadakan apa yang dikatakan satu perintah *parole* dan sistem ini ada mengadakan Tuan Yang di-Pertua dalam negara-negara lain dalam komander.

Dalam negara kita Tuan Yang di-Pertua ada lebih kurang 32,000 banduan dalam penjara. Dan kesesakan dalam penjara-penjara itu Tuan Yang di-Pertua boleh membawa penyakit-penyakit seperti HIV dan sebagainya. Penjara yang besar yang ada adalah di Kajang, Sungai Buloh dan Pulau Pinang. Tetapi bilangan yang ada dalam penjara-penjara ini lebih daripada kemudahan yang ada dalam penjara-penjara ini Tuan Yang di-Pertua.

Saya beralih Tuan Yang di-Pertua selepas ini kepada satu seksyen yang lain iaitu seksyen 498 dan 498 adalah mengenai *enticing a married woman*. Baru-baru ini di Johor baru Tuan Yang di-Pertua seorang ADUN MCA negeri Johor apa yang saya nampak dia melakukan satu kesalahan bawah seksyen itu. Isteri orang lain dia bawa ke bilik dia dan apabila suaminya datang ke tempat itu dia jadi *cowboy*.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Mengeluarkan pistolnya, mengacukan pistolnya ke arah suami perempuan itu. Ini adalah kelakuan Ahli-ahli MCA. Apa yang ditunjukkan oleh ADUN ini namanya adalah Low Hiang Tek yang disebut dalam surat khabar. Keahliannya telah dibekukan tetapi apa yang ditunjukkan satu sikap dari dia jika apa yang ada dalam surat khabar itu benar. Itu adalah satu sikap tidak baik. Tuan Yang di-Pertua, ada di antara NGO ada mencadangkan seksyen 498 ini dimansuhkan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tahun 2001 khasnya pada 28 September 2001, apa yang berkuat kuasa adalah satu pindaan kepada Artikel 8 Perlembagaan. Artikel 8 Tuan Yang di-Pertua, *clause* yang pertama berbunyi, "*all person are equal before the law and entitled to the equal protection of the law*". Tetapi pindaan adalah di bawa ke Dewan Rakyat dan pindaan itu adalah untuk menentukan tidak ada *gender discrimination*. Dan boleh dikatakan jika Tuan Yang di-Pertua ada melihat seksyen ini, "*it is discriminatory, it demeans women*". Tetapi *on the other hand* undang-undang seperti itu adalah baik untuk kepentingan suami isteri dan keluarganya. Dalam ingatan saya Tuan Yang di-Pertua, seksyen itu harus dikekalkan dalam undang-undang yang ada sekarang.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bukit Mertajam bangun Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Ya.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor. Kalau ia untuk kebaikan untuk melindungi kaum wanita, mungkin untuk mencapai kesaksamaan. Mungkin kita cadangkan supaya meminda seksyen itu untuk memasukkan juga *married man* ataupun *married person* supaya dia tidak *discriminatory*. Apakah pandangan Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor?

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Apa yang saya cakap tak akan saya tarik jika *from one angle of course it is discriminatory*. Tetapi walaupun dari segi kualiti dengan izin, *of a gender, what we have to accept* dengan izin adalah *a women for example cannot be a lumberjack*. So adakah Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang di mana baiklah untuk

kaum wanita menerima, harus mengadakan undang-undang seperti yang ada dalam seksyen 498.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri ucapan saya, saya merayu kepada kerajaan untuk menentukan apa yang di bawa dalam Dewan ini adalah bagi kepentingan rakyat. Dan tidak boleh dikatakan *Select Committee* ini ada membuat satu kerja yang baik kerana Jawatankuasa ini ada mendapat pandangan-pandangan orang ramai dan selepas itu sahaja Rang Undang-undang ini, walaupun Rang Undang-undang ini harus dibentangkan dalam tahun 2004. Tetapi ada aspek di mana Jawatankuasa ini barangkali tidak memberi perhatian yang mencukupi.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya ada berbangkit mengenai Perkara 36(12) dalam Peraturan-peraturan Mesyuarat. Di mana perkataan dikelirukan ada digunakan, seseorang dalam Dewan ini jika dia mengelirukan Dewan, dia boleh dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan. Dalam versi bahasa Inggeris, perkataan yang digunakan adalah "*where a member of the Dewan misleads the House, he can be referred to the Committee of Privileges*". Dan tadi Tuan Yang di-Pertua, Yang terhormat bagi Kulai ada memutuskan bahawa dia selepas makan tengah hari akan membuat satu pembedahan.

Bolehkah saya dapat tahu, adakah Tuan Yang di-Pertua bercadang untuk membuat pembedahan kepada apa yang di dalam Peraturan 36(12)? Adakah perkataan yang harus digunakan, mengelirukan atau memesongkan kerana ini adalah satu peraturan yang boleh ada, dengan izin, *for reaching consequences* kerana saya ada di rujuk kepada Jawatankuasa ini di mana Tuan Yang di-Pertua sendiri ada mempengerusikan Jawatankuasa itu. Lebih baik kami dapat tahu apa yang tepat.

Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kota Bharu.

3.16 ptg.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Kanun Keseksaan dan Kanun Tatacara Jenayah.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri. Setahun setengah ataupun dua tahun saya jadi Wakil Rakyat, inilah pertama kali saya melihat satu pembentangan rang undang-undang yang menyeluruh, yang mengambil kira pendapat ramai, yang mengambil kira dan memberi pertimbangan kepada khidmat saya, kepada masyarakat Malaysia keseluruhannya. Dan inilah sepatutnya menjadi sesuatu yang lazim kerana cara yang terbaik kita menggubal undang-undang ialah bukan dengan cara kita diberikan *bill* biru tanpa kita mengetahui rasional dan sebabnya.

Hari ini kita dengar Yang Berhormat Menteri memberi penjelasan dan mungkin ada satu dua perkara yang mungkin kita juga tidak bersetuju, mungkin juga kita ada kebimbangan. Tetapi kerja yang dibuat oleh kerajaan dan Jawatankuasa ini mestilah kita sanjung dan kita sokong. Saya sebagai, walaupun saya pengamal undang-undang tetapi saya tidaklah pengamal undang-undang jenayah seperti Yang Berhormat Menteri semasa dia jauh sikit daripada politik pada satu masa dahulu. Dan sebagai seorang pengamal *Criminal Law*, seperti jugalah Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor, beliau sememangnya mengetahui permasalahan orang ramai, permasalahan polis sendiri dalam penyiasatan. Tetapi undang-undang kita khususnya Tatacara Jenayah, *Criminal Procedure Code* tidak kita pinda. Kalau pun kita pinda, tidak menyeluruh seperti hari ini.

Jadi saya sekali lagi merasa bangga dengan perkara yang berlaku ini. Dan saya hanya ada tiga perkara yang saya ingin sebut Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua yang sedikit sebanyak memberi kebimbangan kepada saya. Satunya mengenai takrif rogol tadi, saya merasakan walaupun kita tidak memasukkan ataupun kita tidak, orang yang berkahwin, kita tidak menganggapnya sebagai satu paksaan dan rogol. Saya mengharapkan kerajaan memikirkan perkara ini kerana kajian telah dibuat, bahawa ramai

suami di mana perkahwinan mereka tidak lagi secocok, tidak lagi seperti dahulu, menyalahgunakan kuasanya sebagai suami. Ini laporan-laporan daripada NGO.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Hulu Langat.

Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Kota Bharu.

Saya sedang mendengar sanjungan yang diberikan oleh Yang Berhormat bagi Kota Bharu terhadap Jawatankuasa ini yang saya pun bersetuju telah menjalankan kerja yang begitu baik untuk membuat pindaan yang begitu komprehensif yang menyeluruh terhadap dua akta induk ini, Kanun Keseksaan dan Kanun Tatacara Jenayah. Tetapi, pengamal undang-undang Yang Berhormat bagi Kota Bharu, adakah dua pindaan ini sahaja memadai untuk memastikan bahawa kesalahan-kesalahan yang ditakrifkan yang ingin diperketat hukuman, yang ingin ditingkatkan dan segala pandangan daripada seluruh masyarakat itu diambil kira, tanpa sedikit sebanyak melihat apakah pindaan-pindaan yang perlu kepada Akta Keterangan yang juga adalah merupakan sebahagian besar daripada peraturan yang mesti diambil kira dalam setiap kali perbicaraan terutama sekali dalam perbicaraan jenayah.

Ini kerana jika kita meminda sebahagian dan meninggalkan sebahagian yang lain, ada kemungkinan dari segi pembuktian, dari segi keterangan terutama sekali keterangan kanak-kanak dalam kes pencabulan terhadap kanak-kanak perlu mendapat perhatian daripada jawatankuasa ini. Apa pandangan Yang Berhormat sebagai seorang pengamal undang-undang?

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]: Saya percaya pihak Menteri dan pihak kerajaan akan membuat pindaan-pindaan yang diperlukan. Seperti saya katakan tadi, saya tidaklah sebagai pengamal undang-undang jenayah, jadi saya bukanlah pakar dalam bidang itu, tetapi saya percaya *consequential amendment* sama ada dalam Akta Keterangan dan sebagainya akan juga dipinda.

Saya ingin meneruskan mengenai hujah saya mengenai soal *consent rape* tadi. Saya merasakan kerajaan harus menimbang semula kes-kes yang melibatkan suami isteri. Saya tahu ada orang mengatakan kerana ajaran agama dan sebagainya ataupun sebab-sebab tertentu, kita tidak boleh jadikan ataupun menerima *the concept of marital rape*.

Saya percaya dalam agama, semua agama termasuklah agama Islam sendiri, kita perlu menjaga, menghormati isteri kita dengan baik. Saya terbaca apa yang ditulis oleh Abu Hurairah dengan di mana Rasulullah S.A.W memberi ingatan bahawa yang terbaik di antara kita ialah orang yang menjaga dan menghormati isteri. Jadi saya tidak nampak mengapa konsep isteri sebagai *property* atau *chattel* masih kita kekalkan. Bukannya salah kita, tetapi sejarah membuktikan bahawa sejarah perundangan Inggeris sendiri menganggapkan isteri itu sebagai *chattel*, benda. Sebab itu apabila dia berkahwin dengan suaminya itu hak suami, nama suami.

Ini zaman Jahiliah pun begitu jugalah saya percaya. Apabila kahwin maka hak dia. Tetapi, kita sudah berubah, masa sudah berubah dan masyarakat harus berubah dan saya menyeru kerajaan memikirkan perkara ini. *Domestic violence*, sebagai satu ciri atau perkara yang perlu dipertimbangkan. Saya tahu dalam akta, *Penal Code* ada peruntukan mengenai *causing hurt* dengan izin. Tetapi, saya rasa ini tidak memadai untuk mengambil kira, permasalahan isteri yang didera yang dianiayai. Jadi saya harap kerajaan ataupun *Select Committee* yang tadi Menteri berjanji, jika ada perubahan-perubahan lain...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat....

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]: ... Kita akan...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Mohon penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Jerai, hendak bagi jalan, Yang Berhormat?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya bukan pengamal undang-undang, tetapi saya pengamal Wakil Rakyat.

Saya hendak tanya sedikitlah, saya tidak berapa faham, saya duduk kaji dalam ini, bagus. *Committee* ini buat cukup bagus, elok. Tetapi, saya hendak tanya sedikit, katalah isteri berlaku curang kepada suami, suami hendak isteri tidak mahu bagi. Kemudian suami naik *hot*, dalam *hot* itu mungkin dia tampar ke apa, kemudian isteri pergi *report*. Kerana itu dia akan kena lima tahun. Dia minta, isteri tidak bagi, jadi macam mana cara dia...[*Disampuk*].

Yelah, minta itu..., saya malulah hendak habaq minta benda itu, dia minta itu tidak boleh. Kerana mungkin isteri sudah ada *lover* dan sebagainya. Jadi macam mana kita hendak mempertimbangkan. Kadang-kadang suami naik angin dan sebagainya. Jadi yang ini pun kadang-kadang sebab musabab Tuan Yang di-Pertua. Dia manusia, ini lumrah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Faham Yang Berhormat. Saya ingat Yang Berhormat bagi Kota Bharu faham maksud Yang Berhormat. Cukup Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kota Bharu ini dia *thinker*, jadi dia pula bukan bahagian jenayah, dia bahagian cop sains, S&P....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Dia *sale* dan *purchase*...[*Ketawa*]

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]: Tuan Yang di-Pertua, Saya agak sukar hendak menjawab soalan.... [*Ketawa*] Tetapi, pandangan saya kalau suami minta dia tidak bagi itu, tunggulah, sabarlah. Janganlah pukul dia terus...[*Ketawa*] Sabarlah dahulu, pujuk-pujuk dia, bawa dia pergi Kuala Lumpur Mall, beli *handbag*...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Apabila tengah karan ini dia bukan boleh sabar...[*Ketawa*]

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]: Terima kasih. Jadi soal ini Tuan Yang di-Pertua, saya harap kerajaan memberi timbangan, *domestic violence* dan juga mengenai *marital rape*. Walaupun dalam keadaan sekarang mungkin tidak mengizinkan, saya menyeru kerajaan mengambil kira perkara-perkara ini.

Perkara kedua yang saya ingin menyentuh ialah soal *rape* yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor tadi, saya juga bersetuju mengenai takrif 375 yang dimaksudkan dan itu dengan izin, "*Consent obtained by using his position of authority over her or because of professional relationship or other relationship of trust in relation to her*" Saya faham maksudnya dengan erti kata, kita ingin supaya tidak orang-orang yang menggunakan kedudukan bomoh kah, ataupun bosnya kah menggunakan kedudukan dan melakukan *rape*.

Tetapi, pada saya Tuan Yang di-Pertua, takrif atau definisi yang ada sekarang ini begitu longgar sekali. Saya bimbang kalaulah isteri ataupun wanita boleh dianiayai dan dianiayai, lelaki juga boleh dianiayai dengan tuduhan-tuduhan tertentu. Saya percaya kita boleh kemaskan takrif ini ataupun *definition* ini. Saya percaya Yang Berhormat Menteri juga menerima cadangan-cadangan...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih, saya teringat kes dera ini. Kes dera ini memang kita selalu baca dalam akhbar, kebanyakan suami mendera isteri. Tetapi, apabila isteri mendera suami, tidak keluar surat khabar pasal suami itu malu pada orang. Makna dia kena dera oleh isteri. Tetapi, berlaku pula ini...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat bagi Seputeh, tidak kahwin lagi mana tahu ini semua. Yang Berhormat bagi Seputeh, belum kahwin *you* mana '*chai*', dengan izin.

Jadi isteri kadang-kadang mendera suami. Biasa saya tengok suami bawa kain, bawa beg satu, lari macam itu Tuan Yang di-Pertua kerana isteri mendera suami. Di mana suami itu hari ini, kalau dia hendak mempertahankan diri dia? Jadi di sini saya ingat undang-undang tadi, Yang Berhormat kata itu, kalau kita boleh sesuaikan juga supaya hukuman itu disamakan. Jangan kita dok tengok suami dok dera isteri sahaja, tetapi yang isteri mendera suami ini cukup banyak. Kadang-kadang dia suruh suami itu basuh baju, yang itu tugas isteri tetapi..., jadi dera-dera ini macam mana? Penderaan ini macam mana pandangan Yang Berhormat?

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]: Saya rasa basuh baju itu kena tolong-tolong...[*Ketawa*] Takkan basuh baju pun tidak boleh Yang Berhormat. Jadi saya tidak menganggap itu satu deraan ataupun penganiayaan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara akhir ialah mengenai...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Hulu Langat. Hendak beri jalan?

Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Kota Bharu, janganlah yang terakhir banyak lagi masa boleh digunakan untuk berhujah berkenaan dengan perkara pindaan ini.

Yang Berhormat bagi Kota Bharu, saya ingin mendapat penjelasan, tadi Yang Berhormat sudah menyentuh perkara berkenaan dengan keganasan rumah tangga dengan *sexual offences*, kesalahan rogol, *marital rape* ni tadi. Saya dari segi pandangannya melihat kedua-dua kesalahan ini adalah kesalahan dalam rumah tangga.

Dalam institusi rumah tangga yang kemungkinannya banyak keadaan berlaku di antara dua manusia yang mempunyai kaitan perkahwinan ini. Masalah pertama ialah pembuktian dan masalah kedua ialah tentang melaporkan perkara ini kerana malu dengan masyarakat. Tetapi kebimbangan utama saya ialah berkenaan dengan bagaimanakah kita boleh mengasingkan garis yang terlalu tipis ini di antara kesalahan-kesalahan kekerasan rumah tangga dengan kesalahan-kesalahan *marital rape* ini. Kadang-kadang kesalahan rumah tangga...keganasan rumah tangga boleh... bila laporan itu dibuat, boleh disalah tafsirkan atau diperbesar-besarkan menjadi kesalahan *marital rape*. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Kota Bharu.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]: Sebenarnya di bawah pindaan ini tidak ada *marital rape*, itu yang saya bangkitkan. Sepatutnya ada, tetapi sekarang ini tidak ada, yang ada hanyalah jika kita gunakan kekerasan, *causing hurt* dalam, maknanya Kerajaan menerima hakikat bahawa suami boleh menggunakan paksaan dan itu menjadi satu kesalahan. Tetapi tidaklah sampai menjadi rogol dan menjadi *rape* itulah yang ada pada pindaan sekarang ini.

Pandangan saya sudah seperti saya katakan tadi, saya rasa saya sudah perelaskan tadi *domestic violence* itu satu hal yang perlu diambil kira di bawah Akta Keseksaan. Tetapi tambahan itu juga, saya harap kerajaan menerima konsep *marital rape*. Perkara yang ingin saya sebut satu lagi Tuan Yang di-Pertua soal minimum *sentence*, dari segi rogol ini sekarang ini kita tidak ada kecuali daripada *aggravated rape* yang *simple rape* itu tidak ada *minimum sentence*, itu cadangan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri.

Saya tidak ada kebimbangan bahawa hakim-hakim kita tidak akan mengambil kira bagaimana seriusnya rogol ini walaupun *simple rape* dan saya percaya mereka akan mengenakan *sentence* ataupun penghakiman yang sewajarnya. Tetapi kalaulah mereka gagal menganggap ataupun menggunakan kuasa mereka, budi bicara mereka untuk mengenakan hukuman yang setimpal saya harap kerajaan meneliti perkara ini. Kerana kita tidak mahu hukuman kepada *simple rape* ini kerana tidak ada minimum *sentence* mungkin lebih kurang daripada pencurian dan sebagainya.

Jadi saya harap walaupun kita terima hakikat *there is no minimum sentence*, saya harap...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Ketereh dan Yang Berhormat bagi Jerai.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]: Yang Berhormat bagi Ketereh, Kelantan dulu.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Terima kasih. Saya daripada tadi mendengar hujah daripada Yang Berhormat bagi Kota Bharu dan hujah Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor. Yang Berhormat bagi Kota Bharu banyak kali menyebut tentang *marital rape*. Yang Berhormat minta supaya ada, Kerajaan tidak buat, tetapi saya menunggu justifikasi daripada Yang Berhormat sebenarnya. Kalau perlu ada, apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat dengan *marital rape*, *rape* ini semua orang tahu, *marital rape* adalah suatu benda yang kompleks untuk ditentukan.

Saya mengharapkan Yang Berhormat memberi penerangan, itu saya hendak minta penjelasan. Bagilah satu contoh, apa itu *marital rape and how do you penalized it?* Itu yang saya hendak dengar, *by saying* dengan mengatakan bahawa perlu masuk...perlu masuk, tetapi tidak menceritakan keadaan latar belakang, kaedah bagaimana sukar untuk saya memahaminya, sebab ini sukar berlaku. Silakan Yang Berhormat.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]: Yang Berhormat bagi Ketereh mungkin tidak faham konsep *rape*. Saya percaya rogol itu Yang Berhormat bagi Ketereh faham. Rogol itu, kita paksa, kita gunakan paksaan dan tidak ada persetujuan daripada pihak satu lagi untuk hubungan seks. *Marital rape* ialah bila, dia suami isteri tetapi dia menggunakan kekerasan kerana isterinya tidak mahu ataupun suami tidak mahu, jadi maksud saya boleh berlaku dalam keadaan...kita jangan ingat perkahwinan ini, dia macam-macam kaedah dalam keadaan perkahwinan itu. *Technically*, walaupun dalam keadaan perkahwinan mungkin tidaklah seperti yang sepatutnya jadi hubungan mereka tidak baik, jadi si suami menggunakan paksaan, itu maksud saya *marital rape*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Yang Berhormat bagi Ketereh.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Tambahan penjelasan, ertinya dia memaksa isterinya membuat hubungan kelamin dengannya. Yang ada antara dia dua orang itu sahaja, dia tidak ada saksi. Saksinya adalah Tuhan atau malaikat dan keimanannya atau keimanan isterinya. Jadi yang...selepas selesai dia mengadu dia di paksa. Dalam mahkamah undang-undang Inggeris ini, mesti diberikan bukti, dia tidak boleh setakat tuduh, tidak ada orang bersalah kerana tuduhan mesti ada *evidence*. Tidakkah Yang Berhormat berfikir bahawasanya *clause* yang diberi...saya belum habis lagi Yang Berhormat, sikit lagi. Bahawasanya *evidence* ini adalah pukul tadi, sebab itu diletakkan di situ ialah kesalahannya ialah *violence not the rape*. Terima kasih.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]: Saya rasa kita *cross-purpose* sikit. Saya hanya mencadangkan kepada Kerajaan supaya mengambil kira konsep *marital rape* itu ya. Jadi kalau Kerajaan tidak mahu, seperti yang sekarang ini tidak ada peruntukan itu, tidak apalah. Perkara yang saya...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Yang Berhormat bagi Kota Bharu, tadi saya hendak tahu, tadi saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Kota Bharu iaitu tentang....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Kota Bharu tidak bagi jalan lagi Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Ya? Tentang hukuman yang dijatuhkan oleh mahkamah. Fasal saya tengok perogol ini adalah seorang yang otaknya sudah *jam*, sakit, orang yang sakit jiwa yang merogol. Normal yang macam kita ini, kita tidak kacau. Jadi orang yang merogol itu, orang yang jiwa itu sudah kelam kabut dan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, tadi Yang Berhormat kata tadi karan ada.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Orang yang karan, dia normal, tidak apa, dia tidak kacau, dia tidak rogol. Tetapi orang yang tidak normal bila dia 'mai' karan dia, bahaya. Jadi jiwa dia sudah kacau, otak dia sudah tidak betul, jadi baru yang berlaku rogol ini sampai kadang-kadang mendera dan sebagainya. Saya hendak ucap tahniah kepada hakim mahkamah mana baru-baru ini, yang menghukum satu orang itu, dia rogol beberapa kali keluar masuk penjara dan dia kena dekat 50 tahun. Orang ini memang, kita hendak minta mahkamah hakim ini, perogol-perogol yang tidak bertimbang rasa ini harus kita kurung dia sampai matilah. Kalau dia keluar pun orang lain jadi mangsa. Tuan Yang di-Pertua tahu, bila orang perempuan kena rogol, hidup dia itu, sudah *out*. Ada peristiwa bila dia kena rogol, bila dia kahwin, suami hendak ini dia pun dia tidak berani, dia takut. Ya lah hendak..., suami-isteri hendak..., hendak..., hubungan suami isterilah, bahasa yang baik, dia tidak berani, dia takut, fobia itu 'mai'. Dia tengok muka suami dia waktu itu, macam hak yang merogol dia. Akhirnya dia akan jadi mangsa. Jadi kadang-kadang, saya...tahun-tahun yang bagi ini penjara sedikit sangat, tambah tidak apa, *top-up* lagi, bila *top-up* lagi yang 10 tahun jadi 20 tahun.

Dan kadang-kadang Yang Berhormat bagi Kota Bharu, sahabat saya yang cukup arif dalam perundangan. Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa kadang-kadang perogol ini terlepas kerana teknikal, tidak fasal-fasal kerana terlepas. Jadi di sini kadang-kadang berlakulah kita nampak tidak keadilan dari segi perundangan, kerana yang menjadi mangsa itu akan menanggung deritaan dan jiwa dia dan perogol ini kerana kesilapan teknikal dan sebagainya jadi terlepas. Jadi macam mana Yang Berhormat, pandangan Yang Berhormat fasal kita hendak mengatasi masalah-masalah ini. Kerana sekarang ini perogol cukup banyak di Malaysia Tuan Yang di-Pertua. Jadi kita hendak jaga fasal kita pun ada anak dan sebagainya, jadi kita takut, jadi macam mana Yang Berhormat? Kita hendak tambah tidak hukuman ini? *Double*.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Seperti saya katakan tadi walaupun tidak ada *minimum sentence* bagi *simple rape* ini kita harap kerajaan meneliti dan sejauh manakah mereka yang menghakimi kes-kes rogol ini mengenakan hukuman yang setimpal.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Sri Aman bangun.

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kawan saya dari Kota Bharu, beliau tadi mencadangkan membawa tiga perkara dengan izin saya mahu menanya tentang perkara tiga campur satu ini. Apakah pendapat Yang Berhormat yang Arif ini tentang *statutory rape* kerana baru-baru ini kita nampak ada budak yang bawah umur berkawan, ibu bapa pun tidak menghalang dengan harapan mereka akan kahwin. Tetapi bila *accident* terjadi yang perempuan itu hamil dan yang lelaki tidak mahu kahwin lagi, jadi ibu bapa menggunakan *provision statutory rape*. Jadi yang lelaki itu meringkuk di penjara begitu lama. Apakah pendapat Yang Berhormat untuk supaya *provision* ini tidak diguna seperti ini?

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]: Terima kasih saya percaya seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi *statutory rape* mungkin kita masukkan dalam kategori suka sama suka. Jadi sebab itu mungkin kerajaan tidak mahu mengenakan hukuman minimum dalam kes-kes sebegini. Walau bagaimanapun, saya bersetuju dengan Yang Berhormat tadi bahawa kes ini lain sedikit daripada kes rogol yang selalu kita dengar. Jadi sudah tentunya mahkamah akan mengambil pertimbangan dalam hukuman yang akan dikenakan pada kes-kes suka sama suka ini. Saya ingin menyebut kembali pada soal penghakiman ini kerana dengan pindaan yang dibentangkan ini prosedurnya lebih lengkap, penyiasatan polis lebih teratur dan orang yang dituduh juga lebih mengetahui hak-hak mereka secara terperinci.

Saya lihat perkembangan ini positif, cuma ia juga memerlukan *komponen satu* lagi untuk memastikan reformasi ataupun perubahan dalam *penal code* dan CPC ini begitu berkesan dan itu adalah mahkamah itu sendiri. Saya tahu perkara misalnya disebut oleh Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor mengenai kebimbangan beliau tentang takrif "*prima facie*" misalnya dan dia tanya *what is credible evident*, apakah standard dan sebagainya dan itu adalah persoalan-persoalan yang wajar tetapi ia tidak boleh diselesaikan dengan

pindaan atau pun definisi yang baru. Ia boleh diselesaikan dengan kita ada hakim-hakim, mereka yang menghakimi, mempunyai kewibawaan dan kepakaran undang-undang dan pengalaman hidup yang cukup untuk memberi terjemahan kepada konsep seperti ini. Jadi konsep dan definisi dan proses dan prosedur yang kita ubah hari ini memerlukan komponen yang satu lagi, penghakiman yang bijak yang mengetahui undang-undang dengan baik.

Dan dalam hal ini, saya menyeru juga menteri dan kerajaan supaya soal penghakiman atau pun disebut tentang perkara cara pelantikan majistret, *session court judge*, *high court judge* dan seterusnya. Ini selalu ditimbulkan oleh masyarakat dan selalunya kerajaan agak tidak begitu mahu mengubah apa yang ada, tidak mahu mengubah *status quo*. Tetapi masalah dan permasalahan dan luahan rakyat mengenai perkara-perkara ini masih kedengaran. *Judgement* tak buat, lambat buat *judgement*, lambat lah *appeal* nya, *backlog* nya dan sebagainya, dan ada juga tuduhan-tuduhan rasuah dan sebagainya. Jadi saya harap kerajaan mengambil kira perkara-perkara ini supaya bukan sahaja *penal code* kita *progressive*, CPC kita lengkap, pelaksanaan dan penghakiman kita juga lengkap dengan adanya pegawai-pegawai dan hakim-hakim yang mempunyai kewibawaan untuk menyelesaikan atau merealisasikan hasrat kerajaan untuk mengadakan satu sistem perundangan yang baik dan telus.

Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Kota Melaka.

3.52 ptg.

Tuan Wong Chai Nee [Kota Melaka]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana saya diberi peluang mengambil bahagian dalam perbahasan pada petang ini. Saya rasa Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang yang dikemukakan iaitu Rang Undang-undang Kanun Keseksaan dan juga Kanun Tatacara Jenayah adalah cukup penting bagi negara kita bagi tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua saya bersetuju bulat-bulat dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Kota Bharu tadi bahawa proses perundangan yang kita adakan sebelum kita membuat satu laporan yang begitu komprehensif merupakan satu proses yang baik dan melibatkan pandangan daripada semua lapisan masyarakat di negara kita. Dan saya difahamkan juga wujud juga lebih kurang 70 persatuan termasuk individu yang telah pun memberikan pandangan mereka dan lebih kurang 40 memorandum yang telah pun diterima oleh Jawatankuasa Pilihan Khas ini.

Tuan yang di-Pertua, saya rasa proses perundangan ini haruslah menjadi contoh kepada apa jua proses penggubalan undang-undang dalam negara kita. Kerana sejak tahun 2004 mereka telah bertungkus-lumus dan mengambil kira pandangan daripada rakyat yang telah pun memberi pandangan mereka ke atas isu jenayah rogol dan juga ke atas undang-undang Tatacara Jenayah dalam negara kita. Dan sebelum ini wujudnya kontroversi yang sebelum ini memanglah ia menjadi satu idaman bahawa mungkin pada suatu hari nanti kita boleh menggubal undang-undang dalam negara kita dan sekarang dia telah pun muncul dalam cadangan pindaan yang telah pun dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua, satu isu yang saya lihat daripada laporan Jawatankuasa Pilihan Khas ini ialah dari segi isu *marital rape* yang telah pun disebut tadi kerana dalam *exception* di bawah seksyen 375 di bawah Kanun Keseksaan yang asal memang menurut pendapat daripada Jawatankuasa ini mereka mengekalkan *exception* itu yang berbunyi "...sexual intercourse by a man with his own wife by a marriage which is valid under any written law for time being enforce or it recognizes in the federations as valid is not rape". Malangnya Tuan Yang di-Pertua dengan wujudnya *exception* ini seolah-olah jika bagi seorang isteri yang ingin menuduh suaminya bahawa dia telah pun merogol dia, dia kena buktikan bahawa perkahwinan itu adalah tidak sah.

Dan saya rasa ini adalah satu perkara yang malang kerana apa yang saya lihat Tuan Yang di-Pertua, dalam proses penggubalan undang-undang dalam negara kita, kadangkala ada tujuan untuk pelaksanaan undang-undang itu tapi pada masa yang sama

apabila kita menggubal satu undang-undang, tujuan kita juga ialah ia mempunyai satu kesan pendidikan ke atas warga-warga kita.

Saya bersetuju Tuan Yang di-Pertua *marital rape* ini jika pun kita masukkan dalam Kanun Keseksaan malah dia memang susah kita hendak buktikan. Bagaimana kita hendak buktikan bahawa pada hari Isnin hubungan seks di antara suami dengan isteri adalah dengan kerelaan yang penuh tetapi pada hari Selasa pula tiba-tiba dia tidak wujudnya kerelaan memang susah. Dan juga memang susah kita hendak membawa saksi dan jarang-jarang saya boleh bayangkan bahawa mangsa isteri itu akan memanggil anak-anaknya sebagai saksi untuk membuktikan *marital rape* dalam sesuatu kes. Tapi apa yang saya cuba ketengahkan kepada Tuan Yang di-Pertua dalam Dewan yang mulia ini, kadangkala kita menggubal satu undang-undang untuk tujuan pendidikan kerana bukan sahaja kita kena lihat seksyen 375 *exception* ini isu *marital rape* dari segi undang-undang semata mata. Tetapi saya rasa kita harus juga melihat masalah ini dari segi sosial iaitu kesaksamaan jantina. Ini kerana, dalam tahun 2001, kita begitu bangga sekali kerana kita telah pun meminda Perlembagaan Persekutuan yang memasukkan perkataan "jantina" dan kita mengatakan kita telah pun mencapai satu tahap yang mana dari segi pemikiran sivik dalam negara kita telah pun wujudnya satu kesaksamaan jantina.

Tetapi dalam proses penggubalan Kanun Keseksaan pada kali ini, saya rasa kecewa sedikit kerana kita telah pun terlepas peluang keemasan ini untuk memasukkan "*marital rape*" dalam Kanun Keseksaan ini dan sebab yang diberikan oleh jawatankuasa ialah bahawa wujudnya pandangan agama.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa saya tidak bersetuju dengan pandangan ini kerana saya percaya, bahawa semua agama yang betul di dunia ini, baik Islam ataupun Buddha ataupun *Christianity*, semuanya melarang suami untuk merogol isterinya. Saya percaya bahawa, apabila seseorang isteri itu dia mengahwini seorang lelaki tetapi dia tidak mengahwini lelaki itu sehinggakan dia menggadaikan penghormatan peribadi dia. Saya rasa ini adalah satu faktor yang kita kena ambil kerana daripada usaha yang telah pun dilakukan oleh Jawatankuasa Pilihan Khas ini, sebagaimana yang saya katakan tadi, kita telah pun terlepas satu peluang keemasan untuk menegakkan sekali lagi....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *[Bangun]*

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Tunggu sekejap...untuk mengesahkan sekali lagi kesaksamaan jantina dalam negara kita. Silakan Yang Berhormat bagi Jerai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kota Melaka. Tadi Yang Berhormat bagi Kota Melaka mengatakan, saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Kota Melaka. Memang susah kita hendak buktikan suami merogol isteri. Bagaimana pula isteri merogol suami? Ini, tidak....

Beberapa Ahli Pembangkang: *[Menyampuk]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ini ada, ada.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Macam mana?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ada. Mungkin berlaku. Jadi, macam mana Yang Berhormat?

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Adakah? ...*[Ketawa]*

[Dewan riuh]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Dalam bilik, dalam bilik...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sudah, cukuplah. Yang lain sila diam, ya.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *[Menyampuk] [Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Teruskan Yang Berhormat bagi Kota Melaka, ya.

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Tuan Yang di-Pertua, biasanya kita gunakan perkataan rogol, biasanya kita menggunakan satu situasi yang mana pesalah itu adalah lelaki dan mangsa itu perempuan. Tetapi jika isteri saya mahu rogol saya, saya pun rela juga..... *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua.....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Larut bangun, Yang Berhormat.

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Silakan Yang Berhormat bagi Larut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih. Saya cuma hendak bercakap dari segi hukum akallah. Kalau akta ini diluluskan, memperlihatkan bagaimana kalau isteri sanggup membuat aduan ke mahkamah, kes jenayah berlaku kerana suaminya merogol, di mana letaknya yang si isteri itu masih lagi menganggap dirinya seorang isteri? Kita bercakap dari segi hukum akal. Jangan kita terbawa soal agama kerana saya pun tidak nampak bahawa Yang Berhormat sendiri memahami, arif tentang agama Islam. Kita huraikan di sini, dari segi hukum logiknya.

Kalau sudah isteri tergamak membuat laporan, salah laku suami sendiri, apakah ini menampakkan bahawa mereka masih merupakan sebuah keluarga yang bahagia, seorang isteri yang taat kepada suami? Jadi di sini, memang tidak logik kita melihat tentang perkara, perkataan. Saya tidak tahulah kalau Yang Berhormat bagi Jerai sebut tadi tentang yang satu pihak lagi. Tetapi dari segi logik ini, kalau isteri tergamak Tuan Yang di-Pertua melaporkan kepada orang lain bahawa dia dirogol oleh suaminya sendiri, melakukan perkara yang tidak baik, bukan merupakan satu pasangan suami yang bahagia. Apa pandangan Yang Berhormat bagi Kota Melaka? Terima kasih.

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya, jika keluarga itu merupakan satu keluarga yang mungkin wujudnya satu kekerasan ataupun keganasan seksual dalam keluarga itu, pada pendapat saya, itu bukan satu keluarga yang bahagia. Bagi saya, jika wujudnya satu keadaan yang mana penuh dengan kemungkinan keganasan seksual oleh suami itu atas isterinya, bagi saya lebih baik kita tinggalkan keluarga itu kerana itu bukan satu keluarga yang penuh dengan kasih sayang lagi.

Ini kerana, apabila kita katakan wujudnya satu institusi keluarga, saya rasa institusi keluarga itu, haruslah dimainkan dua peranan oleh dua orang yang mempunyai kesetaraan iaitu suami dan juga isteri. Satu faktor lagi Tuan Yang di-Pertua yang saya ingin ketengahkan kepada Dewan yang mulia ini ialah soal rogol, *marital rape* ini, dia bukan satu soal kekeluargaan. Ini bukan satu masalah keluarga antara suami dan isteri semata-mata.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Ia semuanya, tunggu sekejap, tunggu sekejap Yang Berhormat bagi Gombak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tunggu Yang Berhormat bagi Gombak. Dia belum bagi lagi.

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Nanti, saya bagi peluang. Tetapi ia merupakan satu masalah jenayah dalam negara kita dan jika kita asyik melihat soal *marital rape* ini semata-mata dalam kaca mata masalah keluarga ataupun masalah rumah tangga, saya rasa ini adalah satu perkara yang mendukacitakan kerana ini tidak menggambarkan bahawa pemikiran sivik dalam negara kita telah pun mencapai satu tahap yang membolehkan kita dijadikan sebagai sebuah negara maju. Silakan Yang Berhormat bagi Gombak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Gombak, sila.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat bagi Kota Melaka. Saya ingin hanya mendapatkan penjelasan. Apa yang saya lihat dalam seksyen 375A ini ialah, yang sebenarnya keadaan begini memang sekarang ini sering berlaku yang mana ramai lelaki mempunyai HIV dan lelaki yang mempunyai HIV, terutama yang keluar dari Pusat Serenti dan sebagainya, walaupun telah diberi kaunseling, apabila melakukan hubungan kelamin dengan isteri, seharusnya untuk tidak merebakkan penyakit tersebut, harus memakai kondom, contohnya. Jadi kalau si suami telah melakukan hubungan kelamin tidak mahu menggunakan kondom contohnya dan ingin melakukan hubungan kelamin dengan si isteri. So dalam situasi-situasi ini, adakah ditakrifkan sebagai *marital rape*? Saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat.

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Terima kasihlah kepada pandangan yang diberikan oleh Yang Berhormat bagi Gombak dan juga persoalan yang telah pun dikemukakan. Tuan Yang di-Pertua, daripada takrif undang-undang jenayah rogol, pemakaian kondom itu bukanlah satu faktor yang kita ambil kira. Faktor yang kita ambil kira ialah sama ada kita memasukkan kemaluan lelaki itu dalam faraj, *penetration*. Itu yang dimaksudkan, undang-undang rogol. Sama ada dia menggunakan kondom dalam melakukan hubungan seks tanpa persetujuan daripada isterinya, itu tidak menjadikan apa-apa isu.

Yang penting sekali sama ada, apabila hubungan seks dilakukan pada masa yang mereka tidur itu, sama ada isterinya memberi persetujuan kepada suaminya. Persetujuan itu, keizinan itu haruslah merupakan satu kerelaan hatinya, kerelaan jati iaitu 100% *consent* dan bukannya paksa rela. Dan itulah sebab saya katakan, kita haruslah mewujudkan satu jenayah *marital rape* dalam negara kita, kerana kita dapat mendidik warga-warga kita, bahawa wujudnya bukan sahaja dalam Perlembagaan Persekutuan, tetapi juga dalam undang-undang jenayah, kita bagi tahu semua rakyat, bahawa wujudnya kesaksamaan jantina, betul-betul dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya meneliti juga seksyen 375A yang dicadangkan, yang telah pun menghuraikan tujuh keadaan yang mana seseorang pesalah itu boleh melakukan jenayah rogol dan seperti mana yang saya katakan tadi, tiga subseksyen kepada 375 itu dikekalkan seperti mana yang dikehendaki ataupun dicadangkan oleh Jawatankuasa Pilihan Khas. Tetapi satu *compromise* telah pun diberikan iaitu seksyen 375A yang dicadangkan.

Tapi satu *compromise* telah pun diberikan iaitu seksyen 375A yang dicadangkan. Tetapi saya rasa seksyen 375A ini, Tuan Yang di-Pertua, ia merupakan satu *compromise* sahaja. *It is a bad compromise*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Kerana dengan perkataan-perkataan daripada seksyen 375A yang dicadangkan, dengan izin Tuan Yang di-Pertua:

“Any man who during the subsistence of valid marriage causes hurt or fear of death or hurt to his wife or any other person in order to have sexual intercourse with his wife shall be punished with imprisonment for a term which may extend to five years.”

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak faham mengapa wujudnya perkataan “*or any other person*” iaitu “*causes hurt or fear of death or hurt to his wife*”, itu kita boleh bayangkan sebab dia tidak mahu. Dia tidak rela. Tetapi mengapa “*or any other person?*” Saya ingin minta penjelasan mungkin dia ibu mertua atau bapa mertua yang cuba membantu isteri. Saya tidak boleh ...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam bangun, Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Dalam situasi ini saya percaya ia merujuk kepada anak-anak mereka ataupun orang-orang yang disayangi oleh isterinya. Ini berlaku

dalam *real life* di mana dalam kes-kes keganasan rumah tangga ini berlaku. Jadi, dia *threatened* anak dia untuk mendapatkan hubungan seks.

Seorang Ahli: Sudah jelas bagi pihak Menteri.... [Ketawa]

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Saya boleh faham seperti mana yang dikatakan dan saya boleh bayangkan juga. Sebenarnya ini telah pun membawa kepada faktor yang kedua yang ingin saya buat komen ke atas cadangan pindaan iaitu kemasukan seksyen 375A ini. Nampaknya kita hanya sekadar melihat kecederaan yang telah pun dibuat ke atas isteri tetapi kita tidak mengambil kira selepas kecederaan itu dia melakukan perbuatan rogol ke atas isterinya.

Jadi, jika seseorang lelaki, suami dalam kes ini, dia melakukan kecederaan ke atas isterinya dan selepas itu isterinya menjadi lemah, kemudian dia merogol isterinya. Malangnya kita menggunakan seksyen 375A ini, kita hanya dapat menuduh dia di atas kecederaan yang disebabkan ke atas isterinya tetapi bukanlah perbuatan *the ultimate aim* iaitu perbuatan rogol itu. Itulah sebab saya katakan ini seolah-olah dalam satu keadaan kita menggunakan senjata api untuk membakar rumah itu tetapi apa yang kita dapat caj ialah hanya untuk *possession of weapon* sahaja tetapi bukannya perbuatan yang *ultimate* yang dibuat. Itu merupakan seksyen 375A ini yang merupakan satu seksyen..., *it is actually a bad compromise*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, selanjutnya saya berpendapat bahawa undang-undang jenayah sebenarnya merupakan sebahagian daripada undang-undang sekular dalam negara kita. Apabila kita menggubal undang-undang jenayah, kita haruslah memastikan bahawa kita tidak haruslah menggunakan apa-apa faktor keagamaan dalam menggubal sesuatu undang-undang terutama sekali dalam undang-undang yang melibatkan rogol pada petang ini kerana saya rogol ini adalah satu perbuatan yang sungguh terkutuk. Ia bukan hanya sekadar memadai ataupun memenuhi nafsu buas bagi seseorang itu tetapi ia sebenarnya akan mendatangkan binasa ataupun ia merosakkan jiwa, zahir dan juga batin kepada seseorang mangsa itu sepanjang hayatnya. Saya rasa ini adalah satu perbuatan yang sungguh terkutuk.

Saya juga terpanggil untuk memberikan satu petikan yang diberikan oleh *Sisters in Islam* yang saya dapati ia memanglah dapat memberikan satu percambahan fikiran kepada kita yang menyatakan dari segi agama Islam. Saya bukan pakar Islam, Tuan Yang di-Pertua tetapi ini yang saya boleh faham daripada bahasa yang sungguh pendek dan bahasa yang sungguh jelas ini:

"Tidak terdapat di dalam Islam yang membenarkan suami untuk merogol isteri. Perhubungan suami isteri adalah harus dimulakan dengan kasih sayang dan perlu dengan persetujuan isteri. Imam Ghazali telah meriwayatkan bahawa Rasulullah telah bersabda: Janganlah kamu melontar dirimu kepada isteri seperti binatang. Haruslah ada sebelum kamu bersama, penghantaran pesanan di antara kamu dan isteri. Mereka bertanya, pesanan apakah itu Rasulullah? Jawab Rasulullah, ciuman dan rayuan".

Itu yang dimaksudkan rayuan dan jika tidak wujudnya satu persetujuan daripada isteri, saya berpendapat bahawa golongan suami janganlah paksa-rela isteri mereka.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen 376 telah pun juga disarankan oleh Jawatankuasa ini supaya wujudnya tujuh keadaan yang mana boleh dikatakan "rogol melampau" iaitu *aggravated rape*. Apabila saya membaca laporan ini, saya tidak jumpa dengan perkataan *simple rape* tetapi saya hanya jumpa perkataan *aggravated rape*. Saya nampak wujudnya satu perenggan iaitu perenggan (f) yang menyatakan bahawa jika wujudnya keadaan seperti itu ia boleh dianggap sebagai *aggravated rape* yang mana jika disabitkan kesalahan hukuman penjara tidak kurang daripada lima tahun dan tidak lebih daripada 30 tahun, tambah lagi dengan sebatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat di muka surat 4, untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, dengan izin:

“With her consent, when the consent is obtained by using his position of authority over her or because of professional relationship or other relationship of trust in relation to her..”

Ini bermaksud apabila wujudnya persetujuan diberikan yang berbangkit daripada pertalian kuasa ataupun satu pertalian profesional ataupun dalam satu pertalian yang melibatkan amanah. Saya rasa ini tidak akan memberikan apa-apa kekeliruan ataupun penyalahgunaan bagi *provision* ini, dengan izin, kerana saya rasa perkataan “.....or because of professional relationship..” itu dia sebenarnya tidak meminda soal ataupun takrif yang asal bagi undang-undang jenayah rogol ini iaitu *consent*. Ini kerana *consent* itu cuma berbangkit dari salah satu daripada tujuh keadaan yang dihuraikan dalam cadangan pindaan ini.

Cuma di perenggan (g) yang saya rasa wujudnya kekhuatiran juga kerana (g) ini menyatakan bahawa pesalah itu akan menerima *no less than five years and not more than thirty years* dan juga ditambah lagi dengan sebatan. Jika dia melakukan jenayah rogol dan apabila pada masa yang *material, the woman was pregnant* iaitu apabila mangsa itu hamil. Tetapi masalahnya, Tuan Yang di-Pertua, *mens rea* yang merupakan satu kehendak dalam undang-undang jenayah ia tidak wujud. Saya tidak faham mengapa kita menggunakan “*at the time of the offence the woman was pregnant*”.

Tuan Yang di-Pertua, jika perempuan itu hamil sembilan bulan, saya boleh bayangkan memang susah bagi pesalah itu untuk mengatakan dia tidak tahu bahawa mangsa itu sedang hamil. Tetapi bagaimana pula jika dia hamil hanya sembilan minggu sahaja? Memang ia tidak ada tanda-tanda yang boleh mengatakan dia tahu bahawa perempuan itu sedang hamil. Jadi, kadangkala jika kita menggunakan peruntukan ini ia seolah-olah bergantung pada nasib. Jika nasib dia tidak baik, perempuan itu memang hamil satu minggu, dua minggu, dia kena *aggravated rape*. Tapi yang satu lagi tidak perlu kerana dia tidak hamil.

Jadi, saya rasa perkataan “hamil” itu haruslah dimasukkan ke dalam *mens rea* lelaki itu dan bukan sahaja sekadar *actus reus* sahaja iaitu *the woman was pregnant*. Itu kekhuatiran bagi saya dalam kita melaksanakan undang-undang perenggan (g) ini.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Tuan Yang di-Pertua, selanjutnya saya ...

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: [Bangun]

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Silakan, Yang Berhormat.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: [Bangun]

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Silakan, Yang Berhormat.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Kota Melaka.

Berhubung dengan kehamilan ini saya hendak mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat. Dalam perubatan ini ia ada tiga tahap:

- (i) *first trimester*;
- (ii) *second trimester*; dan
- (iii) *third trimester*

Apakah pandangan Yang Berhormat yang dimaksudkan *aggravated rape* ini untuk *pregnancy* tahap mana? Apakah dia para *third trimester*, misalannya, ia boleh menyebabkan dia beranak lebih awal ataupun *first trimester* ia boleh menyebabkan keguguran di dalam kandungannya? Minta penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Kota Melaka.

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Terima kasih Yang Berhormat atas soalan itu. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, bagi saya, apabila kita gunakan perkataan hamil, saya rasa hamil itu bermaksud, dengan izin, *when the woman was conceived*, itu yang saya

boleh bayangkan dalam memberikan penjelasan. Tetapi mungkin mengikut terma-terma pakar perubatannya, dia mempunyai beberapa fasa, itu yang saya tidak faham.

Saya rasa bagi seorang *lay people*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, ia memang merujuk kepada suatu keadaan yang mana perempuan itu, dia mula-mula hamil iaitu *when she was conceived*. Tuan Yang di-Pertua,.....

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: [Bangun]

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Ya, silakan, Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Kota Melaka. Saya ingat saya hendak patah sedikit sahaja Yang Berhormat bagi Kota Melaka tentang *marital rape* tadi.

Yang Berhormat telah menceritakan satu riwayat yang begitu menarik. Riwayat daripada Rasulullah S.A.W. yang diriwayatkan oleh Imam Al-Ghazali. Jadi, kita pun hendak tahu riwayat itu sahih, bathil atau dhaif. Itu kita hendak tahu, satu.

Yang kedua, Yang Berhormat, sebenarnya hubungan suami isteri ini adalah satu yang subjektif, ia bukan suatu yang objektif. Kalau hendak 'A' dia 'A', 'B' dan sebagainya. Kemungkinan dalam interaksi itu akan terdapat kedua-dua lakuan, kekasaran dan kelembutan. Kemungkinan bermula dengan kekasaran, tengah-tengah itu berlaku kelembutan. Begitu juga mula dengan lembut dan tengah-tengah berlaku kekasaran. Jadi, ini akan boleh diterjemahkan di dalam pelbagai kaedah. Jadi, apa pandangan Yang Berhormat tentang itu?

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang saya mula-mula, sebelum saya memetik petikan tadi, saya telah pun menyatakan bahawa saya tidak ingin memberikan satu gambaran seolah-olah pakar dalam agama Islam... [Ketawa] Tetapi saya cuma hendak menyatakan bahawa ia merupakan satu bahasa yang jelas dan ia menggunakan bahasa-bahasa yang pendek, yang boleh saya fahami sebagai seorang bukan Islam.

Setakat mana kesahihan itu saya tidak pasti, saya tidak boleh komen tetapi yang saya tertarik ialah perkataan ciuman dan rayuan. Iaitu rayuan. Jika ia tidak bagi, kita kena rayu sampailah kita berjaya. Rayuan itu mungkin ditolak ataupun dibenarkan. Kita haruslah memberikan penghormatan kita kepada keputusan rayuan itu, seolah-olah ia keputusan rayuan daripada Mahkamah Tinggi.....[Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua, atas soal [Disampuk] Ya, ini soal kedua, ini soal kekasaran dan juga kelembutan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Saya rasa baik kekerasan, kelembutan, kadangkala dalam suatu pertalian perkahwinan, saya rasa ia kadangkala macam satu *roller coaster*, kita ada masa-masa yang mana kita wujudnya kegembiraan, tetapi ada masa-masa juga wujudnya kesengsaraan ataupun kepiluan dari semasa ke semasa.

Jadi, kekerasan dan kelembutan itu, saya rasa kita masih boleh bezakan iaitu atas isu Undang-Undang Jenayah Rogol ini, *the fine line to draw*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua ialah persetujuan yang diberikan oleh isteri itu. Jika wujudnya persetujuan dengan penuh kerelaan hati, tidak ada masalah untuk tujuan Undang-Undang Rogol. Tetapi kalau wujudnya satu persetujuan yang kena paksa rela, itu bukan lagi satu persetujuan ataupun keizinan mengikut kehendak dan juga takrifan Undang-Undang Jenayah Rogol dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, menurut *aggravated rape* ini, saya rasa kita haruslah berjaga-jaga sikit kerana *aggravated rape* ini seolah-olah ia memberikan satu gambaran bahawa dalam negara kita wujudnya satu keadaan rogol yang tidak begitu serius. Sebenarnya, bagi saya rogol itu rogol. Setiap rogol adalah serius dalam fakta tertentu, *according to its own fact* kerana ia sentiasa memberikan pengalaman traumatik kepada mangsa itu sepanjang hayat.

Saya difahamkan juga wujudnya beberapa cadangan daripada NGO-NGO yang berkenaan, yang menyatakan bahawa janganlah kita lupa juga dalam keadaan yang mana

pesalah itu adalah pembawa AIDS, HIV positif dan dia sengaja merogol perempuan itu tanpa menggunakan alat-alat kondom atau sebagainya. Dia sengaja merogol dan dia tidak ada apa-apa perlindungan.

Satu keadaan lagi, yang mana dia sengaja....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Jerai berminat.... [*Ketawa*]

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Silakan, Yang Berhormat bagi Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tuan Yang di-Pertua, saya harap janganlah wanita mengambil pandangan yang negatif tentang pandangan saya. Macam tadi saya dengar kes wanita rogol lelaki, benda ini ada berlaku tetapi tidak apalah, saya tidak mahu bising benda ini.... [*Ketawa*]

Okay, tentang HIV ini, saya mahu hukuman perogol yang ada penyakit HIV ini bukan hanya dihukum atas hukuman merogol tetapi juga kita kena letak dia di bawah hukuman membunuh. Ini kerana seseorang lelaki itu ada HIV, dia rogol seorang wanita dan penyakit HIV itu akan pergi kepada wanita itu. Kita tahu wanita itu akhirnya akan mati kerana penyakit HIV. Jadi, apakah kita hanya hendak menghukum dia dari segi merogol sedangkan ia membunuh....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, pada akhirnya dua-dua pun mati.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: ...Ya, ya! Tetapi perempuan ini dia tidak ada dosa. Orang bagus kena rogol, kena penyakit. Satu. Yang keduanya, ada saya baca, satu tadi saya *refer* di luar. Saya baca. Kadang-kadang wanita itu dia suka dipukul, sadis, dikatuk itu, ini semua kemudian baru dia ada hubungan seks. Yang ini tanya Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor. Ada Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor, kan? [*Ketawa*]

Jadi, selepas dia seronok, dia *report*, dia kata, "*Suami saya rogol saya.*" Jadi ini.....

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: [*Menyampuk*]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Memang *isolated cases*. Tetapi berlaku. Jadi, macam mana pandangan Yang Berhormat bagi Kota Melaka? Ini ada dua kes serius, Yang Berhormat Menteri.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua, saya harap apabila kita membahaskan berkenaan...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Dia tidak boleh Yang Berhormat, pasal....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak apa, duduk.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:Pindaan kepada *Penal Code* dan CPC ini.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Peraturan berapa?

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: 36(12). Yang Berhormat bagi Jerai, berilah penghormatan. Kalau dia bagi menggunakan isu-isu pindaan sekarang yang ada, isu berkenaan dengan rogol, memberi contoh-contoh yang tidak ada sokongan, ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, cukup.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tidak ada laporan polis langsung.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, Yang Berhormat.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Yang tidak diketahui. Dia kata *isolated* tetapi kejadian-kejadian itu siapa ketahu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, tidak apa. Cukup, cukup.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Kecuali dia adalah mangsa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak apa Yang Berhormat. Yang Berhormat...

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Jadi, saya haraplah jangan mengelirukan Dewan menggunakan ini sebagai satu bahan ketawa semasa perbahasan dalam Dewan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat, ini bukan bahan ketawa, ini berlaku. Memang berlaku di mana perempuan merogol lelaki.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Mana laporan polis? Ada?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukup, cukup.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya, mereka ada kes.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Cerita macam

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Apa Yang Berhormat?

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya harap, Tuan Yang di-Pertua, sebelum ini sudah ada artikel dalam surat khabar memberi amaran kepada Ahli Parlimen. Saya pohonlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, Yang Berhormat, kalau ini Peraturan Mesyuarat biar saya putuskan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Mengenai apa?

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua buat satu keputusan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ini Yang Berhormat....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ucapan dia tadi, dia berikan satu contoh.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Hah!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dia berikan satu contoh dan tengok macam mana.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Dia tidak faham.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dia berikan satu contoh.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Dia tidak biasa rasa, dia tidak faham, dia marah saya.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Jangan dengar cakap dialah, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Jadi, macam mana Yang Berhormat bagi Kota Melaka? Benda ini berlaku, Yang Berhormat bagi Kota Melaka...

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: [Bangun]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: ...Dan mungkin berlaku dan telah berlaku. Contohnya, macam saya kata kalau *transfer* HIV ini, adakah kita hendak hukum dia hanya merogol sedangkan wanita itu akan mati. Dia membunuh wanita itu melalui *transfer* penyakit HIV nya. Sila, Yang Berhormat bagi Kota Melaka. Tolong bantu, ini Yang Berhormat bagi Batu Gajah dia tidak faham undang-undang.... [Ketawa]

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat bagi Jerai. Sebenarnya saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Hah! Tengok?...[Ketawa]

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Bahawa dari segi HIV positif ini jika dia mempunyai satu niat jahat iaitu *intention to kill*, niat jahat dan dia sengaja dia hendak merogol perempuan itu supaya perempuan itu boleh dijangkiti HIV positif juga supaya seperti mana yang dikatakan tadi mungkin dua-dua pun kena pergi juga. Tapi saya rasa dari segi undang-undang kita tidak harus *forgive* iaitu kita tidak harus mengampunkan pesalah itu kerana itu telah pun dilakukan dengan satu niat jahat kerana semua orang tahu sekarang bahawa HIV positif inilah merupakan suatu penyakit kronik yang akan membawa maut di dunia ini.

Jika dia mempunyai niat itu dan jika dia memenuhi *intention to kill* itu dan jika mangsa itu betul-betul meninggal dunia disebabkan oleh HIV positif yang telah pun dijangkiti daripada perbuatan rogol itu maka saya rasa dari segi teknikal atau *technical explanation* Tuan Yang di-Pertua, ia mungkin boleh dijadikan satu kes bunuh.

Point yang kedua yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Jerai tadi berkenaan dengan *sadistic*, saya rasa ini merupakan satu yang dikatakan orang lain sebagai satu *sexual behavior*. Yang saya difahamkan bahawa dia memang wujud di dunia ini *sadistic behaviors*, ia memang wujud kerana mungkin dia tidak wujud dalam sebelah rumah saya sebagai jiran tetapi mungkin saya rasa dia wujud di dunia ini kerana ini merupakan satu jenis *sexual behavior* – *sadistic sexual behavior* dan dia sebenarnya mendapat keghairahan itu bukan semata-mata dari hubungan *sex* tetapi dari segi penyeksaan ke atas mangsa itu.

Ini merupakan bukan lagi satu kes rogol yang biasa tetapi merupakan satu kes sakit jiwa, sakit jiwa Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya kena huraikan ada keadaan rogol yang lain yang saya rasa memang cukup serius tetapi malangnya tidak dianggap sebagai *aggravated rape* oleh Jawatankuasa Pilihan Khas iaitu dalam keadaan yang mana pesalah itu dia tahu bahawa wanita itu memang lemah, memang lemah dari fizikal, lemah dari segi mental dan tidak ada kuasa untuk mempertahankan diri dan dia sengaja merogol kerana *easy target*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Itu merupakan satu perbuatan yang terkutuk dan ada lagi apabila seseorang pesalah itu dia merogol mangsa yang sama lebih daripada satu kali dan ini juga merupakan suatu keadaan yang serius yang saya rasa mungkin kita masukkan dalam *aggravated rape*. Ada lagi satu keadaan yang mana dia sengaja, dia memabukkan mangsa itu dengan ubat tidur atau dengan macam-macam ubat yang ada, *ecstasy* ataupun pil-pil yang lain. Dia sengaja memabukkan perempuan itu atau mangsa itu dan merogolnya.

Ada satu lagi keadaan yang mana dia mengambil foto dan *video clip* atas proses perbuatan rogol itu. Saya rasa ini adalah beberapa keadaan yang mana kita haruslah mengambil kira juga sebagai *aggravated rape* dan dalam muka surat 16, satu komen telah pun diberikan oleh Jawatankuasa Pilihan Khas yang mengatakan apabila mereka menghuraikan ini hukuman kedua tahap iaitu satu tahap yang biasa di bawah seksyen 376 subseksyen 1 menyatakan *who ever commits rape should be punished for a term which may extend to 20 years*.

Itu merupakan *general provision* iaitu satu peruntukan yang umum. Tetapi bagi subseksyen 2, *whoever commits rape on the women under any other following circumstances* dan tujuh keadaan yang seperti mana saya huraikan tadi ia merupakan *aggravated rape*. Jadi di muka surat 16, Laporan Jawatankuasa Pilihan Khas, satu komen telah pun diberikan di perenggan 4. Ia menyatakan bahawa situasi dalam tahap kedua adalah lebih serius dan boleh dinamakan sebagai rogol melampau iaitu *aggravated rape* dan kesan terhadap mangsa dalam kategori kedua adalah lebih serius dan *traumatic*.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bersetuju dengan pendapat sebegini. Saya hormat kepada pendapat itu tetapi saya tidak bersetuju sebab saya rasa apabila wujudnya *rape*, ia sentiasa serius kerana ia merosakkan jiwa mangsa itu sepanjang hayat. Selalunya serius. Jadi, saya rasa satu penjelasan haruslah diberikan oleh Yang Berhormat Menteri supaya tidak wujudnya satu kekeliruan dalam terjemahan undang-undang *in sentencing* apabila jatuh hukum diberikan oleh mahkamah, yang memberikan satu gambaran seolah-olah apabila dia jatuh di mana-mana tujuh kategori *aggravated rape* tetapi yang lain itu tidak ada masalah.

Saya takut nanti mahkamah akan memberikan satu hukuman yang terlalu ringan dalam kes ini. Saya tahu mungkin ada peluang ...

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] : Yang Berhormat, Cameron Highlands.

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Silakan.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan hujah-hujah Yang Berhormat bagi Kota Melaka. Saya hendak tanya, penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Kota Melaka sekiranya seorang gadis yang berumur katakan 16 tahun ke bawah dan mengadakan hubungan sex dengan seorang jejaka yang mungkin 20 lebih umurnya.

Dalam definisinya ia telah *commit rape* dan lelaki itu mungkin dia telah mengadakan hubungan sex dengan suka sama suka dan dalam definisi *rape* ini kalau kita gunakan konsep *rape* seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi, lelaki itu terpaksa dikenakan hukuman yang sama seperti mana kes-kes rogol yang lain. Sedangkan dalam kes ini, si jejaka itu telah mengadakan hubungan seks dengan seorang gadis remaja dalam konteks suka sama suka.

Bolehkah pengagihan yang dikatakan tadi, pembahagian tadi *rape* biasa dengan *aggravated rape* ini dapat membantu dalam keadaan-keadaan sebegini. Mungkin matlamat dan fokus ataupun tujuan diagihkan begitu adalah untuk proses sebegini juga, minta pandangan.

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Terima kasihlah Yang Berhormat bagi Cameron Highlands. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, setahu saya Jawatankuasa Pilihan Khas mempunyai pandangan jauh juga kerana dalam pindaan yang dicadangkan oleh jawatankuasa ini, iaitu dalam kategori *aggravated rape* itu, jika mangsa itu adalah di bawah 16 tahun tetapi tanpa persetujuan barulah dia dikatakan *aggravated rape*. Tetapi jika dengan persetujuan walau pun dia di bawah umur 16 tahun, itu bukan *aggravated rape*. Saya tidak mahu menggunakan perkataan *simple rape* sebab saya rasa itu adalah tidak adil.

Tetapi dia bukan *aggravated rape*. Jadi mungkin dari segi unsur suka sama suka itu, dia tidak akan menjadikan suatu perbuatan rogol, tiba-tiba menjadi bukan rogol lagi. Sebenarnya suka sama suka itu akan memberikan pertimbangan kepada mahkamah dalam menjatuhkan hukuman berapa *length of the sentencing the imprisonment* iaitu berapa lama dia kena masuk dalam penjara dan sebagainya. Saya rasa itu adalah satu unsur yang sebenarnya telah pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat Menteri bahawa dalam kes suka sama suka yang mana budak-budak sekarang mungkin telah mencapai kematangan yang lebih awal jika dibandingkan dengan 50 tahun dahulu yang mana mungkin wujudnya satu keadaan yang mana bukan sahaja kita kena memberikan perlindungan kepada perempuan-perempuan atau gadis-gadis muda di bawah umur 16 tahun tetapi kita harus mengambil kira juga kebajikan pesalah-pesalah yang mungkin juga merupakan remaja-remaja daripada kes suka sama suka.

Tuan Yang di-Pertua, sebab saya membangkitkan isu *aggravated rape* di muka surat 16 itu, kerana saya ingin memastikan bahawa tidak wujudnya kekeliruan dari segi *sentencing*, dengan izin oleh mahkamah apabila mereka meneliti ataupun menjatuhkan hukum dalam kes yang melibatkan *aggravated rape* ataupun *other than aggravated rape*. Walaupun apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri di dalam Dewan ini, dia tidak

akan menjadi undang-undang terus tetapi sekurang-kurangnya dari segi terjemahan undang-undang, *hansard* iaitu laporan *hansard* boleh membantu mahkamah untuk memberikan sesuatu tafsiran ke atas undang-undang dalam bahagian ini.

Di seksyen 377CA yang dicadangkan juga, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ini adalah satu peruntukan yang agak realistik kerana wujudnya satu *exception* yang menyatakan bahawa "*this section does not extend to where the introduction of any object into the vagina or anus of any person is carried out for medical for law enforcement purposes*", dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Saya bersetuju 100% dengan cadangan pindaan kemasukan seksyen 377CA ini. Cuma saya ingin suarakan kekhawatiran saya kerana ia berbunyi "*any person who has sexual connection with another person by the introduction of any object into the vagina or anus of the other person without the other person's consent shall be punished with imprisonment for a term which may extend to twenty years and shall also be liable to whipping.*"

Perkataan "*of any object*", saya rasa ia mungkin akan membangkitkan satu keadaan *discrepancy*, dengan izin. Apakah maksud *discrepancy*? Iaitu "*of any object into the vagina*" iaitu faraj ataupun dubur bagi mangsa itu. "*Of any object*", apa yang saya boleh bayangkan mungkin pensel ataupun pen ini sebagai satu objek. Pesalah masukkan, jika dia disabitkan bersalah, dia dapat *twenty years* dan juga tambah lagi sebatan. Tetapi ada kemungkinan bahawa seseorang pesalah itu dia tidak menggunakan objek. Dia menggunakan *parts of the body*. Dia menggunakan jari dia kerana jari ini saya anggap bukan objek ataupun dia menggunakan lidah dia. Itu bukan objek.

Jadi saya rasa ini walaupun perkataan "*of any object*", saya rasa kita haruslah meneliti dengan lebih teliti lagi kerana dia menggunakan lidah atau dia menggunakan jari ataupun jari kaki....*[Ketawa]* Dia akan bangkitkan tahap ketakutan dan juga pengalaman traumatik yang sama juga dengan pen ataupun pensel. Jadi jika dia tidak memenuhi peruntukan ini, apa yang kita ada hanya seksyen 377D yang sedia ada iaitu *outraging decency* yang hanya membawa hukuman penjara dua tahun.

Jadi dia gunakan jari, dia gunakan lidah, dua tahun sahaja. Tetapi jika dia tukarkan benda lain, gunakan pensel atau gunakan pen, *which may extend to twenty years and shall be liable to whipping*. Saya ingin tahu, apakah rasionalnya kerana pengalaman traumatik itu adalah sama juga kerana ketakutan dan mungkin kecederaan yang dilakukan ke atas mangsa itu adalah sama juga. Mengapa kita membezakan cara hukuman penjara itu hanya kerana dia menggunakan barang yang lain ke atas mangsa itu? Itu setakat Kanun Keseksaan, Tuan Yang di-Pertua.

Sekarang saya ingin menyentuh sedikit sebanyak dalam Kanun Tatacara Jenayah. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa seksyen 28A yang sebenarnya memberikan hak kepada orang-orang yang dalam tahanan itu iaitu mereka mempunyai hak untuk menghubungi ahli-ahli keluarga, mempunyai hak untuk berjumpa ataupun mereka dapat menghubungi dan berkomunikasi dengan peguam-peguam mereka. Saya rasa itu telah pun jelas termaktub sekarang jika cadangan pindaan ini dijadikan sebagai undang-undang bertulis dalam negara kita. Walaupun sebelum ini pun sudah wujud konsep macam ini tetapi apa yang saya tahu, ia jarang-jarang kita laksanakan dalam lokap ataupun dalam tahanan.

Saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Berhormat Menteri dan juga dengan ahli-ahlinya yang telah pun banyak mendapat *feedback* daripada bukan sahaja individu-individu tetapi juga laporan daripada Suhakam. Saya rasa wakil-wakil Suhakam pun telah pernah memberikan pandangan mereka dan siapa kata laporan Suhakam itu merupakan harimau yang tidak bergigi kerana saya rasa mereka telah pun memberikan pandangan mereka dan dari itulah mungkin bukan secara langsung tetapi secara tidak langsung pandangan yang diberikan oleh Suhakam itu telah pun diambil kira dari masa ke semasa. Saya rasa ini adalah satu perkembangan yang positif.

Tuan Yang di-Pertua, saya seterusnya ingin menyentuh sedikit seksyen 51A iaitu dokumen yang harus dikemukakan. Dokumen yang harus dikemukakan bukan sahaja termasuklah *First Information Report* di bawah seksyen 107 tetapi juga dari segi dokumen-dokumen ataupun *materials* yang mungkin berguna kepada OKT iaitu orang kena tuduh

dan saya rasa ini adalah satu seksyen yang penting kerana sebelum saya balik dari UK dalam tahun 1995, apabila saya membuat peperiksaan *Bar Final*, sebenarnya saya masa itu telah pun dapat tahu bahawa di UK sejak dalam tahun 90-an, sudah wujudnya satu praktis, satu amalan yang mana apabila pihak pendakwa raya menerima dokumen-dokumen ataupun material-material yang dia tidak hendak gunakan tetapi yang berguna kepada pihak pembelaan itu, dia sentiasa akan secara automatik dia memberikan kepada pihak OKT supaya wujudnya satu keadilan yang betul dalam sistem keadilan jenayah dalam negara kita, *criminal justice system*.

Ia selalunya merupakan satu praktis *disclosure of unused materials*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa dengan wujudnya seksyen 51A ini, ia telah pun setanding dengan apa yang dilaksanakan ataupun diamalkan di UK semenjak tahun 90-an.

Di bawah seksyen 113 yang telah pun dimansuhkan dan juga seksyen 115 yang telah pun dimansuhkan, saya ucapkan tahniah juga kepada Jawatankuasa kerana seksyen 113 *statement* iaitu *cautioned statement*, percakapan beramaran dan juga seksyen 115 iaitu percakapan beramaran yang diambil oleh majistret sebenarnya sentiasa dicabar oleh peguam-peguam dalam apa-apa jenis kes-kes jenayah dan kebanyakan masa itu cabaran itu telah pun dibenarkan oleh pihak mahkamah.

Jadi saya rasa ini adalah satu perkembangan yang positif di samping kita menyingkirkan apa-apa unsur yang akan memihak kepada pendakwa raya dengan tidak adil dan pada masa yang sama kita dapat memastikan bahawa pembelaan itu sentiasa tidak akan terpesong dan juga mereka boleh memberikan penekanan yang sewajarnya daripada kes-kes permulaan sesuatu kes itu.

Di samping itu seksyen 173 dan 180 itu telah pun diberikan satu penekanan iaitu apabila tamatnya kes pendakwa raya, maka mestilah wujudnya satu keadaan yang mana jika tidak silap saya, ungkapan itu adalah satu ungkapan yang diberikan oleh Lord Devlin jika tidak silap saya iaitu *prima facie case is made up against the accused where the prosecution has adduced credible evidence proving each ingredient of the offence which if unrebutted or unexplained would warrant a conviction*.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa saya tidak begitu selesa dengan perbezaan antara *maximum evaluation* dan *minimum evaluation* kerana saya sentiasa percaya dalam satu kes jenayah daripada mula sampai habis, sentiasa wujudnya satu *burden of proof* sahaja, satu *quantum of proof* sahaja iaitu *beyond reasonable doubt*, iaitu melampaui keraguan yang munasabah. Saya rasa jika kita menggunakan *maximum evaluation* atau kadangkala menggunakan *minimum evaluation* dan apabila tamatnya kes pendakwa raya, kita menggunakan *minimum evaluation* dan jika pembelaan itu dia memilih untuk tidak memanggil saksi ataupun tidak memanggil kes pembelaan, tiba-tiba kita gunakan *maximum evaluation* bagi set fakta dan juga keterangan yang sama.

Jadi saya rasa kita tidak sepatutnya mengelirukan konsep *quantum of proof* ini iaitu tidak kira apakah jenis *evaluation* yang dia kena pakai tetapi daripada mula sampai habisnya sesuatu kes jenayah itu maka hanya satu *test* sahaja, satu ujian sahaja iaitu *quantum of proof*.

Kuantum keterangan itu haruslah sentiasa *beyond reasonable doubt* dan ini merupakan *pillar of our criminal justice system* Tuan Yang di-Pertua, *pillar of our criminal justice system* yang selama ini dalam undang-undang Komanwel ini kita begitu bangga.

Tuan Yang di-Pertua, selanjutnya sedikit lagi ke atas seksyen 293 dan juga seksyen 295A yang dicadangkan. Saya rasa ini adalah satu cadangan pindaan yang cukup baik kerana dari segi jatuh hukum, dari segi polisi jatuh hukum. Nampaknya kita tidak semata-mata menghantar mereka ke dalam penjara semata-mata kerana pada masa yang sama, opsyen ataupun pilihan telah pun diberikan kepada mahkamah supaya mereka boleh mengenakan khidmat masyarakat iaitu *community service*, khidmat masyarakat tidak lebih 240 jam ke atas pesalah-pesalah ini dan saya rasa ini adalah penting kerana satu dasar jatuh hukum bukan semata-mata menghantar mereka ke dalam penjara tetapi pada masa yang sama kita haruslah mengenakan satu proses pemulihan bagi pesalah-pesalah itu supaya mereka diberi peluang untuk *turn over new leave* dengan izin supaya mereka dapat bertaubat, insaf dan mereka diberi satu peluang supaya mereka dapat balik ke dalam

masyarakat kita untuk terus memberikan khidmat dan juga sumbangan tenaga mereka kepada masyarakat ini.

Saya juga rasa satu jadual yang ketiga jika tidak silap saya *under section 20A* yang telah menyebabkan wujudkan jadual ketiga iaitu satu saya rasa satu cadangan yang berbangkit daripada laporan Suruhanjaya, *cause by in foremost incident* iaitu ketuk ketampi dan saya rasa laporan suruhanjaya yang kedua yang diketuai oleh Yang Amat Berbahagia Tun Mohd Zaidin itu, *the number two* laporan telah pun hampir-hampir diberikan kemasukannya iaitu di *the introduction almost stock and barrel* kerana wujudnya satu keadaan yang mana *searchers* dalam negara kita wujudnya empat jenis iaitu *pat down search, strip search, intimate search and intrusive search*.

Saya rasa ini adalah satu perkara yang baik, satu perkembangan yang positif ke arah bukan sahaja keadilan sosial tetapi juga ke arah pembangunan negara kita kerana saya rasa pemikiran sivik yang maju dan moden haruslah kita ada ke arah kemakmuran negara kita yang tidak terhingga. Saya juga *very impress* dengan izin, apabila Jawatankuasa Pilihan Khas ini dengan begitu berhati-hati sekali apabila mereka memberikan komen ke atas *strip search* ini yang menyatakan ia bukanlah *strip search all together* bukan berbogel, strip search tetapi meninggalkan sebahagian pakaian ke atas orang yang kena *strip search* tersebut.

Dengan kata-kata itu Tuan Yang di-Pertua, saya rasa apa yang kita ada pada petang ini sebenarnya merupakan satu seolah-olah satu *overhaul* ke atas undang-undang kanun keseksaan dan juga kanun tatacara jenayah dalam negara kita. Saya ingin mengucapkan penghargaan saya kepada Jawatankuasa ini atas usaha yang telah baik yang dicurahkan dan masa telah pun dicurahkan dan dalam negara kita, dalam semua cadangan pindaan tidak mungkin

Tuan Yang di-Pertua, susah kita dapat cari seorang atau dalam satu keadaan yang mana semuanya gembira dengan satu cadangan yang telah pun dilakukan tetapi mungkin apabila saya baca, kadangkala gembira, kadangkala beberapa tempat itu dukacita sedikit tetapi daripada hasil bersih itu, secara umumnya saya berasa gembira dengan berkat usaha yang telah pun dicurahkan oleh Jawatankuasa Pilihan Khas ini.

Sekian. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Muar, tetapi sebelum ini Yang Berhormat Muar saya sebagaimana yang telah saya janji sama Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor tentang Peraturan Mesyuarat 36(12) berhubung dengan perkataan "*Mengelirukan Dewan*" itu ingin saya maklumkan sebenarnya pindaan tersebut telah dipersetujui oleh Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat dan Laporan Penyata Jawatankuasa itu telah dikemukakan dan diterima oleh

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Bahas!...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat ini bahas tidak bahas itu lain cerita, telah diterima jadi ini saya fikir isu ini tidak timbul pada setakat masa ini. Sudah diterima dibincangkan dalam jawatankuasa Peraturan Mesyuarat diterima dan penyata dibentangkan di Dewan yang mulia ini dan akhirnya penyata itu diterima. Inilah yang dapat saya maklumkan kepada Yang Berhormat. Yang Berhormat sila.

4.46 ptg.

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi rasa penghargaan, syabas dan tahniah kepada jawatankuasa yang telah dibentuk di Parlimen ini yang akhirnya dapat kita lihat satu laporan yang cukup baik, teliti. Dan pada saya yang lebih penting, jawatankuasa telah memberi peluang yang seluas-luasnya untuk seluruh lapisan masyarakat untuk terlibat dalam menyatakan pandangan mereka tentang cara bagaimana untuk kita menambah baik sistem perundangan negara terutama dalam hal-hal berkaitan Kanun Keseksaan dan Kanun Tatacara Jenayah.

Saya percaya di Dewan ini apabila kita menggubal atau membina satu undang-undang sama ada undang-undang yang baru atau pindaan kepada rang undang-undang yang sedia ada. Kita tidak hanya melihat kepada cara bagaimana kita untuk menghukum pesalah atau untuk menghukum semata-mata. Tetapi kita di Dewan ini melihat bagaimana kita boleh mengurus perjalanan sesebuah masyarakat dan negara dalam keadaan yang stabil dan baik. Dalam masa yang sama bagaimana kita boleh menambahbaikkan kualiti kehidupan supaya kita dapat mengekalkan kesejahteraan, kedamaian dan kemakmuran dalam masyarakat. Sudah tentu apabila kita berubah dari satu negara yang kurang maju kepada negara yang membangun dan akhirnya kepada sebuah negara maju, maka kita terpaksa berhadapan dengan masalah pembangunan yang akhirnya menjejaskan kualiti kehidupan keluarga, kualiti kehidupan masyarakat yang juga disumbang oleh masalah gejala sosial di kalangan masyarakat yang ada. Sebab itu hari ini apabila saya lihat teliti laporan yang cukup panjang ini saya begitu bangga kerana semua pihak pada saya telah menyatakan pandangan, harapan yang hendak kita capai sebenarnya sama, cuma kaedah pendekatan yang mungkin sedikit berbeza.

Dua, tiga Yang Berhormat telah bercakap sebelum saya menyentuh tentang perkara yang disebut sebagai *marital rape* yang mungkin menjadi perdebatan hangat dalam pindaan yang ada, walaupun dalam kanun keseksaan yang dicadangkan untuk pindaan dan kanun acara jenayah juga menyebut tentang kes ragut, tentang keganasan pengganas dan juga rompak pecah rumah siang dan malam tetapi saya nampak isu rogol ini merupakan perkara yang hangat dan kita tahu setiap tahun kadar jenayah rogol semakin meningkat sama ada mereka yang berada dalam kuasa atau dipengaruhi oleh kuasa atau mereka yang sememangnya gila terhadap seks sehingga sanggup melakukan jenayah rogol kepada anak-anak kecil yang banyak kita tahu.

Namun begitu pada saya apa yang lebih penting, walaupun dicatatkan rekod jenayah rogol ini tinggi, ada banyak perkara seumpamanya tidak dilaporkan dan ini membimbangkan kita. Sebab itu dalam kes *marital rape*, saya bermula dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya ada sedikit kegusaran apabila kita menerima *marital rape* ini seperti banyak pihak bersetuju untuk dimasukkan saya bersama dengan pihak jawatankuasa yang mana tidak perlu kita masukkan tetapi kita perlu membezakan kerana dalam setiap lelaki ada kehidupan wanita di samping mereka, sama ada isteri, emak, anak dan kita tidak mahu perkara yang sama berlaku, cuma saya khuatir apabila dimasukkan *marital rape* ini, ia akan menjadi punca sebab, alasan untuk memohon kepada penceraian. Seperti yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Larut, apabila seorang isteri melaporkan kepada pihak berkuasa bahawa dianya dirogol, maka kehidupan, keharmonian keluarga tersebut tidak lagi wujud.

Kita tahu ada banyak perkara yang membolehkan tuntutan penceraian daripada pihak wanita, isteri kepada suami tetapi kita tidak mahu perkara ini dijadikan sebagai salah satu alasan tambahan. Seperti yang sudah disebut banyak kali, untuk menjelaskan pada ketika di mana *marital rape* ini berlaku, agak sukar untuk diterima dalam satu rang undang-undang.

Walau bagaimanapun, saya secara peribadi melihat keadaan berlaku di mana suami menggunakan kekerasan kepada isteri perlu dilihat dan perkara ini boleh kita mantapkan dalam keganasan rumah tangga dan tidak perlu kita kategorikan sebagai *marital rape* walaupun ada negara lain menerima sebagai satu kesalahan rogol. Yang ini perlu dilihat oleh kerajaan, bagaimana caranya kita boleh melihat kes-kes yang kita dengar suami menggunakan kekerasan walau pun isteri berada dalam kesakitan.

Isteri baru sahaja selesai pembedahan sebab naluri lelaki dengan wanita ini cukup berbeza, semua orang tahu yang itu. Tetapi saya tidak boleh setuju apabila seorang lelaki, suami berkehendakkan perhubungannya seks dengan isteri dalam keadaan isterinya dalam keadaan tidak sihat. Mana-mana agama tidak setuju hal ini. Tetapi tidaklah boleh kita panggil itu *marital rape*.

Tetapi *domestic violence* dengan izin, kekerasan domestik perlu kita mantapkan bagaimana kita membolehkan seorang isteri dianiaya sehingga berlaku musibah yang lebih besar kepada kesihatan kepada kedudukan mereka. Apabila suami menggunakan keganasan sehingga sampai ke tahap boleh membawa kematian, pada saya itu sudah soal lain dan kita ada undang-undang lain yang membolehkan seorang isteri membuat laporan.

Saya khawatir apabila dibuat perdebatan secara terbuka tentang *marital rape*, objektif, kita untuk mencapai untuk menahan mereka yang rakus dari segi kehendak seks ini tidak dapat kita capai. Sebab itu saya lihat Jawatankuasa telah menimbang untuk meringankan hukuman walaupun ada pihak yang tidak bersetuju dengan ini, saya dengan secara peribadi bersetuju supaya mereka-mereka yang dirogol dapat tampil ke hadapan kerana mereka tahu...

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]: Penjelasan. Yang Berhormat, merujuk kepada perlunya kita mengambil kira hal-hal kekerasan tadi, yang disebut tadi sebagai *domestic violence* dan perlu diambil tindakan seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat walaupun Yang Berhormat tidak bersetuju ia digunakan sebagai satu *marital rape*. Masalah yang dihadapi di negara kita ialah *domestic violence* atau pun kekerasan tadi, jika ianya tidak menjadi satu kesalahan di bawah *Penal Code* di bawah Kanun Keseksaan, maka tidak berkesanlah tindakan yang akan diambil kerana penyalahgunaan itu yang disebutkan tadi, kekerasan itu mestilah, minta maaf Tuan Yang di-Pertua.....[*Bunyi telefon bimbit*] Maksud saya kerana *Domestic Violence Act* ini, kesalahan-kesalahan yang ada dalam *domestic violence* hari ini tidak semestinya ada di bawah *Penal Code* itu yang menjadi masalah. Jadi Yang Berhormat bersetujukah bahawa perkara-perkara yang disebutkan tadi itu dimasukkan di bawah *Penal Code* supaya tindakan yang lebih berkesan dapat diambil.

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kota Bharu. Dia ada dua perkara di sini, yang pertama kekerasan dan keganasan yang dilakukan dan yang kedua istilah rogol itu tadi. Apabila kita kata rogol, saya rasa Yang Berhormat Menteri telah memberi penjelasan, definisi rogol, *consent*, kerelaan dan sebagainya. Dan kita tahu hari ini lebih daripada 80 peratus kes-kes rogol, mangsa mengenali perogol. Maknanya yang merogol ini bukan orang asing kepada mangsa. Sama ada teman lelakinya, sama ada bapa saudaranya, sama ada tahanan kepada polis, sama ada pesakit dengan doktor, pesakit dengan bomoh dan sebagainya.

Sebab itu kalau kita namakan isteri dirogol oleh suami, dia memberi satu pengertian yang cukup berbeza dengan *domestic violence* dengan izin. Sebab itu ada peruntukkan-peruntukkan di dalam undang-undang kita sebagai contoh kita ada "*assault*", "*battery*", kita ada jenayah-jenayah yang begini yang boleh kita ambil tindakan, cumanya dalam apa yang kita bincangkan hari ini, dia bukan setakat berlaku penderaan, pemukulan, tetapi melibatkan seks. Melibatkan perhubungan antara lelaki dan wanita. Sebab itu saya mohon supaya kerajaan dapat membuat sedikit pendekatan dalam *domestic violence* dengan izin untuk kita memasukkan elemen perlakuan seks melampau ini atau seks yang membawa kecederaan ini dalam hubungan suami dan isteri, supaya kita tidak memanggil perlakuan itu sebagai rogol. Kerana istilah rogol ini membawa perkara yang berbeza dalam hubungan suami dan isteri.

Sebab itu di awal tadi Yang Berhormat, saya ada menyebut bahawa kita tidak mahu hanya kerana ingin mahukan perpisahan atau penceraian, isteri menggunakan istilah dia dirogol, membuat dakwaan kepada suaminya sebab hubungan antara suami isteri itu akan hancur dan musnah apabila isteri mengemukakan laporan bahawa dirinya dirogol.

Adakah kita boleh menerima selepas laporan di bawa ke mahkamah, tuduhan suami itu merogol saya, akhirnya didapati bersalah atau tidak pasangan ini akan masih hidup sebagai suami dan isteri. Jadi perkara ini perlu kita bezakan, sebab itu saya tidak menolak kenyataan di mana...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Ampang.

Dr. Rozaidah binti Talib [Ampang]: Terima kasih. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat bagi Muar selaku pengamal undang-undang. Apakah bezanya jika seorang itu mengadu bahawa dia adalah mangsa rogol suami dengan apa bezanya jika dia mengadu dia adalah mangsa keganasan rumah tangga akibat perbuatan suami? Dan implikasinya dari segi undang-undang?

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Beza dari segi perbicaraan itu nanti, kita kena menunjukkan bukti, *the burden of proof* apabila berlaku keganasan, maknanya perlakuan seks melampau kita perlu menunjukkan bukti. Apabila hanya melibatkan *consent*, mungkin

tidak berlaku apa-apa keganasan cuma kerana dia tidak mahu. Kerana isteri tidak mahu tetapi tidak ada keganasan lain, bagaimana kita hendak membezakan dari segi keterangan, apakah tidak mahu itu dianggap sebagai rogol tetapi kalau kekerasan sudah tentu ada kesan kepada kekerasan.

Maknanya ada kecederaan. Maknanya sebagai contoh, Yang Berhormat bagi Ampang pun diberi tahu ada kes isteri baru selepas pembedahan - *caesarean*, malam itu juga suami dia hendak. Itu kita boleh anggap sebagai satu perbuatan yang melampau yang pada saya merupakan *domestic violence* kepada isteri. Tetapi kalau hanya *consent*, tidak diberikan dan dianggap rogol, di mana kita letak tahap membolehkan penceraian itu berlaku selepas kes-kes itu didengar. Sebab tidak ada berlaku kekerasan. Sebab itu pada saya, saya tidak boleh terima ada lelaki mengambil kesempatan di atas kuasa dan kekuatan mereka untuk melakukan kekerasan kepada isteri. Kepada orang di bawah jagaan yang dipertanggungjawabkan oleh Allah S.W.T. untuk dibela. Tetapi kalau hanya tidak mahu, saya rasa itu satu perkara yang sedikit berbeza.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Hulu Langat.

Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat sahabat saya dari Muar. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat terutama sekali berkenaan dengan persetujuan atau kerelaan atau dalam bahasa Inggerisnya *consent*, itu tadi. Sebab itu adalah perkara utama dalam menentukan sama ada ianya rogol atau hubungan jantina suami isteri yang biasa.

Di dalam kes rogol yang pesir, rogol biasa. Perkara-perkara *circumstance*, perkara-perkara persekitaran, seperti mangsa ini dibawa ke satu tempat masih dengan *consent*, masuk dalam bilik hotel masih dengan *consent*, baring masih dengan *consent*. Yang pentingnya, *consent* itu adalah ketika *penetration*.

Tetapi dalam hubungan suami isteri, yang kita nak bawa ini, *marital rape* ini, *circumstantial evidence* itu sungguh sukar kerana mereka bukan sahaja, kadang-kadang balik kerja sama dalam satu kereta, masuk bilik, masuk rumah, juga *consent*, sama. Masuk bilik, kadang-kadang mungkin boleh mandi secara bersama, tetapi ketika *penetration* itu, kemasukan itu, dia tak ada persetujuan. Ini menunjukkan bahawa betapa sukarnya untuk pembuktian *marital rape* ini, rogol ketika hubungan suami isteri.

Jadi saya ingin mendapat penjelasan Yang Berhormat kalau rakan-rakan kita yang ingin meminda Akta Kanun Keseksaan ini dan memasukkan jenayah ini sebagai satu jenayah di bawah Kanun Keseksaan, bukankah ia memberi terlalu banyak kelonggaran, kesukaran dan akhirnya, apabila penyiasatan dibuat, aduan dibuat. Sehingga satu ketika nanti kita akan dapati *zero conviction*, kosong. Tak ada langsung satu sabitan. Adakah golongan ini nanti akan menyatakan bahawa undang-undang tidak berlaku adil kepada mereka. Tidak berlaku adil kepada pengadu dan akibatnya, kepercayaan kepada sistem perundangan di negara ini makin menurun.

Sila Yang Berhormat. Terima kasih.

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Hulu Langat kerana memberi satu perspektif yang cukup menarik yang pada saya membantu kepada hujah-hujah yang cuba saya sampaikan. Sebab itu di awal tadi Tuan Yang di-Pertua, saya menyatakan dalam kita meluluskan satu undang-undang, dalam kita membahaskan satu rang undang-undang, kita kena melihat supaya itu undang-undang itu akhirnya dapat menepati sasaran. Kita bukan hanya untuk menghukum penjenayah-penjenayah tetapi kita perlu menjaga kestabilan masyarakat, kita perlu menjaga keharmonian masyarakat. Kita tidak nampak kesan kepada ini kerana ia belum lagi dilakukan.

Tetapi saya yakin, seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat bagi Hulu Langat, kalau benda ini diteruskan untuk dilaksanakan, dia akan sedikit sebanyak mengganggu gugat struktur masyarakat yang sedia ada. Tetapi akhirnya, hasrat kita untuk mengambil tindakan kepada suami-suami yang menganiaya isteri ini tidak tercapai. Sebab itu pada saya, saya sepenuhnya dengan pejuang-pejuang kepada lelaki yang mengambil

kesempatan kepada isteri. Kepada yang menganiaya isteri, saya tidak bersetuju langsung dengan tindakan. Walaupun kita ada naluri, kita ada kehendak, tetapi kita ada had dan batasan. Islam suruh kita sayang-menyayangi di antara suami dan isteri. Tetapi tak semua orang boleh buat sayang-menyayangi bila tiba soal seks ini. Sebab kehendak dan naluri itu berbeza. Tetapi pada saya yang lebih penting, yang pertama kita kena menyelesaikan masalah suami yang mengambil kesempatan menganiaya isteri. Itu kita kena capai. Dalam masa yang sama kita juga tidak mahu *fabric* masyarakat yang sedia ada ini akan terganggu gugat hanya kerana kita meluluskan satu undang-undang yang boleh diambil kesempatan pula oleh orang-orang lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat bagi Muar. Walaupun saya hormati pandangan Yang Berhormat dari Muar, tetapi saya tidak bersetuju dengan pandangannya bahawa isteri akan mengambil kesempatan undang-undang ini untuk memohon perceraian dan juga saya tidak bersetuju bahawa kelulusan undang-undang ini akan menyebabkan ketidakstabilan. Kalau itu berlaku, bukannya kerana undang-undang ini. Saya rasa ialah kerana rumah tangga itu pun sudah tidak stabil pada waktu itu dan itu mungkin adalah *the last draw* untuk isteri bertahan lagi.

Jadi saya rasa, kita perlu melihat dari fikiran yang baru di mana kalau kita bersetuju bahawa semua manusia tak kira lelaki atau perempuan, mereka adalah umah, mereka adalah ciptaan Tuhan. Jadi mereka ada hak yang sama dan mereka mesti dihormati. Jadi, mungkin dalam sejarah bahawa isteri dilihat sebagai seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Kota Bharu, dilihat sebagai harta benda kepada suami dan suami boleh berbuat apa sahaja kepada dia. Tetapi dalam zaman ini, saya rasa Yang Berhormat bagi Muar pun setuju bahawa kita tak boleh mengadakan pandangan seperti itu. Kita tak boleh memandang bahawa wanita itu adalah harta benda kepada lelaki atau suaminya. Jadi, apa salahnya kalau kita mengadakan, meng~~criminal~~kan *marital rape* ini. Saya rasa kita boleh memartabatkan lagi kedudukan wanita dan mempromosi konsep ataupun fikiran keseksamaan gender. Apakah pandangan Yang Berhormat bagi Muar?

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam berfikir bahawa semua orang ini baik. Kalau semua orang ini baik, maka saya rasa kita tak perlukan undang-undang untuk menghukum pun. Mana Yang Berhormat tahu orang tak akan ambil kesempatan? Kalau pun betul Yang Berhormat bagi Kota Bharu sebut, isteri hak suami, pada saya, saya kena setuju. Dalam agama saya, begitu dikatakan. Tetapi dia tak suruh kita dera, dia tak suruh kita menzalimi isteri. Tetapi hak itu memang ada. Sebab itu, dalam kita memasukkan ini, untuk mengatakan tidak diambil kesempatan, kita tidak tahu apa yang akan berlaku.

Ada banyak peruntukan undang-undang yang memberi hak kepada rakyat, yang boleh digunakan jika kita ingin ambil kesempatan. Tetapi terserah kepada kita. Kalau kita harap kita baik, semua orang baik, *insya-Allah* semua jadi baik. Tetapi kalau memberi ruang. Sebab itu saya katakan tadi, bila kita mengadakan satu *clause* dengan izin, yang mengatakan keengganan isteri melakukan hubungan seks dengan suami dikatakan rogol, benda ini boleh dijadikan sebagai alasan.

Sebagai contoh, seperti yang Jawatankuasa mencadangkan dalam seksyen 375, mengenai penggunaan kuasa kepada mereka yang berkuasa kepada orang di bawahnya. Ini juga boleh diperbahaskan sebenarnya, kerana hari ini, suka atau tidak suka, ada segelintir masyarakat mengejarkan kemewahan dan kebendaan. Apa kata seorang setiausaha kepada seorang pengarah urusan yang kaya, keluar bersama-sama.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: [Bangun].

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Bera.

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Keluar bersama-sama. Saya habiskan dahulu cerita ini. Sikit sahaja. Keluar bersama-sama, sudah tentu yang pengarah urusan ini, orang Islam boleh kahwin lebih daripada satu, dia pun cuba sebab dia nak hidup mewah. Tetapi apabila hubungan itu tidak menjadi serasi, menggunakan *clause* ini, mengatakan

saya ini setiausaha, dia ini *boss* saya. Dia minta melakukan perhubungan, maka saya setuju. Tetapi saya tak bagi kerelaan. Ini juga boleh digunakan sebagai alasan.

Sebab itu saya kata tadi, perkara-perkara yang kita buat ini, hendaklah berlaku adil kepada semua. Seperti hubungan suami dan isteri, begitu juga hubungan antara majikan dan pekerja. Macam mana kita nak tahu bahawa seorang kaya ini hadap sangat atau nak sangat rogol setiausahanya walhal, dia ada kemampuan yang lebih dari itu. Jadi, perkara ini perlu kita imbangi. Sebab itu dalam kita meluluskan satu undang-undang, kita kena mengambil kira bahawa semua ini akan menjadi adil kepada semua pihak yang berkepentingan. Tidak boleh melihat hanya kerana isteri itu tidak mahu, kita adakan satu klausa mengatakan dia dirogol.

Jadi saya ingin satu lagi sebelum saya beri Yang Berhormat bagi Bera. Apabila Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam mengatakan kita perlu memberi penghormatan kepada wanita, saya ingin perjelaskan selama ini pun kita memberi penghormatan dan hormat. Malahan saya ingin berterima kasih kepada kaum wanita dalam banyak hal, soal rumah tangga, memang saya serah bulat-bulat kepada isteri saya. Maknanya saya beri penghormatan. Tetapi tak semua orang begitu. Ada orang yang berfikiran berbeza. Tidak memberi nafkah yang sesuai. Melakukan kekejaman, kekerasan dan bagaimana kita nak memantau supaya perlakuan ini dapat dihentikan dalam tidak merubah kepada *fabric* masyarakat yang saya sebutkan tadi. Yang Berhormat bagi Bera.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya cuma nak mendapatkan penjelasan. Ramai yang menganggap seksyen ini adalah *marital rape*. Rogol suami kepada isteri. Tetapi saya tak jelas, tak nampak yang seksyen *marital rape*. Sebab apa saya lihat dalam seksyen ini, dia mengutamakan mengenai kecederaan yang dialami oleh isteri. Hukuman yang dikenakan apabila suami mencederakan isteri. Saya jelas, yang saya nampak seperti itu dan saya takut oleh sebab kita menyebut tentang kecederaan dan sebagainya. Kalau ada paksaan yang tidak melibatkan kecederaan, bagaimana seksyen ini boleh digunakan?

Kalau kita lihat tujuan seksyen ini adalah untuk melindungi isteri seperti Yang Berhormat cakap tadi dalam keadaan isteri yang tidak mampu mengadakan hubungan seks dengan suami. Kalau ada kecederaan, ya seksyen ini boleh digunakan. Tapi bagaimana kalau ada paksaan tapi gagal dibuktikan ada kecederaan. Saya rasa seksyen ini mungkin tidak dapat melindungi isteri-isteri yang dipaksa mengadakan hubungan seks tapi gagal untuk membuktikan adanya kecederaan. Itu senario yang pertama. Itu senario untuk melindungi wanita.

Sekarang saya hendak tanya senario untuk lelaki pula. Dalam Islam isteri dalam keadaan yang sihat dalam keadaan yang biasa mesti akur kepada kehendak suami di dalam hubungan seks. Saya kalau tidak nampak muka Yang Berhormat ini tidak saya tidak boleh bercakap. Boleh ke belakang sedikit? *Okay*. Ini senario yang kedua, di dalam keadaan isteri misalnya ada yang tidak jujur dan ada yang jujur.

Dalam keadaan isteri yang tidak jujur kepada suami yang mempunyai hubungan dengan lelaki lain dan apabila diminta oleh suami untuk mengadakan hubungan seks tidak mahu mengadakan hubungan dengan suami yang jelas salah dan akibatnya berlaku pergaduhan yang menyebabkan kecederaan isteri. Jika seksyen ini digunakan bermakna si suami boleh dipenjarakan sehingga lima tahun. Ini juga penganiayaan juga kepada suami. Jadi dua tadi kerana seksyen ini perlu melindungi dua pihak sebenarnya suami dan isteri. Adakah seksyen ini mampu untuk melindungi kedua-dua pihak.

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Yang pertama saya pun keliru Yang Berhormat bagi Bera ini sebenarnya yang mana satu dia hendak sebab dia bagi dua senario yang kedua-dua berbeza. Yang saya boleh simpulkan Yang Berhormat bagi Bera ini dengan izin, *devil advocates*. Dia cuba untuk bertanya saya di mana pendirian saya. sebab beliau dalam keadaan bersetuju tapi tidak bersetuju. Tapi tidak apa, saya terima persoalan Yang Berhormat bagi Bera bangkitkan.

Sebab itu saya katakan tadi dari awal saya katakan bahawa kita tidak boleh berlaku tidak adil kepada salah satu pihak. Kita kena imbangi. Saya setuju dengan senario kedua. Jangan kata dia ada hubungan dengan orang lain sehingga dia tidak ada lagi nafsu

dengan suaminya yang boleh dijadikan alasan untuk mengatakan dia melakukan hubungan secara tidak rela. Saya setuju. Jangan kata yang itu. Katakan dia tidak mahu sebab dia penat pun di mana lelaki ini adalah suaminya apa yang dia boleh buat kalau ini kita angap sebagai paksaan. Tetapi saya ingin jelaskan perkara yang disebut tadi tidak dimasukkan di dalam cadangan Jawatankuasa. Ia hanya dibangkitkan apabila dibuat satu pendengaran umum perkara-perkara yang dibangkitkan oleh mereka yang terlibat untuk memasukkan pengertian *marital rape* dalam kanun yang cuba kita pinda yang mana Jawatankuasa melihat setelah mengimbangi pemikiran semua pihak menolak perkara tersebut.

Sebab itu saya di sini untuk menyokong tapi dalam masa yang sama kita kena melihat orang-orang yang bangkit menyuarakan perkara ini sebenarnya memikirkan perkara ini perlu dihentikan. Bagaimana? Adakah kita terpaksa melanggar? Adakah kita terpaksa tidak bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Kota Bharu bila mengatakan isteri itu hak suami? Adakah kita perlu mengubah konsep-konsep ini? Adakah kita telah merujuk kepada Majlis Fatwa? Sebab perkara-perkara ini berkaitan. Tidak bermakna perkara yang boleh dilakukan di negara-negara maju boleh dilakukan di negara kita.

Pada saya yang lebih penting adalah bagaimana kita dapat mencapai atau mengurangkan atau memberi ruang untuk orang-orang ini bangkit memberitahu kepada pihak berkuasa bahawa dia sebenarnya dianiaya. Saya dari awal saya bersetuju penganiayaan ini perlu dihentikan tetapi bukan dengan memasukkan perkataan *marital rape* dalam pindaan kanun keseksaan yang cuba kita bahaskan pada hari ini yang tidak dimasukkan oleh Jawatankuasa pun. Tetapi dalam masa yang sama bagaimana kita boleh memastikan kes-kes yang melibatkan kekejaman dan kekerasan kepada kaum isteri ini dapat kita hentikan supaya....

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Muar. Saya hanya hendak tanya pandangan Yang Berhormat bagi Muar tentang satu keadaan. Sepasang suami isteri yang gagal untuk bercerai mungkin kerana faktor agama, budaya atau alasan lain ataupun mungkin dalam proses penceraian yang mungkin suami itu telah pun menghilangkan diri satu atau dua tahun tiba-tiba dia balik dia pukul anak, minta wang daripada isteri dan selepas itu mahu mengadakan hubungan seks dengan isterinya dan isterinya tentu menolak dan enggan untuk mengadakan hubungan seks dengannya.

Jadi dalam keadaan seperti ini kalau isteri itu membuat laporan ke balai polis, polis akan mengatakan ini adalah masalah rumah tangga. Jadi selalunya kalau kita tidak ada apa-apa Fasal dalam kanun keseksaan kita untuk menangani isu seperti ini jadi si isteri itu yang susah. Dia tidak dapat membuat aduan kepada pihak polis yang dia sebenarnya dirogol oleh suaminya. Jadi dalam keadaan macam ini apakah pandangan Yang Berhormat bagi Muar, adakah isteri itu patut mengikut kepada kehendak seks suaminya yang berbuat demikian ataupun perlukan kita menjaga wanita yang dalam keadaan ini dengan mengadakan Fasal seperti *marital rape*.

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Kalau ada kes ini berlaku dua tahun ditinggalkan suami suruh si isteri datang jumpa saya. Dalam agama Islam sebelum akad nikah itu dilangsungkan si suami ada diminta untuk menandatangani sama ada apa yang dipanggil taklik, khuluk, fasakh dan sebagainya. Apabila suami gagal memberikan nafkah dalam tempoh tertentu dia boleh mohon kepada pejabat agama Islam untuk bercerai. Tetapi kalau dua tahun ditinggalkan masih tunggu juga suami balik untuk melakukan hubungan seks maka pada saya isteri ini tidak tahu haknya. Perkara ini boleh dibuat. Memang betul dalam agama Islam, saya cakap dari segi agama Islam....

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Kalau bukan Islam macam mana?

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Saya rasa dari segi undang-undang..., itu persoalanlah itu walaupun dia tidak bangun. Saya cakap fasal Islam itu maknanya ada hak tanggungjawab yang perlu dilaksanakan ditunaikan oleh suami kepada isteri. Perkahwinan bukan semata-mata untuk melakukan seks sahaja. Ada banyak perkara lain yang perlu kita tangani yang perlu kita laksanakan. Sebab itu hari ini kita tengok dalam mana-mana

perkahwinan apabila berlaku perceraian hari ini isteri mendapat satu imbuhan yang lebih baik daripada kalau suaminya meninggal.

Kita tengok banyak kes kalau berlaku perceraian harta sepencarian yang isteri dapat lebih banyak daripada kalau suami itu meninggal diberi secara faraid kadang-kadang anak dapat lebih bergantung kepada jumlah anak yang ada. Jadi ramai wanita hari ini dia sanggup bercerai awal supaya dia dapat tuntutan di mahkamah untuk harta sepencarian lebih. Dia tahu pula hak dia. Kenapa apabila ditinggalkan suami dia tidak pergi mahkamah untuk minta perceraian. Suami sudah lari dua tahun. Tidak payah agama Islam, mana-mana agama pun dia boleh mohon. Pergilah mahkamah, pergilah minta untuk perceraian. Daftarkan sahaja.

Tetapi pada saya apabila kita mencari masalah-masalah ini untuk membolehkan satu perkara yang baru yang boleh menjejaskan kepada struktur masyarakat itu yang saya tidak berapa setuju. Sebab itu saya bersama Jawatankuasa untuk kita berpendirian tegas tetapi memberi penjelasan bahawa kita tidak sama sekali bersetuju dengan keganasan rumah tangga tetapi kita tidak boleh menerima kerana untuk memasukkan *marital rape* dalam Kanun Keseksaan ini boleh memberi implikasi kesan kepada masyarakat...

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: *[Bangun]*

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Sebab itu pada saya Tuan Yang di-Pertua saya hendak beralih daripada tajuk *marital rape* ini kalau.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Petra Jaya.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Muar. Jadi beralih kepada topik Yang Berhormat bagi Muar bawakan tadi apa yang telah dicadangkan oleh Jawatankuasa ialah seksyen 375A iaitu untuk kita memfokuskan daripada *marital rape* kepada elemen-elemen yang membawa kepada kecederaan ataupun ketakutan kepada isteri yang boleh membawa kepada kematian, ugutan-ugutan yang berbentuk kematian ataupun kecederaan.

Jadi saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Muar bahawa kita sepatutnya memfokuskan lebih kepada seksyen 375A supaya ianya diperkasakan untuk kita melindungi penganiayaan terhadap isteri dan bukannya persoalannya rogol sebab rogol *marital rape* seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Hulu Langat tadi amat susah untuk kita buktikan. Susah sebabkan kerelaan itu tadi. Elemen-elemen kerelaan.

Malahan kes-kes rogol yang ada sekarang ini banyak terlepas disebabkan susah untuk membuktikan kerelaan. Jadi di sinilah yang saya rasa saya berkongsi pandangan dengan Yang Berhormat bagi Muar dan kalau dapat kita perbaiki lagi dan kita lihat kepada konteks penganiayaan ini tadi. Terima kasih.

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Saya bersetuju dan saya harap pihak kerajaan semasa menggulung perbincangan Rang Undang-undang ini nanti dapat memberikan kita satu statistik di mana kes-kes yang melibatkan perkara-perkara sebegini dapat dikemukakan kepada Dewan agar kita tahu bahawa selama ini pun kerajaan bersama dengan kita semua untuk mengurangkan jenayah keluarga.

Dalam masa yang sama kita nak menyelesaikan masalah rogol yang berlaku di luar sana. Sebab itu kita tidak boleh terbelenggu, saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Petra Jaya supaya seksyen yang cuba dimasukkan ini sebenarnya kalau kita baca secara terperinci sebenarnya menerima pandangan daripada *public hearing* yang dilaksanakan tentang bagaimana suami menganiaya isteri secara seksual itu tadi, boleh diambil tindakan. Tetapi tidak mahu kita golongan sebagai *marital rape* kerana salah atau tidak, dapat dibuktikan atau tidak keluarga ini akan musnah.

Kita tidak mahu dalam masa yang sama, unit-unit keluarga dalam masyarakat kita ini musnah hanya kerana satu Rang Undang-undang yang kita luluskan yang boleh diguna pakai yang akhirnya menjejaskan. Kerana kita tahu beban pembuktiannya sukar, kita tahu nak menyabitkan kesalahan ini susah tetapi yang pasti keluarga ini akan terjejas. Mana mungkin saya boleh setuju dalam keadaan kita tahu perkara ini susah hendak disabitkan

tetapi akhirnya memusnahkan masyarakat dan saya bersetuju. Saya tidak mahu terlibat dalam perkara-perkara yang boleh membawa kemusnahan kepada keluarga dan struktur masyarakat.

Perkara seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya nak beralih sebenarnya sebelum saya kehabisan masa ialah mengenai cadangan pindaan di bawah Kanun Tatacara Jenayah khusus kepada seksyen 117. Saya rasa kita mengalu-alukan kemasukan seksyen 28A yang mana sekali lagi Jawatankuasa bertindak dengan penuh rasa tanggungjawab, dengan penuh rasa kesedaran bahawa hak kepada orang yang kena tangkap ini perlu dijaga. Saya mungkin boleh tambah sedikit daripada isu ini di mana penggunaan gari apabila tangkapan dibuat. Kita tahu polis terpaksa menjaga tiga pihak dalam penggunaan gari ini. Yang pertama, keselamatan polis yang membawa orang yang kena tangkap, keselamatan orang ramai dan keselamatan orang yang ditangkap. Tetapi di manakah kedudukan, adakah semua tangkapan yang dibuat ini nanti boleh digari? Adakah semua kesalahan membolehkan pihak polis menggari? Sebab ini perkara yang dibangkitkan oleh mereka-mereka yang memperjuangkan tentang hak asasi manusia dalam masyarakat.

Kita tidak mahu nanti undang-undang yang kita bina ini baik tetapi penyalahgunaan kuasa itu berlaku ataupun persepsi yang digambarkan, yang diberikan kepada masyarakat seolah-olah semua orang yang ditangkap ini boleh digari. Dan isu seperti ini telah pun dibangkitkan banyak kali yang saya rasa pihak kerajaan boleh memberi sedikit perincian kesalahan yang bagaimana, adakah semua? Walaupun tadi telah disebut, kita tahu kenapa perlu digari, kita tidak mahu penjenayah ini lari dan menjejaskan keselamatan orang yang bersebelahan. Tetapi perkara ini perlu diberitahu kepada masyarakat supaya masyarakat tidak lagi dengan sewenang-wenang menyebut bahawa polis menggunakan kekerasan, polis menggunakan budi bicara sehingga melanggar hak asasi, dan perkara ini sebenarnya tidak sihat. Tetapi yang saya ingin masuk tentang ...

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Muar. Saya tertarik dengan hujah Yang Berhormat tadi mengenai bilakah boleh digunakan gari. Sebenarnya kalau kita kata terpulang kepada budi bicara polis, mereka akan membuat persepsi bahawa demi keselamatan anggota yang membawa suspek itu, mereka terpaksa menggari. Tetapi akhirnya mungkin orang itu tidak ada kena mengena, tidak bersabit dengan kesalahan dan dibebaskan begitu. Saya rasa memang susah, bagaimana kita nak membuat satu kriteria supaya pematuhan itu dapat dibuat sepenuhnya. Dan apakah cadangan Yang Berhormat sebagai seorang peguam? Dan bagaimana kita boleh mengklasifikasikan kesalahan ataupun suspek yang boleh digari dan mana yang tidak boleh digari? Dan seksyen manakah yang boleh kita gari, dan yang mana kita tidak boleh?

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Ayer Hitam, saya tidak ada jawapan mudah untuk itu tetapi sebagai awalan. Saya rasa kes-kes melibatkan jenayah keras, berat bolehlah kita gari. Walaupun mereka yang melakukan ataupun suspek yang kita tahu telah melakukan jenayah berulang. Tetapi dalam kes-kes sebagai contoh jenayah kolar biru, ataupun jenayah perdagangan. Saya tidak rasa mereka-mereka yang ditahan di bawah jenayah perdagangan walaupun melibatkan jumlah harta benda kewangan yang besar tetapi saya tidak nampak mereka ini merupakan golongan yang berbahaya kepada polis, berbahaya kepada masyarakat. Apatah lagi dalam kesalahan-kesalahan di mana mereka ini hanyalah suspek dan akhirnya tidak disabitkan bersalah pun tetapi telah digari di peringkat awal. Dan apabila menggari sebagai contoh kenapa saya sebut jenayah kolar biru, apabila kita pergi ke satu syarikat, kita tahu, kita buat, kita gari. Berlaku di hadapan ribuan, atau ratusan, atau puluhan pekerja, atau masuk dalam surat khabar seperti Yang Berhormat bagi Ayer Hitam sebutkan. Akhirnya mereka ini tidak didapati bersalah.

Jadi saya rasa perlu dilakukan sedikit pembetulan, justifikasi kes-kes yang bagaimana yang boleh digari. Kerana di kaca mata masyarakat, apabila digari sahaja, orang ini bersalah walhal ini adalah prosedur polis untuk menjamin keselamatan masyarakat. Tetapi kita tidak boleh salahkan masyarakat, sehingga keselamatan mereka tergugat, mereka akan kata, mereka-mereka yang ditangkap dalam kesalahan-kesalahan begini tidak sepatutnya digari. Walaupun yang lebih ringkas, mereka yang tidak bayar saman ekor, tiba-tiba keluar waran tangkap, polis pun pergi ke rumah, tangkap dan gari. Jadi keluarlah dalam gambar, jiran-jiran sebelah pun nampak seolah-olah mereka ini merupakan

penjenayah besar. Padahal mereka hanya melakukan kesalahan lalu lintas yang mungkin terlepas pandang. Dalam kes yang sengaja tidak mahu bayar ini saya tak nak sentuh, ini kes yang terlepas pandang, ada 100 saman, dapat bayar 99, yang satu ini tidak dapat sebab pindah rumah dan sebagainya. Tiba-tiba datang kena gari walhal nak bayar kompaun atau nak bayar hukuman itu bukannya besar sangat.

Saya tidak boleh mencadangkan untuk pihak polis berkompromi dari segi keselamatan atau dari segi tatacara prosedur penangkapan yang disebut mungkin di bawah Akta Polis dan sebagainya. Saya hanya ingin memohon supaya pihak kerajaan dapat memberi perincian dalam hal ini supaya masyarakat tidak lagi dikejutkan ataupun membiarkan mereka-mereka yang berkepentingan mengganggu gugat kerja polis sehingga menjejaskan sekali lagi sektor fabrik masyarakat.

Satu lagi, saya tak tahu yang terakhir atau tidak bergantung kepada kawan-kawan mengenai Seksyen 117. Ada perkara disebut di sini yang saya perhatikan baik, ini saya rasa diperoleh selepas *public hearing* ramai orang bangun bangkit mengatakan ada tahanan-tahanan yang akhirnya tidak didapati bersalah. Kemudian dibezakan dalam cadangan di bawah Kanun Keterangan Jenayah ini mengikut kepada hukuman.

Saya minta kerajaan nanti memberi penjelasan. Bila kita tengok kepada hukuman ini, saya rasa kita melakukan sedikit kesilapan. Yang ada dalam ini, dikatakan yang di bawah 14 tahun hukuman penjara, empat hari secara dua kali dan tiga hari selama tujuh hari. Dan yang kedua, lebih 14 hari selama tujuh hari - tujuh hari. Saya ada sedikit masalah dengan pindaan ini Yang Berhormat Menteri, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, banyak lagi?

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Saya tidak tahu Tuan Yang di-Pertua, berapa banyak lagi ni....

Beberapa Ahli: [Ketawa.]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kalau nak sambung boleh sambung hari Isnin.

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Saya sambunglah, tiga hari sebelum hari Isnin ada masa untuk saya semak semula. Tapi saya rasa ada lagi di bawah Kanun Tatacara Jenayah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Satu minit lagilah. Setengah minitlah.

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Oh, saya tidak tengok jam. Di bawah seksyen ini kalau kita melihat kepada hukuman yang diberikan, saya kluatir dari segi penyiasatan Tuan Yang di-Pertua, kita tidak tengok kesalahan itu dari segi hukuman, kita tengok dari segi jangka masa penyiasatan dilakukan. Apa kata, satu-satu tahanan ataupun orang yang kena tuduh itu. Nak tanya? Ok.

Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tak payah tanyalah.

Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: Habis bila nak tanya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kita ada ucapan penangguhan.

Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: Ok, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Timbalan Menteri boleh kemukakan cadangan.

USUL

MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 16(3)

Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri [Datuk M. Kayveas]: Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3) mesyuarat ini ditangguhkan sekarang”.

Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Zainal Abidin bin Zin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

KEGAGALAN JANGKA (METER) TENAGA NASIONAL BHD

5.30 ptg.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Dalam satu tahun kebelakangan ini pihak TNB telah menjalani pemeriksaan ke atas jangka (meter) tenaga. Ada pelanggan-pelanggan di antara yang diperiksa telah diberi notis bahawa meter mereka telah diusik dan tidak merekodkan dengan tepat penggunaan elektrik yang sebenar. Kesan dari kejanggalkan meter berkenaan, TNB telah terkurang caj sebanyak beratus hingga beribu dan berpuluh ribu ringgit. Maka, pelanggan diminta menjelaskan amaun tersebut dalam masa 14 hari dari tarikh notis dikeluarkan. TNB juga menarik perhatian pelanggan bahawa mengikut Akta Bekalan Elektrik 1990, TNB boleh memotong bekalan ke premis yang berkenaan serta mengambil tindakan untuk mendapat balik kerugian hasil dan kos-kos lain yang berkaitan.

Tidak dapat dinafikan bahawa terdapat kes-kes yang benar-benar curi tenaga. Tetapi, juga terdapat juga kes-kes yang *innocent* dengan izin di mana mereka juga dikenakan caj berlebihan. Mereka cuba mendapat penjelasan dari pihak TNB tetapi penjelasan tidak dapat diterima oleh pelanggan-pelanggan yang *innocent* dengan izin. Menteri Tenaga Air dan Komunikasi telah menegur pihak TNB supaya jangan membuli pelanggan atas perkara tersebut di atas. Tetapi TNB tetap memotong bekalan ke atas mereka yang gagal membayar tuntutan yang berlebihan. Apa pelanggan boleh buat, tiada siapa boleh menolong mereka. Mengapa TNB tidak mahu mengambil tindakan mahkamah untuk menuduh mereka curi tenaga dan mendapat balik tuntutan berkenaan. Adakah Kerajaan akan menubuhkan satu Tribunal Tenaga supaya kes-kes seperti ini dapat dirujuk untuk mendapat keadilan kedua-dua pihak. TNB juga digesa jangan memotong bekalan ke atas premis sehingga kes-kes seperti dituduh dibuktikan di mahkamah. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Timbalan Menteri Tenaga Air dan Komunikasi [Dato' Shaziman bin Abu Mansor]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sentiasa mengambil erat terhadap aduan-aduan yang dibuat mengenai tindakan Tenaga Nasional Berhad memotong bekalan elektrik pelanggan. Setiap aduan yang dikemukakan kepada pihak kami akan disiasat oleh Suruhanjaya Tenaga bagi memastikan TNB mengambil tindakan dengan mematuhi undang-undang yang ditetapkan. Berdasarkan rekod kami, setiap kes penggunaan elektrik secara curang yang diambil tindakan oleh TNB adalah berdasarkan kepada bukti-bukti yang diperolehi.

Tindakan yang diambil oleh TNB adalah mengikut undang-undang yang berkuat kuasa dan tidak diambil sewenang-wenangnya. Walau bagaimanapun, sekiranya ada pihak yang tidak berpuas hati terhadap TNB, aduan boleh dikemukakan secara terus kepada

Suruhanjaya Tenaga yang bertanggungjawab bagi mengawal selia industri bekalan elektrik negara seperti yang diperuntukkan di bawah undang-undang sedia ada. Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan mengenai kes-kes di mana pengguna telah dikenakan caj lebihan oleh TNB, saya ingin memaklumkan bahawa Suruhanjaya Tenaga (ST) sentiasa memantau pihak TNB dalam menyelesaikan aduan-aduan yang diterima mengenai masalah tersebut.

Terdapat dua keadaan di mana pengguna-pengguna menerima bil elektrik yang tinggi iaitu:-

- (i) Keadaan di mana pembacaan meter pengguna adalah terkurang daripada pengguna sebenarnya yang disebabkan oleh:-
 - (a) ketidaktepatan meter;
 - (b) meter atau pemasangan yang berkaitan dengannya atau sebahagiannya gagal berfungsi; atau
 - (c) pemasangan meter yang salah.

Bagi keadaan bacaan meter terkurang dari penggunaan sebenar, Peraturan 11(2) dalam peraturan-peraturan Bekalan Pemegang Kesen (Pindaan) 2002 membenarkan TNB membuat pelarasan ke belakang ke atas akaun pengguna. Pelarasan ke belakang hendaklah tidak melebihi tiga bulan dari tarikh pengguna diberitahu tentang caj terkurang tersebut.

- (ii) Keadaan di mana pengguna disyaki mengambil atau mengguna tenaga dengan curang pula, terdapat dua pilihan tindakan yang boleh diambil di bawah Akta Bekalan Elektrik 1990 iaitu seperti berikut:-
 - (a) tindakan penguatkuasaan oleh Suruhanjaya Tenaga menurut peruntukan Subseksyen 37(3) dalam Akta Bekalan Elektrik 1990; atau
 - (b) tindakan oleh TNB menurut Seksyen 38 dalam Akta Bekalan Elektrik 1990.

Di bawah Seksyen 38, Akta Bekalan Elektrik 1990, TNB diberi kuasa untuk memotong bekalan ke premis yang menggunakan elektrik secara curang dengan memberi notis tidak kurang dari 24 jam dan seterusnya menuntut apa-apa kerugian hasil yang disebabkan oleh kesalahan yang dilakukan oleh pengguna di bawah subseksyen 37(1), 37(3) dan 37(14) dalam Akta Bekalan Elektrik 1990. Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun peruntukan undang-undang membenarkan TNB memotong bekalan elektrik ke premis yang menggunakan elektrik secara curang, pemotongan bekalan elektrik adalah merupakan langkah terakhir yang diambil oleh TNB dalam menangani masalah penggunaan tenaga elektrik dengan curang. Mengikut prosedur, langkah awal yang diambil ialah mengadakan siasatan dan mendapatkan bukti-bukti yang kukuh bagi kejadian pengusikan jangka.

Pihak pengguna yang terbabit atau wakil mereka akan dijemput untuk melihat bukti-bukti berkenaan semasa pemeriksaan di premis berkenaan. Jika bukti-bukti yang ada jelas menunjukkan bahawa pengusikan jangka telah berlalu, laporan polis akan dibuat oleh pihak TNB. Pengguna seterusnya akan diberi notis 14 hari untuk menjelaskan pengambilan ke belakang atau *back-billing*, dengan izin. Dalam tempoh yang sama, pengguna terbabit juga boleh mendapatkan penjelasan lanjut berhubung kes berkenaan serta memberikan bukti-bukti dan maklum balas yang sewajarnya bagi tujuan pertimbangan TNB sekiranya pengguna tidak berpuas hati dengan notis yang diberikan oleh pihak TNB. Pertimbangan adalah juga diberikan untuk permohonan pembayaran secara ansuran yang munasabah dengan syarat-syarat tertentu. Hanya bagi kes-kes di mana TNB tidak menerima sebarang maklum balas pengguna tenaga secara curang, TNB akan mengemukakan notis pemotongan bekalan elektrik.

Walau bagaimanapun, bekalan elektrik hanya akan dipotong setelah mendapat kelulusan Pengurus Kawasan atau Pengurus Besar Negeri untuk memastikan *due diligent*

dengan izin, dan pengguna tidak dianiaya. Oleh itu, tidak timbul persoalan bahawa TNB mengambil tindakan sewenang-wenangnya terhadap mereka yang tidak bersalah seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari kawasan Bagan. Malah prosedur bagi menangani kes penggunaan tenaga elektrik dengan curang telah mendapat Persijilan ISO baru-baru ini. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Bagan turut membangkitkan isu mengapa kes sedemikian tidak dirujuk ke mahkamah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga akhir tahun 2005, sebanyak 60 buah premis yang disyaki menjalankan aktiviti penggunaan elektrik dengan curang telah diperiksa.

Hasil pemeriksaan yang dijalankan oleh suruhanjaya, tindakan penguatkuasaan termasuk merampas meter pengguna telah dibuat dan seterusnya kertas siasatan telah dibuka bagi tujuan menjalankan siasatan lanjut. Setakat ini terdapat 22 kes yang sedang disiasat oleh Suruhanjaya Tenaga dan satu kes telah difailkan di mahkamah oleh Suruhanjaya Tenaga. Kes-kes lain sedang dijalankan siasatan lanjut bagi mendapatkan bukti untuk tujuan tindakan undang-undang selanjutnya. Kementerian tidak bercadang untuk menubuhkan tribunal khusus bagi mempertimbangkan kes-kes penggunaan elektrik dengan curang memandangkan peruntukan undang-undang sedia ada di bawah Akta Bekalan Elektrik 1990 adalah mencukupi. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Cheras, sila.

**KEGAGALAN PERMOHONAN MEMECAH BAHAGI BANGUNAN
ATAS HAK MILIK GM 930 LOT 1796 BANDAR KUALA LUMPUR
OLEH PEMAJU**

5.39 ptg.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, ada sebidang tanah lot 1796 Seksyen 93 Bandar Kuala Lumpur di Jalan Sungai Besi bernombor hak milik GM930 yang telah didirikan tiga blok bangunan. Satu blok bangunan di mana pangsapuri Sri Mutiara yang mengandungi 271 unit kediaman dan dua buah blok kompleks komersial yang mempunyai 164 unit berasingan. Pemajunya bernama Pembangunan Cipta Sarana Sdn. Bhd, projek ini telah dihuni pada tahun 1996. Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur telah mengeluarkan sijil perakuan menduduki bangunan atau CF pada 8hb April 2004 untuk blok pangsapuri Sri Mutiara.

Manakala dua blok komersial yang dikenali sebagai Wisma Mutiara, hanya dikeluarkan CF sementara yang tamat tempoh pada 8hb Oktober 2004 dan bukan suatu yang pelik. Bagaimana pemaju boleh mendapat perintah pembangunan DBKL dan CF bagi ketiga-tiga blok, sedangkan hak milik tanah ini masih mencatatkan syarat nyatanya pertanian. Dengan perkataan lain, bagaimana pemaju boleh mendapat CF dan TCF yang dikeluarkan oleh DBKL sedangkan tanah belum bertukar syarat dari pertanian ke bangunan kediaman dan komersial. Sepatutnya tukar syarat tanah berjalan dulu sebelum perintah pembangunan dikeluarkan.

Tuan Yang di-Pertua, apakah Pegawai DBKL terlepas pandang atau kerana ada hadiah dari pemaju yang membuat mereka gelap mata. Jabatan Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan (PTG) telah meluluskan tukar syarat tanah dan pecah sempadan pada 1994, tetapi kelulusan ini telah dibatalkan kerana pemaju dan pemilik tanah enggan membayar premium dan gagal mengeluarkan surat-surat daripada pemegang-pemegang kaveat. Setelah didesak oleh Persatuan Pemilik dan Penduduk pangsapuri Sri Mutiara dan para pembeli lot komersial dari semasa ke semasa barulah PTG Wilayah Persekutuan menghantar surat amaran kepada pemaju pada 4hb Ogos 2005 memberi tempoh selama dua minggu untuk memohon hak milik strata bagi para pembeli.

Walau pemaju menjawab dengan mengemukakan sekali lagi permohonan pada 4 Oktober 2005, ia tidak bermakna jika pemaju masih gagal membayar premium yang mana saya berhasrat untuk mengetahui tentang amaunnya. Para pembeli telah mendesak PTG Wilayah Persekutuan mengambil tindakan undang-undang ke atas pemaju agar pemaju

memohon tukar syarat tanah dan pertanian ke kediaman dan komersial serta memohon hak milik strata bagi setiap unit seperti tidak termaktub dalam seksyen 8 Akta Hak Milik Strata 1985. Selama ini PTG Wilayah Persekutuan telah memilih untuk diam senyap dan tidak bertindak ke atas pemaju-pemaju. Mengapa PTG Wilayah Persekutuan tidak bertindak ke atas pemaju barangkali mereka diberikan hadiah juga supaya mendiam diri.

Tuan Yang di-Pertua, saya mahu jaminan daripada menteri bahawa PTG Wilayah Persekutuan bertindak tegas ke atas pemaju untuk mengheretnya ke mahkamah dan mendesaknyanya mematuhi undang-undang tanpa menanggung-nanggung tindakan.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum mengakhiri ucapan ini, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Seri Menteri yang telah turun padang melawat ke tapak beberapa hari lalu bagi memahami dengan lebih mendalam akan kedudukan kes ini. Ini adalah satu teladan yang sangat baik, dan oleh sebab Yang Berhormat Menteri memberi perhatian khusus kepada kes ini, saya haraplah supaya masalah ini dapat di...tidak akan dilengah-lengahkan tetapi diselesaikan sebaik-baiknya seberapa segera. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri sila.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' Seri Azmi bin Khalid]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya memulakan jawapan, saya ingin menunjukkan di sini gambar, saya akan tunjuk kepada Yang Berhormat nanti tapak yang berkenaan. Sebelum pembangunan dimulakan, sebenarnya *it is slum area*. Dasar DBKL sejak tahun 70an ialah membasmi Kuala Lumpur daripada *slum area*. *Slum area* membiakkan bermacam-macam masalah, antara lain ialah gengsterisme dan bermacam-macam penyakit masyarakat. Jadi dasar ialah untuk membangun kawasan dengan secepat mungkin.

Maka dasar pada masa itu ialah, walaupun tanah belum diubah syarat, tetapi apabila DBKL dimaklumkan secara bertulis dan mendapat bukti bahawa permohonan telah dibuat untuk mengubah syarat, DBKL berhak dan mengikut dasar pada masa itu (dan sekarang pun) boleh mengizinkan pembangunan dimulakan. Itu sebagai latar belakang. Di samping itu, DBKL tidak mengecualikan pemaju membayar, membuat permohonan dan membayar segala premium termasuk premium-premium ubah syarat, dan juga selepas itu membuat permohonan untuk mendapatkan *strata title*. Jadi itu sebagai latar belakang.

Saya ingin membaca jawapan secara bertulis dan kalau ada soalan daripada Yang Berhormat nanti saya akan jawab. Pada dasarnya pemaju pangsapuri...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat tidak boleh diganggu semasa jawapan.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Jadi oleh kerana itu Yang Berhormat, ya *okay*, saya baca ya. Pada dasarnya pemaju pangsapuri Mutiara adalah bertanggungjawab untuk mengemukakan permohonan hakmilik *strata* dalam tempoh enam bulan selepas sijil layak menduduki dikeluarkan. Tetapi telah pun gagal untuk berbuat demikian. Untuk membolehkan *strata title* dikeluarkan, pemaju mesti menunjukkan bukti bahawa CFO dikeluarkan.

Jadi DBKL membantu untuk membolehkan pemaju memohon mendapat *strata title*, oleh sebab bangunan-bangunan berkenaan telah pun siap dan telah pun diduduki oleh pembeli-pembeli dan penghuni-penghuni. Mengikut siasatan yang dibuat di atas perkara ini, didapati bahawa tanah yang dibangunkan ini didirikan adalah masih lagi dalam kategori pertanian, (itu saya telah maklum). Pemaju belum lagi menyelesaikan pertukaran syarat nyata tanah untuk kategori kediaman. Siasatan juga mendapati bahawa pemaju sebenarnya telah mengemukakan permohonan tukar syarat nyata tanah beberapa kali, namun permohonan itu terbatal atas sebab-sebab tertentu seperti berikut.

Pada tahun 1993, permohonan tukar syarat nyata tanah diluluskan oleh Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan disyaratkan pemaju membayar premium sebanyak RM2,518,858.70. Bagaimanapun permohonan tersebut terbatal setelah pemohon telah menarik balik permohonannya. Pada bulan Mei 2005, permohonan tidak dapat di proses apabila DBKL mendapati permohonan tidak lengkap dan

pemaju tidak mengemukakan surat keizinan daripada penkaveat. Masalah sebenar Yang Berhormat, ialah untuk mendapatkan strata *title*. Pemaju harus mendapat kelulusan daripada orang yang mengkaveat tanah. Tiap pembeli (dan mengikut nasihat bank), apabila sesuatu bangunan dibeli dengan syarat akan ada *strata title* kelak, selalunya pembeli dinasihat mengkaveatkan tanah. Namun sampai hari ini belum lagi selesai isu kaveat. Daripada lima kaveat yang dikenakan oleh pembeli-pembeli hanya tiga yang ditarik balik, dua belum ditarik balik lagi. Jadi proses mengeluarkan kaveat itu perlu dilalui dan diselesaikan sebelum dikeluarkan *title*.

Pada bulan Oktober 2005, permohonan ini di proses oleh Jabatan Tanah dan Galian Persekutuan Kuala Lumpur, tetapi masalah kaveat masih belum selesai. Sebagai langkah penyelesaian masalah ini, Jabatan Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah berusaha bagi memastikan bahawa pemaju mengemukakan permohonan tukar syarat nyata tanah yang lengkap dengan pembayaran premium yang ditetapkan oleh jabatan. Sekiranya pemaju gagal menyelesaikan masalah tukar syarat nyata tanah kepada kategori kediaman, tindakan penguatkuasaan di bawah seksyen 127 Kanun Tanah Negara boleh diambil terhadap pemaju melalui penyertaan di mana bangunan dibina melanggar syarat tanah kategori pertanian akan dirobohkan.

Dalam kes ini, bangunan telah siap, orang pun telah duduk, bangunan pun cantik juga, jadi macam mana kalau kita ambil tindakan merobohkan, tidak praktikal. Orang itu telah bayar, dia telah mengambil pinjaman wang daripada bank. Kalau dikeluarkan (orang itu), dia kena sewa tempat lain, bayaran bank terus kena dibayar. Maka pihak kerajaan menggunakan budi bicara. Jadi kerajaan tidak mengambil tindakan begitu kejam ke atas rakyat. Sehubungan itu, mengikut peruntukan Akta Hak Milik Strata 1985, pemaju dikehendaki mengemukakan permohonan hak milik strata tanpa menunggu kelulusan tukar syarat tanah kepada kategori kediaman. Untuk mencepatkan proses mendapat *strata title* ada kelonggaran, tidak apa, belum bertukar syarat, minta *strata title*.

Justeru semakan mendapati bahawa pemilik belum membuat permohonan hak milik strata walaupun bangunan siap dibina pada 24 September 1999. Tindakan penguat kuasa mengikut peruntukan seksyen 8 Akta Hak Milik Strata 1985 juga akan diambil ke atas pemaju ini sekiranya masih gagal. Pemaju ini telah diberi notis untuk memohon dan seterusnya dalam proses penyiasatan, tetapi yang masih tertangguh ialah urusan kaveat yang diharapkan orang yang meletakkan kaveat itu akan menarik balik. Saya pun telah bertemu dengan pemaju, mereka memang ada wang untuk membayar. Dan mereka mahu menyerahkan sebahagian daripada tanah itu, supaya premium yang dulunya dikenakan kepada mereka dapat di kurangkan kerana sebahagian daripada tanah itu sudah digunakan untuk jalan. Semuanya ini dapat ditimbang, hanya menunggu pihak-pihak yang meletakkan kaveat dapat menarik balik kaveat.

Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Selesailah, tetapi peraturan mesyuarat tidak dibenarkan, boleh tanya selepas ini. Selesailah aturan mesyuarat kita pada hari ini. Ahli-ahli Yang Berhormat dengan ini, saya tangguhkan Dewan yang mulia ini sehingga pukul 10.00 pagi hari Isnin minggu depan.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.52 petang.